Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

BEKAS CEO SYARIKAT AIR JOHOR DIDAKWA TIPU RM3.38 JUTA

COO KONSESI LEBUH RAYA DITUDUH TERIMA SUAPAN RM70,000

9

SELASA | 28 JANUARI 2025 | 28 REJAB 1446H | BIL : 6423 | PP11200/02/2013 (031412) sinarharian.com.my SinarOnline SinarHarian SinarHarian sinarharian sinarharianonline RM1.80




LAWATAN BERSEJARAH PRABOWO KE MALAYSIA

KUNJUNGAN Presiden Indonesia itu merupakan lawatan negara pertama oleh seorang ketua negara asing ke Malaysia selepas pertabalan Sultan Ibrahim sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Sultan Ibrahim dalam catatan di Facebook memberitahu Prabowo adalah sahabat karib Seri Paduka yang dikenali sejak lebih 40 tahun lalu ketika sama-sama mengikuti latihan ketenteraan di Amerika Syarikat.

4



Rakyat Palestin kembali ke utara Gaza pada Isnin.

PELAN JAHAT KOSONGKAN TANAH GAZA

- **Pelbagai pihak mengecam Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump yang mengemukakan rancangan untuk mengosongkan tanah Gaza dengan memindahkan lebih 1.5 juta rakyat Palestin ke Jordan dan Mesir kononnya demi mencapai keamanan di Asia Barat.**
- **Jordan dan Mesir bagaimanapun menolak sekeras-kerasnya 'pelan jahat' tersebut dan mempertahankan kehadiran rakyat Palestin di tanah air mereka sendiri selaras undang-undang antarabangsa.**
- **Pakar hubungan antarabangsa Malaysia pula menganggap idea pemindahan besar-besaran tersebut sebagai muslihat AS dan Israel untuk menduduki sepenuhnya bumi Palestin.**

MUKA 2 & 3



RAZMAN HANNAH YEOH

RAZMAN AKUI SILAP DAKWA HANNAH YEOH ANAK YTL

PESURUHJAYA Pas Perak, Razman Zakaria, mengakui beliau terkhilaf apabila mendakwa Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh ada kaitan dengan keluarga bilionair, mendiang Tan Sri Dr Yeoh Tiong Lay yang merupakan pengasas Kumpulan YTL.

7



Had laju jalan persekutuan diturunkan kepada 80km/j hingga 2 Februari

5



PeSAWAH tuntut harga belian padi dinaik ke RM1,800 satu tan

8



Kes ganja: Along Cham sujud syukur terlepas hukuman jel seumur hidup

14

Sinar Harian
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Abbas kecam idea gila Trump

Tolak pelan jahat 'kosongkan Gaza', pindah penduduk Palestin ke Jordan dan Mesir

RAMALLAH

Presiden Palestin, Mahmoud Abbas mengecam sebarang rancangan jahat untuk memindahkan penduduk Gaza dari wilayah tersebut.

Kenyataan tegas itu adalah respons terhadap idea gila Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump yang mahu golongan tersebut dipindahkan ke Mesir dan Jordan.



MAHMOUD ABBAS

Tanpa menyebut nama Trump, Abbas dengan lantang menolak pelan penuh muslihat itu. "Penduduk Palestin tidak akan berganjak dari tanah air mereka," tegasnya.

Pada Sabtu, Trump sewenang-wenangnya mencadangkan Amman dan Kaherah menerima rakyat Palestin atas alasan mahu mengosongkan Genting Gaza.

"Kami tidak akan membiarkan malapetaka pada 1948 dan 1967 kembali berulang," kata Abbas merujuk kepada Hari Nakba dan Perang Arab-Israel (Naksa) yang menyebabkan pengusiran ratusan ribu penduduk Palestin.

Beliau juga menolak sebarang dasar yang cuba menjejaskan perpaduan di wilayah Palestin yang meliputi Gaza, Tebing Barat dan Baitulmaqdis Timur.

"Trump sepatutnya menyokong perjanjian gencatan senjata di Gaza dan Pihak Berkuasa Palestin (PA) sentiasa bersedia untuk mengambil alih pentadbiran di wilayah tersebut selepas perang genosid selama lebih 15 bulan berakhir," tambahnya.

Pendirian sama turut disuarakan pegawai kanan Hamas.

"Kami akan terus menggagalkan pelan sedemikian seperti yang dilakukan sejak beberapa dekad lalu," ujar anggota Biro Politik Hamas, Bassem Naim.

Gerakan Jihad Islam yang memperjuangkan bumi Gaza juga menolak idea itu yang jelas akan menggalakkan jenayah perang dan jenayah kemanusiaan.

LAPORAN MUKA DEPAN



Secara purata, penduduk Gaza terpaksa berpindah-randah lebih lima kali dalam tempoh 15 bulan lalu.

Sementara itu, Liga Arab memberi amaran terhadap sebarang rancangan untuk mengusir penduduk Palestin.

"Pemindahan secara paksa dan rancangan pengusiran itu sememangnya satu bentuk kempen pembersihan etnik," menurut sekretariat blok itu dalam satu kenyataan.

Trump mengemukakan rancangan untuk 'mengosongkan' Gaza kononnya demi mencapai keamanan di Asia Barat.

Pelan ini bagaimanapun akan memerlukan Mesir dan Jordan menerima warga Palestin di negara masing-masing.

"Perkara ini melibatkan sekitar 1.5 juta orang, mengapa tidak kita kosongkah sahaja seluruh wilayah itu?" kata Trump.

Beliau turut menyifatkan Gaza sebagai 'tapak perobohan' dan langkah pemindahan itu boleh bersifat 'sementara atau jangka panjang'. Presiden ke-47 AS itu bagaimanapun tidak menetapkan sebarang visi berhubung tadbir urus pascaperang di Gaza.

Ketika menandatangani perintah eksekutif selepas kembali ke Rumah Putih, beliau ada menyebut tentang prospek hartanah di wilayah tersebut dan memuji lokasi tepi laut dan cuacanya.

"Saya lihat gambar Gaza, ia seperti tapak perobohan berskala besar. Ia bakal dibina semula dengan cara yang berbeza," katanya tanpa memberi butiran lanjut.

Genting Gaza terletak di sepanjang pantai sejauh 41 kilometer menghadap Laut Mediterranean yang terkenal dengan panorama indah.

Bagi kumpulan pendatang Yahudi, mereka berharap untuk kembali semula ke Gaza sejak pengusiran pada 2005 yang menyaksikan perobohan kira-kira 21 penempatan haram.

INFO PELARIAN PALESTIN

- Terdapat kira-kira 5.9 juta pelarian Palestin di seluruh dunia. Sebahagian besar mereka adalah keturunan penduduk Palestin yang diusir ketika penubuhan negara haram Israel pada 1948.
- Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Jordan sudah menempatkan kira-kira 2.3 juta pelarian Palestin berdaftar.
- Dianggarkan jumlah populasi Palestin di Mesir adalah antara 50,245 dan 110,000 orang. Ketika Perang Gaza meletus pada Oktober 2023, data anggaran Pihak Berkuasa Palestin mendapati kira-kira 115,000 rakyatnya melintasi sempadan dari Gaza ke Kaherah.

Jordan, Mesir tolak pemindahan besar-besaran penduduk Gaza

AMMAN - Jordan dan Mesir mengulangi penolakan terhadap rancangan pemindahan besar-besaran penduduk Palestin seperti disuarakan Donald Trump.

"Prinsip dan kedudukan kami tentang hal ini jelas iaitu untuk memastikan penduduk Palestin kekal di tanah air mereka. Penolakan ini penting untuk memastikan kestabilan dan keamanan di rantau tersebut.

"Jordan untuk Jordan, Palestin untuk Palestin," ujar Menteri Luar, Ayman Safadi ketika sidang media bersama Koordinator Kanan Kemanusiaan dan Pembinaan Semula untuk Gaza, Sigrid Kaag di Amman pada Ahad.

Beliau juga cuba 'berlembut' apabila menyatakan Jordan tidak sabar untuk bekerjasama dengan pentadbiran baharu AS bagi mencapai perdamaian di Asia Barat.

Bantahan sama dinyatakan Mesir yang menolak sekeras-kerasnya penempatan penduduk Palestin dari tanah air mereka.

Kementerian Luar di Kaherah menegaskan sokongan berterusan terhadap perjuangan penduduk Palestin dan hak sah mereka di wilayah tersebut berdasarkan undang-undang antarabangsa serta undang-undang kemanusiaan.

"Kami membantah sebarang cubaan untuk menggugat hak mereka seperti projek peluasan penempatan haram Yahudi, rampasan tanah atau mahu memindahkan golongan itu dari tanah air mereka tidak kira untuk tempoh masa sementara atau jangka panjang.

"Tindakan sedemikian ternyata mengancam kestabilan dan berisiko memperluas konflik serantau dan menjadi penghalang utama kepada peluang untuk mencapai keamanan serta kewujudan bersama di Asia Barat," menurut kenyataan kementerian itu.

Mesir menggesa komuniti antarabangsa supaya berusaha ke arah melaksanakan penyelesaian dua negara termasuk penubuhan negara merdeka Palestin dalam konteks perpaduan Gaza dan Tebing Barat serta Baitulmaqdis Timur selaras dengan garis sempadan pra-1967.

JADUAL WAKTU SOLAT

NEGERI	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERLIS	6:25	7:37	1:34	4:55	7:28	8:40
ALOR SETAR	6:25	7:34	1:34	4:55	7:28	8:40
PULAU PINANG	6:24	7:33	1:34	4:55	7:29	8:42
IPOH	6:21	7:29	1:32	4:53	7:28	8:41
KOTA BHARU	6:17	7:29	1:27	4:48	7:21	8:29
KUALA TERENGGANU	6:13	7:24	1:23	4:44	7:18	8:31

NEGERI	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KUANTAN	6:10	7:22	1:23	4:45	7:22	8:34
KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA	6:17	7:26	1:29	4:51	7:27	8:39
SHAH ALAM	6:17	7:25	1:29	4:51	7:27	8:39
SEREMBAN	6:14	7:24	1:28	4:50	7:27	8:39
BANDAR MELAKA	6:13	7:24	1:27	4:48	7:26	8:38
JOHOR BAHRU	6:06	7:17	1:20	4:42	7:21	8:33

• PENERBIT/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (CEO) GRUP SINAR KARANGKRAF: FARAH HUSSAMUDDIN • KETUA PENGARANG KUMPULAN: ZAMRI RAMBLI
• PENGARANG EKSEKUTIF (CETAK): AZMI TARMIZI • PENGARANG EKSEKUTIF (DIGITAL): RUZY ADILA IDRIS • PENGARANG BERITA: JUNHAIRI ALYASA
• TIMBALAN PENGARANG BERITA: BADRULDIN ZAKARIA, ZUKI PILEH, AZLINA MOHAMAD JANTAN, AHMAD SYAHRUL DERAUH • KETUA JABATAN IKLAN: AIROL FADLEY LIMIN • PENGARAH KREATIF KANAN: NORAZLAN ISMAIL
• Diterbitkan oleh Sinar Karangkraf Sdn Bhd, No.3, Jln Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51017388 Faks: 03-51017333 • Dicetak oleh Ultimate Print Sdn.Bhd. , Lot 2, Jln Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51013888 Faks: 0351013301 • Tel: 03-51017480 (Unit Langganan Karangkraf Mall) • E-mel: editorsh@sinarharian.com.my

Trump sebenarnya berniat bantu Israel takluk tanah Palestin

Motif jahat mahu kuasai Gaza

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
SHAH ALAM

LAPORAN MUKA DEPAN

Cadangan Donald Trump supaya penduduk Palestin di Gaza dipindahkan ke negara jiran seperti Mesir dan Jordan bukanlah niat untuk membantu.

Pakar Hubungan Antarabangsa dari Universiti Utara Malaysia, Profesor Dr Ahmad Marthada Mohamed sebaliknya berkata, Presiden Amerika Syarikat (AS) itu mempunyai motif jahat mahu menguasai tanah Palestin buat selama-lamanya.

Ahmad Marthada berkata, sekiranya ingin membantu, Trump sepatutnya menghantar bantuan dan menyediakan segala kemudahan untuk penduduk Palestin membina semula Gaza bagi mendapatkan kehidupan lama mereka.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu berlaku sebaliknya apabila AS bersungguh-sungguh supaya tanah Gaza dikosongkan seolah-olah membuka ruang kepada Israel menakluki kawasan tersebut.



AHMAD MARTHADA

"Pada pendapat saya, cadangan terbaharu Trump itu hanya bertujuan untuk membantu Israel meluaskan wilayah, seterusnya menguatkan lagi pengaruh mereka.

"Kita semua tahu Gaza dikuasai Hamas, manakala Tebing Barat dikuasai Fatah. Fatah adalah kumpulan pro-Israel dan Amerika. Sudah pasti ini agenda sebenar bahawa jika Gaza kosong, memudahkan mereka untuk mengambil alih tanah itu kerana tidak akan ada lagi serangan dari Hamas," katanya.

Beliau juga mengingatkan bahawa rakyat Palestin menjadi pelarian disebabkan serangan rejim Zionis dan bukan sengaja melarikan diri.

"Rakyat Palestin sebenarnya mahu pulang dan tinggal di Gaza berbanding diletakkan di negara lain," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.



Penduduk Palestin di Kem Pelarian al-Nuseirat di tengah Semenanjung Gaza menunggu untuk dibenarkan pulang ke rumah mereka di utara Gaza.

Ahmad Marthada juga menjelaskan, ramai rakyat Palestin yang berhijrah ke negara lain sebelum ini, bagaimanapun mereka menerima layanan kelas kedua.

"Ada sebahagian daripada mereka pergi ke Jordan, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Arab Saudi, tetapi mereka tidak dapat apa-apa keistimewaan seperti warga tempatan. Sudah tentu rakyat Palestin terutama dari Gaza tidak mahu tinggal di negara luar," katanya.

Beliau berpandangan, apa sahaja cadangan untuk membantu rakyat Palestin di Gaza perlulah perbincangan dengan negara-negara Islam lain menerusi Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

OIC, Liga Arab dan PBB digesa tegas tolak cadangan Trump



DZUL AIMAN

SHAH ALAM - Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Liga Arab dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) digesa supaya bertindak menolak cadangan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump untuk memindahkan rakyat Palestin di Gaza ke negara jiran seperti Mesir serta Jordan.

Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Muhammad Dzul Aiman Zulkefly berkata, gesaan itu bertujuan bagi memastikan keamanan dan hak keadilan buat rakyat Palestin terus terbela.

"Penyelesaian konflik Palestin-Israel haruslah berdasarkan prinsip keadilan dan kedaulatan tanah, bukan melalui pemindahan paksa yang menghapuskan identiti rakyat Palestin.

"Trump yang terus mempromosikan dasar berat sebelah dan tindakan provokatif dengan menyokong rejim Zionis nyata bercanggah dengan aspirasi masyarakat antarabangsa yang mengimpikan keamanan sejagat," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Ujar Muhammad Dzul Aiman, saranan Trump itu tidak bertanggungjawab, melanggar hak asasi manusia, undang-undang antarabangsa dan prinsip kedaulatan tanah air Palestin.

"PKPIM memandang perkara ini merupakan penjajahan moden tidak bermoral yang akan menambah penderitaan rakyat Palestin dan mengulangi tragedi hitam Nakba pada tahun 1948.

"PKPIM menegaskan bahawa rakyat Palestin berhak kekal di tanah air mereka seperti termaktub dalam undang-undang antarabangsa dan resolusi PBB," ujar beliau.

Semangat mempertahankan tanah air masih kuat

SHAH ALAM - Semangat rakyat Palestin untuk mempertahankan tanah air mereka masih kuat dan mustahil untuk dipindahkan keluar.



MUHAMMAD NADIR

Ketua Pegawai Eksekutif Cinta Gaza Malaysia, Muhammad Nadir Al-Nuri Kamaruzaman sehubungan itu berpendapat, cadangan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump untuk memindahkan rakyat Palestin di Gaza ke negara jiran tidak akan berhasil dan hanyalah kata-kata kosong.

Beliau berkata, ketika ini pun apabila sempadan dan laluan dibuka, rejim Israel tidak berjaya menghalang penduduk Gaza untuk kembali ke rumah masing-masing di sebelah utara.

"Kenyataan itu menunjukkan kononnya mereka masih mempunyai pengaruh tetapi terbukti apa yang berlaku di bumi Palestin ketika ini bahawa sepanjang 15 bulan berada dalam peperangan, mereka gagal mengeluarkan penduduk Palestin di bumi Gaza.

"Jadi, mustahil untuk mereka mahu memaksa rakyat Palestin keluar dan duduk di negara lain. Idea Trump itu hanya kata-kata kosong yang tidak akan jadi kenyataan," ujarnya.



Rakyat Palestin di Kem Pelarian al-Nuseirat di tengah Semenanjung Gaza.



Sinar Harian
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Agong kurnia Darjah Kerabat Johor kepada Prabowo



Sultan Ibrahim (tengah) berkenan mengurniakan Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati I kepada Prabowo (kiri) ketika berangkat ke Istiadat Sambutan Negara dan Jamuan Negara di Istana Negara pada Isnin.

KUALA LUMPUR - Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan mengurniakan Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (D.K.1) kepada Presiden Indonesia, Prabowo Subianto.

Menerusi catatan di Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, pengurniaan D.K.1 kepada Prabowo berlangsung di Istana Negara di sini dan disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Yang Mulia Bapak Prabowo merupakan sahabat karib Seri Paduka Baginda yang dikenali lebih 40 tahun, sejak zaman latihan ketenteraan di Amerika Syarikat pada 1980-an," menurut catatan itu.

Dalam pada itu, Prabowo ketika sidang media bersama Anwar berkata, beliau menjunjung kasih kepada Yang di-Pertuan Agong atas kurniaan Darjah Kerabat Johor kepadanya.

Prabowo berkata, pengurniaan darjah tersebut menjadi lambang keakraban hubungan antara dirinya dengan Sultan Ibrahim serta kerabat Kesultanan Johor.

"Hubungan kami sangat lama, mungkin sudah 45 tahun saya kenal dengan Yang di-Pertuan Agong, sewaktu kami masih sama-sama muda dan bersekolah di Amerika Syarikat," katanya.

Sementara itu, Prabowo turut menyatakan bahawa rakyat Malaysia dan Indonesia memiliki pelbagai persamaan, yang menjadi kekuatan kepada hubungan antara kedua-dua negara jiran itu.

"Malaysia dan Indonesia memiliki kepentingan yang sama, kita ini pendiri ASEAN. Kita mempunyai hubungan sejarah, darah dan etnik.

"Hal seharusnya membuat hubungan kita lebih khas, pastinya terdapat hubungan istimewa antara Malaysia dan Indonesia," katanya. - *Bernama*

'Prabowo sahabat setia saya'

Anwar zahirkan penghargaan kepada Presiden Indonesia sempena lawatan negara ke Malaysia

KUALA LUMPUR

LAPORAN MUKA DEPAN

Malaysia dan Indonesia bersetuju untuk memanfaatkan segala kekuatan yang ada antara kedua-dua negara meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk pertahanan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Indonesia mempunyai banyak pengalaman dalam bidang pertahanan dan Malaysia bersedia melihat sebarang bentuk jalinan kerjasama yang ada.

"Harus ada kesediaan pihak Malaysia untuk melihat apa yang mungkin kita peroleh dari Indonesia dan yang tentunya lebih utama ketimbang memperoleh atau membeli dari negara-negara lain.

"Jadi hal itu hanya akan berlaku sekiranya ada bukan sahaja persefahaman tapi kedekatan, keyakinan dan *trust* dalam kalangan pimpinan dan pasukan pimpinan," katanya.

Anwar berkata demikian pada sidang media bersama Presiden Indonesia, Prabowo Subianto di Menara Berkembar Petronas, sempena lawatan negara pemimpin itu ke Malaysia pada Isnin.



Anwar (kiri) menyambut ketibaan Prabowo untuk acara minum petang sempena lawatan negara Prabowo ke Malaysia di Menara Berkembar Petronas pada Isnin.

Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Indonesia mempunyai sejarah yang dekat seperti bahasa serta budaya, justeru kedua-dua negara juga harus meningkatkan kerjasama bidang ekonomi, perdagangan, pelaburan, pendidikan, kajian, teknologi makanan, industri hiliran serta tenaga.

Anwar turut menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Presiden Indonesia itu yang disifatkannya sebagai sahabat setia dan saudara yang dekat, dalam masa senang dan susah.

"Jadi sekali lagi bagi pihak saya dan keluarga, saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada sahabat dan saudara saya, Prabowo Subianto yang dekat dalam masa senang susah, antara sahabat setia saya yang sentiasa memerhatikan dan mengambil berat dalam masa duka lara saya yang panjang," kata beliau.

Terdahulu, Prabowo diberikan sambutan negara penuh istiadat di Istana Negara bersempena dengan lawatan negara ke Malaysia.

Lawatan ini ialah lawatan negara pertama oleh seorang ketua negara asing ke Malaysia, selepas pertabalan Sultan Ibrahim sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Ia juga lawatan negara pertama oleh Prabowo ke negara Asia Tenggara sejak pelantikannya sebagai Presiden Indonesia pada 20 Oktober 2024.

Sebagai jiran rapat yang mempunyai hubungan kukuh dan ahli pengasas ASEAN, lawatan negara ini mencerminkan komitmen kedua-dua negara memperkukuh hubungan strategik bersama. - *Bernama*

Sinergi Malaysia-Indonesia perkukuh suara ASEAN

KUALA LUMPUR - Sinergi antara Malaysia, Indonesia dan rakan-rakan ASEAN amat penting untuk memastikan suara rantau ini lebih didengari di peringkat global, khususnya dalam menghadapi cabaran geopolitik dunia yang penuh ketegangan, kata Presiden Indonesia, Prabowo Subianto.

Beliau menegaskan, hubungan erat antara Malaysia dan Indonesia sebagai negara serumpun yang berkongsi sejarah, budaya, etnik dan agama, harus dijadikan asas kepada kerjasama strategik yang lebih kukuh, seterusnya memperkukuh perpaduan ASEAN.

"Dari segi geopolitik kita sedar bahawa dunia sekarang penuh dengan ketegangan, ketidakpastian. Kerana itu pandangan Malaysia dan Indonesia, perlu kita konsultasi terus, perlu kita sinergikan terus bersama kawan-kawan ASEAN yang lain.

"Hanya dengan kesatuan antara negara ASEAN, kerjasama yang baik di antara kita, suara kita lebih didengar, kita lebih diperhitungkan oleh kekuatan yang jauh lebih besar daripada kita," katanya.

Prabowo turut menekankan bahawa ASEAN, dengan lebih 600 juta penduduk, memiliki potensi besar yang setanding dengan Kesatuan Eropah (EU).

"Seluruh dunia mengakui Asia Tenggara sebagai rantau pertumbuhan dan sekarang Asia Tenggara selama beberapa dekad merupakan rantau keamanan.

"Kita tidak ada konflik antara negara ASEAN. Untuk itu, saya dengan PM Anwar dengan pertemuan sangat intensif, membahas banyak masalah dan kerjasama, intinya adalah keputusan politik, keazaman politik bahawa Malaysia dan Indonesia harus bekerjasama dengan erat," katanya.

Mengulas mengenai Palestin, Prabowo berkata, Malaysia dan Indonesia berkongsi pendirian sama dalam menyokong penyelesaian dua negara.

"Masalah Palestin, kita berada dalam satu garis. Kita tetap mendukung kemerdekaan Palestin dan kita sangat tegas bahawa satu-satunya penyelesaian adalah penyelesaian dua negara.

"Itu yang selalu kita sampaikan. Kita menerima dengan baik gencatan senjata sekarang dan tentunya kita berharap gencatan senjata ini akan bertahan," katanya.

Dalam pada itu, Prabowo memberikan komitmen Indonesia menyokong kepimpinan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025.

"Kami mendukung Malaysia sebagai ketua ASEAN tahun ini," katanya. - *Bernama*

Had laju diturunkan kepada 80km/j

Di semua jalan persekutuan bermula 28 Januari hingga 2 Februari

KUALA LUMPUR

Had laju di semua jalan persekutuan di seluruh negara akan diturunkan daripada 90 kilometer sejam (km/j) kepada 80km/j bermula 28 Januari hingga 2 Februari depan sempena perayaan Tahun Baharu Cina.



NANTA

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dalam kenyataan pada Isnin memaklumkan, penurunan sementara had laju selama enam hari sepanjang Op Bersepadu itu bertujuan meminimumkan risiko kemalangan jalan raya.

"Sepanjang tempoh itu, kerja-kerja pembinaan dan penyenggaraan jalan yang tidak kritikal akan dihentikan sementara agar tidak mengganggu aliran trafik manakala kerja-kerja kecemasan yang perlu disegerakan demi keselamatan pengguna akan dirancang sebaiknya.

"Sekiranya perlu, laluan alternatif akan disediakan agar tidak mengganggu perjalanan pengguna ke destinasi dituju," katanya.

Selain itu, bagi memastikan kelancaran lebuh raya, Nanta turut mengarahkan syarikat Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) menghentikan sementara kerja pelebaran lorong di jajaran Sedenak-Kulai bermula 23 Januari hingga 3 Februari 2025.

Dalam pada itu, Nanta menyarankan semua pengguna jalan raya untuk siap siaga sepenuhnya sebelum melakukan perjalanan termasuk menjaga kesihatan, berehat secukupnya sebelum dan semasa perjalanan agar tidak mengalami keletihan melampau serta mengantuk semasa memandu.

Beliau turut mengingatkan pengguna jalan raya untuk memastikan kad debit, Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) dan Touch n' Go mempunyai baki mencukupi untuk mengelakkan gangguan kesesakan kepada pengguna lain di plaza tol.

Pengguna jalan raya juga diingatkan untuk memeriksa kondisi kenderaan termasuk tayar supaya siap sedia untuk perjalanan jauh dan memandu kenderaan secara berhemah, sentiasa bersabar dan mengikut undang-undang jalan raya.



Had laju di semua jalan persekutuan di seluruh negara akan diturunkan daripada 90km/j kepada 80km/j bermula 28 Januari hingga 2 Februari depan sempena Tahun Baharu Cina.

"Sejajar dengan semangat dan aspirasi Program MyJalan yang diterajui oleh KKR (Kementerian Kerja Raya), semua pengguna jalan raya bertanggungjawab memastikan keselamatan diri dan penumpang serta keselamatan dan keselesaan pengguna yang lain.

"Anggaplah pengguna jalan raya lain sebagai ahli keluarga kita atau ahli keluarga besar Malaysia Madani. Semoga kita sentiasa meraikan kepelbagaian dan menanam dengan kukuh rasa saling menyayangi, rasa hormat serta terus memupuk nilai-nilai perpaduan dalam sanubari kita," katanya.

Nanta turut mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Tahun Baharu Cina kepada seluruh rakyat Malaysia. - *Bernama*

3,609 polis ditugaskan sempena Op Selamat

KUALA LUMPUR - Seramai 3,609 anggota dan pegawai polis ditugaskan dalam Op Selamat Ke-23 sempena Tahun Baharu Cina di seluruh negara.



MOHD YUSRI

Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, ia melibatkan seramai 320 pegawai kanan polis dan 3,289 pegawai rendah.

"Kita mahu memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya terjamin dengan menguatkuasakan undang-undang agar dapat mengurangkan kadar kemalangan," katanya.

Mohd Yusri berkata, berkata, pihaknya telah mengenal pasti sebanyak 76 *blackspot* iaitu lokasi yang seringkali berlaku kemalangan di seluruh negara dan 407 *hotspot* iaitu lokasi kesesakan jalan raya.

Op Selamat menumpukan perhatian khusus kepada enam kesalahan trafik utama yang telah dikenal pasti menjadi penyumbang kepada kemalangan jalan raya sepanjang musim perayaan.

Enam kesalahan trafik yang menjadi fokus utama Polis Diraja Malaysia adalah memandu melebihi had laju, memandu di lorong kecemasan, memotong di garisan berkembar, memotong barisan 'Q', tidak mematuhi lampu isyarat dan menggunakan alat komunikasi semasa memandu.

22,252 notis JPJ dalam tempoh seminggu

KUANTAN - Sebanyak 22,252 notis dikeluarkan atas pelbagai kesalahan terhadap kenderaan dan pemandu yang gagal mematuhi peraturan dalam tempoh seminggu Operasi Khas Tahun Baharu Cina 2025.

Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan, Datuk Aedy Fadly Ramli berkata, dalam tempoh itu, kesalahan melibatkan motosikal merekodkan kes tertinggi dengan 9,507 kes diikuti kenderaan barangan (6,363), kereta (4,888) dan lain-lain kenderaan persendirian (1,058).

Menurutnya, hasil pemeriksaan ke atas 100,534 kenderaan yang dijalankan, pihaknya turut mengesan 302 kesalahan melibatkan kenderaan perkhidmatan awam, lain-lain kenderaan (93) dan kenderaan asing (41).

"Dalam tempoh seminggu operasi, sebanyak 223 kenderaan dikenakan tindakan sitaan.

"Melalui operasi itu, JPJ memfokuskan kepada sembilan kesalahan utama iaitu tiada lesen memandu kompeten (CDL), lebih muatan, tidak memakai topi keledar dan tali penggang, tidak mematuhi isyarat lampu merah serta menggunakan telefon bimbit.

"Turut diberi perhatian, kesalahan memotong di garisan berkembar, memandu di lorong kecemasan, memotong barisan dan memandu kenderaan berat di lorong laju," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas lawatan kerja ke ibu pejabat JPJ Pahang, Indera Mahkota di sini pada Isnin.

Sementara itu, Aedy Fadly mengingatkan semua pemilik dan pemandu kenderaan barangan supaya mematuhi Larangan Pemanduan Ke Atas Kenderaan Barangan yang dilaksanakan selama empat hari bermula Isnin dan Selasa ini (sebelum perayaan) serta selepas perayaan iaitu pada 1 dan 2 Februari depan.

"Pemandu dan pemilik kenderaan yang didapati gagal mematuhi peraturan di bawah Kaedah 2 (1), Kaedah-kaedah Lalu Lintas Jalan (Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan) 2025 berdepan tindakan mengikut Seksyen 59 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

"Jika sabit kesalahan, boleh di kompaun RM300 atau denda di mahkamah tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak lebih enam bulan," katanya.

Kenderaan masuk Johor dijangka meningkat 15 peratus

JOHOR BAHRU - Jumlah kenderaan luar yang memasuki Johor dijangka meningkat antara 10 hingga 15 peratus sempena sambutan Tahun Baharu Cina termasuk menerusi Tambak Johor dan Linkedua.

Ketua Polis Johor, Datuk M Kumar berkata, peningkatan itu akan menyaksikan hingga 100,000 kenderaan memasuki negeri ini daripada semua laluan darat.

"Kita jangka akan ada kesesakan termasuk di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di sini dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) di Iskandar Puteri tetapi kita telah menyediakan pegawai dan anggota mencukupi untuk mengurangkan kesesakan.

"Johor ini unik, selain 'kebanjiran' di lebuh raya kita juga fokus di keduadua pintu masuk BSI dan KSAB kerana 'kebanjiran' juga dijangka berlaku di dua lokasi ini namun tiada masalah, kita sudah bersiap siaga," katanya.

Kumar turut mengingatkan orang ramai supaya melaporkan pergerakan cuti kepada polis sebelum pulang ke kampung halaman menerusi Borang Maklumat Balik Kampung yang boleh diperoleh di balai polis berhampiran atau menerusi aplikasi Volunteer Smartphone Patrol (VSP). - *Bernama*

Sinar Harian
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

27.9 juta ancaman web di Malaysia

Catat peningkatan empat peratus pada 2024, di tangga ke-30 di seluruh dunia

KUALA LUMPUR

Syarikat keselamatan siber global Kaspersky mengesan dan menyekat 27.9 juta ancaman web di Malaysia pada tahun lepas, menokok sebanyak empat peratus daripada 2023.

Menurut laporan Rangkaian Keselamatan Kaspersky terkini, Malaysia kini menduduki tempat ke-30 di seluruh dunia untuk ancaman web.

"Data tersebut menggariskan keperluan kritikal bagi langkah keselamatan siber yang diper-tingkatkan untuk melindungi individu dan perniagaan di negara ini," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Pengurus Besar Kaspersky Asia Tenggara, Yeo Siang Tiong berkata, pengabaian amalan terbaik keselamatan siber boleh membawa akibat yang buruk, daripada pelanggaran data dan kerugian kewangan kepada kerosakan reputasi termasuk juga, gangguan perkhidmatan kritikal.



SIANG TIONG

"Peningkatan ancaman web yang dikesan di Malaysia adalah amat membimbangkan. Data terkini kami menunjukkan kecanggihan penjenayah siber yang semakin bertambah serta keperluan mendesak bagi individu dan perniagaan untuk terus meningkatkan perlindungan mereka terhadap ancaman siber," katanya.

Siang Tiong juga menggesa rakyat Malaysia untuk terus mengutamakan keselamatan dalam talian dan segera mengambil langkah proaktif, memandangkan sejak 2020 hingga 2024, kira-kira RM5 bilion kerugian berlaku akibat jenayah siber.

"Usaha berterusan kerajaan Malaysia untuk memerangi ancaman siber layak mendapat pujian. Langkah-langkah ini adalah penting dalam melonjakkan kesedaran orang ramai dan mengukuhkan pertahanan siber negara.

"Untuk berada selamat dalam talian memerlukan pendekatan pelbagai lapisan. Kata laluan yang kuat, mengemas kini perisian, selain berhati -hati terhadap percubaan memancing data (*phishing*) hanyalah langkah awal. Anda perlu menggunakan penyelesaian keselamatan siber yang mantap, jadi anda mampu meningkatkan perlindungan anda terhadap ancaman siber," katanya lagi. - *Bernama*



Peningkatan ancaman web yang dikesan di Malaysia adalah amat membimbangkan.

Madelena dilantik Penolong Gabenor BNM



MADELENA

SHAH ALAM - Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan pelantikan Madelena Mohamed sebagai Penolong Gabenor, berkuat kuasa 1 Februari ini.

BNM dalam satu kenyataan berkata, Madelena akan bertanggungjawab ke atas sektor baharu iaitu Strategi dan Kelestarian yang merangkumi Pejabat Gabenor, Jabatan Undang-undang, Jabatan Komunikasi Strategik dan Unit Kelestarian.

"Beliau memulakan kerjaya di BNM pada 1993 dengan berkhidmat di Jabatan Ekonomi.

"Sepanjang 32 tahun, beliau telah memegang peranan kepimpinan termasuk sebagai pengarah di beberapa jabatan antaranya Jabatan Kewangan Islam, Jabatan Pemantauan dan Pengawasan Kewangan, Jabatan Dasar Kewangan Pruden dan terbaharu di Unit Kelestarian," katanya.

Menurut BNM, beliau merupakan pemegang sijil Chartered Financial Analyst (CFA) selain turut memiliki ijazah dalam bidang Ekonomi dengan pengkhususan dalam Perakaunan dan Kewangan dari London School of Economics and Political Science.

KKM terima aduan insiden buli di Sabah

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan menerima aduan yang diterbitkan dalam media sosial dan media tempatan berkenaan insiden buli berbaur perkauman dan budaya kerja toksik di sebuah hospital di Sabah.

Menerusi kenyataan pada Isnin, KKM memaklumkan isu berkenaan telah dirujuk kepada Unit Integriti untuk siasatan dan tindakan susulan akan diambil secepat mungkin.

"Pihak yang berkenaan juga digalakkan membuat laporan rasmi melalui sistem MyHelp untuk membantu siasatan. Perlakuan buli dalam apa jua bentuk dan kategori tiada tempat dalam KKM," menurut kenyataan itu.

KKM memaklumkan, pihaknya mengamalkan dasar toleransi sifar terhadap buli kerana perbuatan itu bertentangan dengan hasrat mewujudkan persekitaran selamat dan adil kepada semua.

Tindakan tegas termasuk tatatertib akan diambil terhadap pelaku sekiranya kesalahan dapat dibuktikan, menurut KKM. - *Bernama*

Kadar pusingan kerja libat 3,178 pegawai imigresen

PUTRAJAYA - Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah mencapai kadar pusingan kerja sebanyak 97.94 peratus iaitu 3,178 pegawai yang telah bertukar atau menjalani pusingan tempat kerja di seluruh negara sehingga 31 Disember lepas.

Ketua Pengarahnya, Datuk Zakaria Shaaban berkata, JIM akan meneruskan pelaksanaan kaedah pusingan kerja kepada pegawai yang telah berkhidmat di sesuatu jawatan selama lima tahun dan ke atas, selaras arahan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dalam amanatnya pada 20 Januari lepas.

"Pusingan kerja memang merupakan salah satu fokus utama JIM dan yakin pelaksanaan langkah ini dapat mengatasi masalah salah guna kuasa dan isu integriti.

"Ia juga selain memberi peluang kepada pegawai untuk menggalas tugas dan tanggungjawab baharu, sekali gus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka," katanya. - *Bernama*

Peperiksaan STAM 2024 bermula 3 Februari

PUTRAJAYA - Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) 2024 akan berlangsung pada 3 hingga 6 dan 10, 12 serta 13 Februari ini melibatkan 4,507 calon berdaftar.

Kementerian Pendidikan (KPM) menerusi kenyataan di sini pada Isnin memaklumkan, STAM akan dijalankan di 132 pusat peperiksaan di seluruh negara dengan 926 petugas peperiksaan telah dilantik bagi memastikan kelancarannya.

"KPM ingin mengingatkan semua calon agar merujuk jadual waktu peperiksaan bagi mendapatkan maklumat mengenai tarikh, masa, kod dan kertas peperiksaan serta arahan yang perlu dipatuhi sepanjang ia berlangsung.

"Selain itu, calon juga hendaklah mematuhi prosedur operasi standard dan peraturan yang ditetapkan bagi memastikan kelancaran pengurusan serta pengendalian peperiksaan STAM 2024," menurut kenyataan itu.

KPM juga mengingatkan calon untuk membawa dokumen pengenalan diri dan Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan ke pusat peperiksaan manakala jadual waktu peperiksaan boleh dimuat turun daripada laman sesawang Lembaga Peperiksaan (LP) di pautan lp.moe.gov.my.

Kenyataan itu juga memaklumkan KPM cakna dengan keselamatan dan kebajikan calon serta petugas peperiksaan terhadap sebarang kemungkinan termasuk banjir semasa peperiksaan berlangsung, dengan mekanisme dan langkah sewajarnya yang turut melibatkan kerjasama agensi berkaitan telah diambil.

"Calon dinasihatkan untuk memaklumkan pihak sekolah atau Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dengan segera sekiranya tidak dapat hadir ke pusat peperiksaan yang telah ditetapkan atau mana-mana pusat peperiksaan berhampiran disebabkan bencana.

"Calon juga boleh menghubungi talian bilik gerakan peperiksaan yang disediakan di ibu pejabat LP dan JPN di seluruh negara," menurut kenyataan itu.

KPM juga komited untuk melakukan yang terbaik bagi memastikan peperiksaan berkenaan dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur serta mendoakan agar semua calon dapat menduduki peperiksaan dalam keadaan sihat, selamat dan sejahtera. - *Bernama*

Razman akui terkhilaf dakwa Hannah 'anak YTL'

Nyatakan kekesalan dan permohonan maaf atas kesilapan fakta tersebut

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF
IPOH

Pesuruhjaya Pas Perak, Razman Zakaria mengakui terkhilaf apabila mengaitkan Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh dengan konglomerat YTL.

Tular sebuah video berdurasi 19 saat memaparkan ucapan pemimpin pas itu menyifatkan Hannah sebagai 'anak YTL' dalam Ceramah Kebangkitan Rakyat di Seri Iskandar, Parit pada Ahad.

"Saya mengakui kesilapan fakta tentang kaitan Hannah dan syarikat gergasi YTL.

"Saya mengakui bahawa Hannah tiada kaitan dengan tokoh korporat atau syarikat YTL, ia kesilapan kod yang berlaku tanpa sengaja," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Isnin.



RAZMAN



HANNAH

Pada masa sama, Razman turut meluahkan rasa kecewa dengan laporan daripada portal berita yang disifatkan sebagai sengaja melaporkan kesilapan berbanding kejayaan program anjuran parti tersebut.

"Berita itu merujuk ayat saya kurang 10 saat daripada keseluruhan ceramah lebih setengah jam.

"Program Gerak Muafakat Ummah adalah program selama tiga hari melibatkan tiga dewan utama sayap Pas dengan kehadiran keseluruhan lebih 5,000 orang.

"Ucapan saya yang dipetik portal berita itu adalah ayat yang bukan isi utama apatah lagi ceramah tersebut menampilkan tiga tokoh utama," jelasnya.

Menurut beliau, dengan penjelasan tersebut diharapkan isu itu dapat difahami.

"Dengan kenyataan ini saya menyatakan kekesalan dan maaf kepada Hannah dan YTL serta manamana pihak yang terkesan atau tersentuh dengan kenyataan atas kekeliruan fakta itu.

"Saya harap isu ini difahami dengan penjelasan yang diberikan. Saya juga meminta pemberitaan berbentuk menajamkan intelek rakyat dan bukan menajamkan permusuhan dalam kalangan rakyat," ujarnya.

Sementara itu, Hannah menyelar dakwaan Razman yang mengaitkan dirinya dengan keluarga pengasas Kumpulan YTL, mendiang Tan Sri Dr Yeoh Tiong Lay.

Ahli Parlimen Segambut itu turut menegaskan bahawa pemimpin parti berkenaan perlu memahami bukan semua individu bernama Yeoh mempunyai hubungan dengan syarikat tersebut.

"Pas perlu tahu bahawa tidak semua (nama) Yeoh berkait (dengan YTL)," katanya menerusi satu hantaran di aplikasi X pada Isnin.

> *"Saya mengakui bahawa Hannah tiada kaitan dengan tokoh korporat atau syarikat YTL, ia kesilapan kod yang berlaku tanpa sengaja."*
>
> - Razman Zakaria

LAPORAN MUKA DEPAN

Sebelum ini, Razman kerap terpalit kontroversi seperti pada 9 Februari 2023, beliau memohon maaf kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana mendakwa Perdana Menteri membawa agenda lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) di negara ini dan menyokong agenda komunis.

Pada 2 Disember 2024, Razman turut tampil memohon maaf kepada Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad atas ucapannya dalam perhimpunan di Menara Condong di Teluk Intan pada Oktober tahun lalu.

Pada 11 Disember 2024, Razman menyampaikan permohonan maaf kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming berhubung fitnah mengaitkan Pengerusi DAP Perak itu dengan insiden mengibar bendera negara China di Teluk Intan, Oktober tahun lalu.

Untuk rekod, Ahli Parlimen Kepala Batas daripada Pas, Siti Mastura Muhammad baharu saja membayar lebih RM830,000 kepada tiga pemimpin DAP iaitu Lim Kit Siang, Lim Guan Eng dan Teresa Kok setelah kalah saman dalam kes yang hampir serupa.

Perkasa peranan agensi kekang politik fitnah



MAZLAN

SHAH ALAM - Agensi seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu memainkan peranan penting dalam usaha mengekang politik fitnah di negara ini.

Penganalisis politik, Profesor Madya Dr Mazlan Ali berkata, tugas badan-badan berkenaan adalah untuk menyiasat konten dalam media sosial yang berunsur fitnah.

Katanya, sekiranya siasatan yang dilakukan membuktikan terdapat fitnah yang disebarkan, individu terlibat boleh didakwa di sisi undang-undang.

"Ia sebagai pengajaran kepada masyarakat supaya lebih berhati-hati ketika memuat naik konten di media sosial.

"Bagaimanapun, jika kandungan mereka adalah benar ataupun kritikan itu ada asas, pihak berkuasa tidak boleh menindas mereka atau mengambil tindakan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Menurutnya, kenyataan berunsur fitnah amat berbahaya kerana boleh menggugat ketenteraman dan menjatuhkan kreadibiliti seseorang.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri pun pernah menerima fitnah seperti beliau menghidap penyakit AIDS dan macam-macam lagi tuduhan yang tidak berasas," tegasnya.

Mazlan yang juga pensyarah di Pusat Perdana, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia berkata, sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi, rakyat berhak untuk mengritik pentadbiran kerajaan sekiranya tidak berpuas hati.

"Namun, pihak yang menentang ini sepatutnya menggunakan platform demokrasi itu untuk menyuarakan kritikan kerajaan melalui ahli Parlimen masing-masing.

"Mereka boleh kritik tetapi jangan membina naratif fitnah yang boleh mengelirukan rakyat dan menjejaskan keharmonian masyrakat serta negara," ujarnya.

UMNO cadang naikkan had umur ahli Puteri ke 40 tahun

SHAH ALAM - UMNO bercadang mengubah kaedah pemilihan parti dan menaikkan had umur ahli Puteri kepada sehingga 40 tahun berbanding maksimum 35 tahun sekarang.

Naib Presidennya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, cadangan berkenaan juga sudah dibawa ke peringkat negeri dan bahagian UMNO di seluruh negara untuk dibincangkan serta diperhalusi secara mendalam.

Beliau yang juga Pengerusi Biro Perlembagaan dan Keahlian parti itu berkata, UMNO akan meneliti pandangan serta syor dikemukakan oleh pemimpin parti di peringkat negeri dan bahagian.

"Dalam memperkasakan parti, UMNO sentiasa terbuka meneliti sebarang cadangan melalui usul yang dikemukakan. Ini termasuklah cadangan menaikkan had umur Puteri UMNO kepada 40 tahun dan mengubah kaedah pemilihan pucuk pimpinan UMNO.



Mohamed Khaled (duduk tengah) bergambar bersama pemimpin UMNO Negeri Sembilan.

"Segala usaha penambahbaikan seumpama ini sudah tentunya bagi melihat parti terus kuat dan kukuh, khususnya dalam mendepani cabaran dan memenuhi keperluan politik semasa," katanya dalam satu kenyataan di laman Facebooknya.

Mohamed Khaled sebelum itu mengadakan pertemuan bersama barisan kepimpinan UMNO Negeri Sembilan di Seremban.

Pertemuan itu turut dihadiri Pengerusi UMNO Negeri Sembilan merangkap Ahli Majlis Tertinggi, Datuk Seri Jalaluddin Alias dan pemimpin lain.

Untuk rekod, mengikut perlembagaan parti sedia ada had umur maksimum anggota Puteri UMNO ialah 35 tahun manakala Ketua Puteri dibolehkan mencecah 40 tahun.

Sinar Harian
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

PeSAWAH kemuka dua usul kepada PM

Mahu harga lantai padi dinaikkan serta batal pembentangan RUU Kualiti Benih Tanaman di Parlimen

Oleh DIANA AZIS
PUTRAJAYA

Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) mahu kerajaan mempertimbangkan cadangan pertubuhan itu untuk menaikkan harga lantai padi daripada RM1,300 per tan kepada RM1,800.

Pengerusi PeSAWAH, Abdul Rashid Yob berkata, hal itu merupakan antara dua usul yang disenaraikan dalam satu memorandum yang diserahkan kepada Pejabat Perdana Menteri (PMO) pada Isnin.

"Tuntutan oleh pesawah di seluruh negara itu dilihat munasabah memandangkan harga lantai ketika ini sudah tidak relevan berikutan kenaikan kos diesel dan benih padi. Jadi, kenaikan harga padi ini penting bagi memastikan kelangsungan hidup pesawah dan menjamin bekalan makanan negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyerahkan memorandum berkenaan kepada Setiausaha Politik Perdana Menteri, Chan Ming Kai.

Selain itu katanya, memorandum berkenaan turut mengandungi bantahan PeSAWAH terhadap Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Benih Tanaman yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada sesi akan datang dan mahu kerajaan membatalkannya.

Abdul Rashid berkata, RUU itu mewajibkan setiap individu yang memproses dan mengedar benih tanaman untuk memperoleh lesen dan menghantar sampel benih ke makmal untuk ujian pengesahan.

Di bawah RUU itu katanya, mana-mana penyimpan dan pengedar benih yang tidak mempunyai lesen boleh dikenakan denda hingga RM100,000 dan tiga tahun penjara.

"Kami membantah sekeras-kerasnya cadangan RUU yang dilihat akan membebankan petani kecil. Hal ini berikutan peningkatan kos bersawah, kelewatan bekalan benih yang sering berlaku dan kemerosotan kualiti benih padi sah," tegasnya.



Abdul Rashid (tengah) ketika sidang akhbar di pekarangan Wisma Tani di Putrajaya pada Isnin.

Abdul Rashid berkata, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, hampir 30 peratus pesawah sudah mula memproses, berkongsi dan menjual benih padi dari sawah mereka sendiri untuk menjimatkan kos dan mendapat pendapatan tambahan secara kecil-kecilan.

Terdahulu, lebih 500 pesawah berhimpun secara aman di pekarangan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dengan membawa poster bertulisan antaranya 'PMX tolong naikkan harga lantai', 'Peluh petani bukan percuma', 'Tolak pelesenan wajib untuk setiap benih'.

Sementara itu, Min Kai ketika ditemui memaklumkan, beliau sudah menerima memorandum berkenaan dan akan menyerahkannya kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Memorandum itu juga akan disampaikan kepada agensi berkaitan untuk diambil tindakan," jelasnya.

Dalam pada itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu ketika dihubungi memberi jaminan akan turun padang dengan kadar segera untuk mengadakan libat urus dengan petani yang terjejas.

"Sebagai menteri bertanggungjawab, saya akan turun ke Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan lain-lain tempat untuk libat urus berterusan dengan penanam padi," ujarnya.



Sekumpulan ahli PeSAWAH mengadakan demonstrasi aman pada Isnin.

PUM tidak setuju penjualan arak secara terbuka diteruskan

KUALA LUMPUR - Persatuan Ulama Malaysia (PUM) tidak bersetuju penjualan arak terus dibenarkan beroperasi secara terbuka khususnya dalam kawasan majoriti Muslim.

Yang Dipertuanya, Datuk Wan Mohamad Sheikh Abd Aziz berkata, Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) bertindak rasional untuk memperluas cadangan larangan jualan arak di kawasan majoriti Melayu Islam dan langkah itu seharusnya dipuji.

Menurutnya, cadangan itu juga dilihat tidak mengganggu kedudukan orang bukan Islam susulan pewartaan mengenai larangan itu hanya melibatkan kawasan tertentu dan tidak melibatkan keseluruhan kawasan.

"Mengekang penjualan arak bukan hanya seiring dengan ajaran Islam, tetapi juga bertepatan dengan norma moral masyarakat yang lebih luas.

"Ramai sudah menyedari arak boleh mendatangkan mudarat seperti kemalangan jalan raya, keganasan rumah tangga dan pelbagai masalah sosial yang lain," katanya menerusi kenyataan pada Isnin.

Katanya, PUM mencadangkan kerajaan bertindak tegas dalam isu ini sebagai langkah memperkasa masyarakat sivil selaras agenda Madani.

"PUM desak kerajaan agar menguatkuasakan kawalan ketat di mana penjualan arak hanya dibenarkan dengan kaunter khas dan tidak melibatkan pekerja Muslim," jelasnya.

'Tiada keperluan jual arak di premis majoriti penduduk Islam'

SEREMBAN - Tidak ada keperluan untuk menjual minuman keras di premis perniagaan dalam kawasan majoriti yang didiami oleh penduduk beragama Islam.

Exco Kanan Negeri Sembilan, Datuk Seri Jalaluddin Alias berpandangan bahawa perkara itu jelas, malah sesuai dengan keadaan di lokasi berkenaan.

"Ikut sahaja syarat lesen, tidak ada masalah supaya sensitiviti antara kaum itu dapat kita kekalkan, yang kita tidak setuju adalah penjualan berleluasa contohnya dijual di kawasan majoriti Islam. Apa keperluannya?

"Penjualan minumam keras tanpa kawalan ini boleh mendatangkan kemudaratan kepada masyarakat dan persefahaman antara kaum yang kita ada sekarang," katanya.



JALALUDDIN

Ujarnya, pembelian minuman keras tidak menjadi halangan buat mereka yang bukan beragama Islam tetapi kawasan atau tempat yang difikirkan sesuai untuk penjualan tersebut.

"Ini bukan perkara yang boleh mengugat kaum lain, ini normal. Rasionalnya kawasan majoriti Islam contohnya perkampungan atau perumahan yang majoriti Islam, itu nampak tidak logik untuk kita jual," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau turut berpandangan perlu adanya kajian semula peraturan dan syarat pengeluaran lesen berkaitan penjualan minuman keras supaya ia diperketatkan bagi mengelakkan isu berbangkit khususnya kepada orang Islam.

Pada Ahad, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming dilaporkan berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) disaran mengekalkan dasar sedia ada atau status quo berhubung isu penjualan minuman keras di premis perniagaan dalam kawasan majoriti penduduk beragama Islam.

Menurutnya, ketetapan itu bagi menjaga keharmonian dan hubungan antara masyarakat berbilang kaum selain mengelak dijadikan sentimen politik.

FOTO: BERNAMA



Muhamad Faizal yang hadir berkerusi roda didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Isnin.

Bekas CEO syarikat air Johor didakwa tipu RM3.38 juta

KUALA LUMPUR - Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat pengendali air Johor didakwa di Mahkamah Sesyen di sini atas dua pertuduhan menipu syarikat berkenaan berhubung dua program kebajikan tidak wujud berjumlah RM3,382,500 dua tahun lepas.

Muhamad Faizal Aliar, 39, yang hadir ke mahkamah dengan berkerusi roda bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kedua-dua pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Rosli Ahmad.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, lelaki itu didakwa menipu Syarikat Ranhill SAJ Sdn Bhd dengan memperdayakan syarikat tersebut untuk mempercayai dua program iaitu Program Imarah Ramadan 2023 dan Program Prihatin Komuniti Madani 2023 akan dilaksanakan seperti dinyatakan dalam dua surat permohonan sumbangan masing-masing bertarikh 1 April dan 4 April 2023, sedangkan program itu tidak dilaksanakan.

Perbuatan itu mendorong Syarikat Ranhill SAJ membuat bayaran masing-masing RM82,500 dan RM3.3 juta ke dalam akaun bank milik Pertubuhan Inspirasi Prihatin Malaysia, yang syarikat itu tidak akan berbuat demikian sekiranya tidak diperdayakan.

Kedua-dua perbuatan itu didakwa dilakukan di Menara Felda Platinum Park di sini pada 13 dan 14 April 2023 mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara minimum setahun dan maksimum 10 tahun dengan sebat dan denda, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Asraf Mohamed Tahir mencadangkan jaminan RM200,000 bagi kedua-dua pertuduhan dengan seorang penjamin selain mengambil kira jumlah wang dalam pertuduhan ialah RM3.38 juta.

Peguam, S Preakas yang mewakili tertuduh memohon jaminan dikurangkan pada kadar RM50,000 bagi kedua-dua pertuduhan dengan alasan anak guamnya tidak bekerja dan mengalami kecederaan saraf tunjang yang sedang menerima rawatan di hospital.

"Anak guam saya sudah berkahwin dan mempunyai empat anak yang masih bersekolah serta dua daripadanya anak istimewa masing-masing berusia lapan dan tujuh tahun," kata peguam itu.

Mahkamah membenarkan Muhamad Faizal diikat jamin RM100,000 bagi kedua-dua pertuduhan dengan seorang penjamin dan menetapkan 3 Mac untuk sebutan kes. - *Bernama*

COO ProLintas didakwa terima rasuah RM70,000

Mengaku tidak bersalah atas pertuduhan terima suapan berhubung projek SUKE

KUALA LUMPUR

Ketua Pegawai Operasi (COO) ProLintas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas pertuduhan menerima suapan wang tunai RM70,000 daripada syarikat pembinaan berhubung projek Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE), dua tahun lepas.

Rostam Shahrif Tami, 59, didakwa menerima suapan itu daripada Syarikat Satunas Technologies Sdn Bhd melalui Mohd Rosman Alias sebagai upah bagi dirinya yang merupakan Wakil Pegawai Penguasa bagi Projek Penswastaan Lebuhraya Bertingkat SUKE.

Ia sebagai dorongan untuk memberikan kerja No. 3 bertajuk *To Construct End Cap Stressing And Shear Block* dan *To Install Expension Joint Including Hacking, Grouting And Nosing* kepada syarikat itu bagi Pakej CA3 (CH4200 To CH7800).

Kesalahan terbabit didakwa dilakukan di hadapan tempat letak kereta sebuah masjid di Jalan Damai, Kampung Datuk Keramat di sini pada 12 April 2023, sehubungan dengan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

FOTO: BERNAMA



Rostam Sharif (tengah) didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Isnin.

Timbalan Pendakwa Raya, Nor Diana Nor Azwa menawarkan jaminan RM60,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah, perlu melaporkan diri sebulan sekali di pejabat SPRM berdekatan dan dilarang kacau ganggu saksi pendakwaan sehingga kes selesai.

Peguam, Tan Sri Dzulkifli Ahmad mewakili Rostam Shahrif yang bersetuju dengan jumlah jaminan ditawarkan pendakwaan, bagaimanapun membantah syarat tambahan iaitu kacau ganggu saksi pendakwaan kerana ia tidak berasas untuk dikenakan terhadap anak guamnya.

Dalam prosiding itu, Dzulkifli berkata, difahamkan hari ini anak guamnya akan dituduh di Mahkamah Shah Alam, Selangor dan perkara itu disahkan Timbalan Pendakwa Raya, Irna Julieza Maaras.

Hakim Rosli Ahmad kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM60,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah dan melaporkan diri pada minggu pertama setiap bulan di pejabat SPRM Selangor sehingga kes selesai selain menetapkan 27 Februari untuk sebutan kes.

Sebelum ini media melaporkan, SPRM mendapat izin untuk mendakwa seorang COO sebuah syarikat konsesi lebuh raya berikutan disyaki terlibat rasuah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, unsur rasuah itu dikesan melibatkan Projek Penswastaan Lebuh Raya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang bernilai lebih RM1 bilion selain Projek Lebuhraya Bertingkat Damansara Shah Alam bernilai RM4.8 bilion. - *Bernama*

Selangor audit, siasatan dalaman semua agensi

KARTEL PINDAH MILIK TANAH

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan melaksanakan pengauditan dan siasatan dalaman terhadap semua agensi kerajaan di negeri ini bagi mengesan pihak yang terlibat dengan kegiatan pindah milik tanah secara tidak sah.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, langkah sama juga akan dibuat terhadap semua jabatan untuk mengatasi masalah tersebut dan mengelakkan ia berulang pada masa hadapan.

"Kita akan laksanakan audit, sebab timbul perkara ini (pindah milik tanah secara tidak sah).

"Kita terima saranan JSJK (Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman) ini dan akan semak kemungkinan laksanakan audit di jabatan lain supaya boleh kenal pasti ada berlaku atau tidak perkara tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menyampaikan amanat Tahun Baharu 2025 di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz di sini pada Isnin.

Sinar Harian pada 21 Januari lalu melaporkan, Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) mengesahkan tujuh kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang merupakan antara 17 penjawat awam ditahan berhubung kegiatan terbabit.

Datuk Dr Yusri Zakariah berkata, semua tujuh kakitangan terbabit sudah dipindahkan ke jabatan lain dan tidak melibatkan urusan berkaitan kerja tanah.

Susulan itu, Pengarah JSJK Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, agensi kerajaan termasuk PDT Klang perlu mengendalikan audit serta siasatan dalaman untuk menentukan sekiranya pejabat sama di daerah lain turut terbabit kegiatan itu.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, pihaknya turut memperketat tatacara prosedur operasi standard (SOP) sistem pengurusan tanah dalam talian (e-Tanah) bagi memudahkan pengesanan kegiatan salah guna kuasa.

"Kita boleh kenal pasti siapa yang masuk dalam sistem dan bila masa (guna sistem). Kita wajibkan mereka daftar nama pengguna supaya kemasukan mereka dapat dikesan.

"Sistem ini ada risiko juga. Jadi kalau kita dapat urus dengan baik, kita akan dapat kesan," tambah beliau.

Sinar Harian TELUS & TULUS
sinarharian.com.my
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Bagi nilai prestasi siasatan jenayah negeri di seluruh negara

Bukit Aman audit laporan indeks jenayah kontinjen

KUALA LUMPUR

Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman akan menjalankan audit terhadap prestasi bahagian siasatan jenayah kontinjen negeri di seluruh negara, bagi menilai sejauh mana kadar indeks jenayah yang direkod memaparkan situasi di lapangan.

Pengarahnya, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain berkata, beliau secara peribadi akan turut memperhalusi semua statistik yang ditunjukkan, sama ada ia selari dengan persepsi masyarakat terhadap keselamatan mereka di negeri itu.

"Pasukan audit dari Bukit Aman akan mengkaji semula semua statistik kejayaan atau naik turun kadar jenayah indeks di seluruh negara, untuk melihat (jika) ia relevan dengan persepsi masyarakat mengenai keselamatan mereka.

"Jika di Kedah berlaku penurunan kadar jenayah indeks, saya akan pergi untuk kaji sama ada statistik yang ditunjukkan selari dengan persepsi masyarakat dengan keselamatan mereka," katanya kepada pemberita pada sesi libat urus bersama pemberita di Bukit Aman, di sini pada Isnin.

Jelasnya, tindakan itu bukan untuk menghukum, tetapi bagi memastikan semua pegawai penyiasat di daerah dan negeri bertanggungjawab atas statistik jenayah di tempat mereka.

"Pegawai penyiasat harus menerangkan statistik berkenaan, apa tindakan yang diambil dan rancangan mereka untuk menurunkan kadar jenayah indeks itu," katanya.

Tambahnya, hasil laporan audit itu akan diserahkan kepada Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain untuk dibawa ke pengetahuan pembuat dasar dan pemimpin negeri.

Ujar Mohd Shuhaily, perkara sama pernah dilakukan semasa beliau menjawat jawatan sebagai Ketua Polis Pulau Pinang pada tahun 2021 sehingga 2023.

FOTO: BERNAMA



Mohd Shuhaily (kanan) bercakap pada sesi libat urus bersama pemberita dan sidang media khas di Menara 2 Bukit Aman, Kuala Lumpur pada Isnin.

Pada sesi libat urus itu, beliau memaklumkan, hanya Kedah dan Selangor merekodkan penurunan kadar jenayah indeks pada tahun lepas, masing-masing pada kadar 10.8 peratus dan 13.3 peratus.

Ujarnya, lebih 80 peratus kes berprofil tinggi yang berlaku tahun lepas telah berjaya diselesaikan. - *Bernama*

TH sumbang 136 kenderaan melalui Program Mobiliti

TAWAU - Tabung Haji (TH) telah menyumbang sebanyak 136 unit kenderaan kepada masjid, surau serta institusi kebajikan terpilih di negara ini sejak tahun 2016 hingga kini, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Mohd Na'im Mokhtar.

Menurutnya, sumbangan menerusi Program Mobiliti yang menyumbang van jenazah dan penumpang itu banyak membantu penerima terutama masjid-masjid dalam melaksanakan tanggungjawab kepada masyarakat di kariah masing-masing.

"Pada tahun lepas, Tabung Haji bersetuju menyumbangkan 17 lagi van dwifungsi di seluruh negara dan hari ini pihak pengurusan Masjid Al Falah, Kampung Pasir Putih menerima sebuah daripadanya.

"Saya juga menggalakkan agensi-agensi agama serta badan korporat di negara ini agar terus melaksanakan inisiatif murni seperti Program Mobiliti Tabung Haji kerana memberi manfaat kepada golongan memerlukan," katanya ketika berucap pada majlis serahan van dwifungsi di sini pada Isnin.

Sementara itu, Mohd Na'im turut menyampaikan bantuan bencana kebakaran masing-masing bernilai RM1,000 kepada 75 ketua isi rumah selepas kediaman mereka di Kampung Sri Aman musnah dalam kebakaran pada 12 Januari lepas.

"Pihak Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) memberi sumbangan RM75,000 untuk 75 ketua isi rumah," katanya.

Tambahnya, YAPEIM turut memberi fokus kepada penyediaan tempat tinggal yang lebih selesa kepada golongan kurang berkemampuan termasuk asnaf dengan kerjasama unit penyelarasan pelaksanaan (ICU). - *Bernama*



Mohd Na'im (tengah) hadir pada majlis serahan van dwifungsi di Tawau pada Isnin.

Ibu bapa 11 kanak-kanak GISBH belum dikenal pasti - Exco



MOHAMMAD FAHMI

SHAH ALAM - Seramai 11 kanak-kanak anggota GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) di Selangor yang diletakkan di bawah jagaan sementara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) masih tidak dikenal pasti ibu bapa atau penjaganya.

Exco Agama Islam dan Pembudayaan Inovasi Selangor, Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sedang mengesan waris kanak-kanak yang berumur antara 12 hingga 18 tahun itu agar mereka dapat kembali kepada keluarga masing-masing.

"200 kanak-kanak sudah pun pulang ke pangkuan keluarga masing-masing kira-kira tiga minggu lepas... kita ada senarai nama keluarga berkenaan dan di mana mereka berada.

"11 lagi akan tamat hak penjagaan mereka pada hujung Januari ini. JKM ada kuasa memohon kepada mahkamah untuk dapatkan hak penjagaan mereka bagi tempoh dua bulan lagi," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz, di sini pada Isnin.

Media sebelum ini melaporkan, seramai 560 kanak-kanak iaitu 283 lelaki dan 277 perempuan ditempatkan di pusat perlindungan selepas JKM mendapat perintah jagaan sementara daripada mahkamah bagi tempoh dua bulan mengikut peruntukan Seksyen 25(2)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Mengulas lanjut, Mohammad Fahmi berkata, kerajaan negeri mencadangkan Lembaga Zakat Selangor untuk memberikan bantuan zakat kepada anak dan bekas ahli GISBH dengan menggunakan dana riqab.

"Dana riqab ialah elaun bulanan yang mana mereka perlu menghadiri program pemulihan. Kita akan beri elaun itu secara bulanan untuk pastikan mereka hadir ke program tersebut.

"Kalau bagi sekali (*one off*), kita khuatir mereka tidak akan hadir ke program ini jika dipanggil.

"Kita juga akan meminta Lembaga Zakat Selangor berikan hasil zakat asnaf kepada mereka untuk memulakan kehidupan baharu.

"Ada permohonan daripada MAIS supaya dua ratus anak-anak yang dilepaskan itu disyaratkan untuk mereka masuk ke sekolah kebangsaan dan kita telah bersetuju untuk berikan sedikit bantuan persekolahan kepada mereka," ujarnya.

Iftar Ala Madinah@ Karangkraf 2025 kembali Ramadan ini, sasar 1,500 pengunjung sehari

Sumbangan Tabung Infaq bantu sedia juadah percuma

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN
SHAH ALAM

Kumpulan Karangkraf membuka Tabung Infaq sempena penganjuran program Iftar Ala Madinah@Karangkraf 2025 yang akan berlangsung pada bulan Ramadan nanti.

Pengerusinya, Firdaus Hussamuddin berkata, sumbangan daripada badan korporat dan perseorangan untuk dana tersebut memainkan peranan penting dalam memastikan lebih banyak makanan percuma dapat disediakan kepada pengunjung yang hadir pada program berkenaan.

Ujar Firdaus, pihaknya menyasarkan kehadiran 1,500 pengunjung setiap hari sempena program yang diadakan di Dataran Karangkraf itu.



FIRDAUS

"Kami mengalu-alukan sumbangan daripada semua pihak bagi menambah baik kelengkapan berbuka dan kemudahan sedia ada agar pengunjung lebih selesa.

"Kita sudah ada peruntukan sendiri tapi jika ada tambahan dana luar, lebih ramai boleh makan percuma.

"Ia juga membolehkan kami membeli makanan yang lebih berkualiti memandangkan kos makanan agak tinggi sekarang," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Program berbuka puasa itu bakal berlangsung pada 3 hingga 27 Mac ini bermula jam 6 petang setiap hari kecuali cuti umum, Sabtu dan Ahad.

Tambah Firdaus, program tersebut diadakan bagi membantu golongan yang memerlukan untuk berbuka puasa bersama-sama dan merapatkan silaturahim sesama masyarakat.

"Program ini juga membantu mahasiswa dari kolej atau universiti berdekatan, golongan ibu tunggal, orang susah dan kepada mereka yang bekerja tetapi tidak sempat pulang ke rumah untuk berbuka bersama keluarga," ujarnya.

Jelasnya, penganjuran program tahun ini turut menyaksikan beberapa gerai tambahan akan dibuka untuk jualan produk dengan harga yang berpatutan.



Iftar Ala Madinah@Karangkraf 2025 bakal berlangsung pada 3 hingga 27 Mac tahun ini bermula jam 6 petang setiap hari kecuali cuti umum, Sabtu dan Ahad. - *Gambar hiasan*

"Untuk sumbangan infak dalam bentuk wang ringgit atau makanan oleh individu, organisasi atau syarikat boleh disalurkan melalui kod QR Sinar Karangkraf atau Tabung Infaq Iftar di nombor **5642 7652 9068** akaun Maybank Sinar Karangkraf Sdn Bhd," jelasnya.



Sinar Harian TELUS & TULUS
JUALAN GUDANG KARANGKRAF 2025
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Sahut cabaran KRC 2025

Cabaran membaca anjuran GBK berlangsung pada 10 Januari hingga 10 Disember

Oleh SITI NOOR FAEZAH MUDA
SHAH ALAM

Bagi menggerakkan komuniti dan budaya membaca di negara ini, Grup Buku Karangkraf (GBK) buat julung kalinya mengadakan Karangkraf Reading Challenge (KRC) 2025 yang berlangsung pada 10 Januari hingga 10 Disember ini.

Eksekutif Penyelidikan & Pembangunan (R&D) GBK, Siti Nur Fatihah Abdull Rani berkata, ia bertujuan menggalakkan tabiat membaca secara berkala selaras dengan usaha meningkatkan kadar literasi dan membina masyarakat yang lebih berilmu.

"Karangkraf Reading Challenge 2025 ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berusia 13 tahun dan ke atas.

"Pertandingan ini diadakan secara dalam talian menerusi Google Forms, Goodreads dan WhatsApp," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.


SITI NUR FATIHAH

Tambah Siti Nur Fatihah, syarat utama untuk menyertai cabaran ini ialah peserta perlu mempunyai akaun Goodreads dan mencipta rak buku 'Karangkraf RC 2025' pada profil masing-masing.

Ujarnya, hanya buku terbitan GBK dari tahun 2015 hingga 2025 yang diletakkan pada rak buku Maraton Buku Karangkraf 2025 akan dikira bagi markah penjurian.

"Peserta juga perlu mengemas kini bacaan sekurang-kurangnya setiap dua bulan. Pastikan rekod bacaan tidak melepasi tarikh tutup penyertaan. Peserta juga disyorkan menyertai enam cabaran mini yang disediakan.

"Sehingga kini seramai 352 peserta sudah berdaftar. Kami menyasarkan 1,000 peserta sepanjang setahun ini bagi menyahut seruan Karangkraf Reading Challenge 2025," katanya.

Menurutnya, pemenang akan diumumkan pada Disember ini merangkumi lima kategori iaitu johan, naib johan, tempat ketiga dan dua sagu hati.

Jelasnya, semua pemenang akan mendapat wang tunai bernilai RM500, RM300, RM200 dan RM100.

"Pemenang johan sehingga tempat ketiga turut menerima buku percuma setiap bulan sepanjang tahun 2026 berserta e-sijil," katanya.



Karangkraf Reading Challenge (KRC) 2025 anjuran Grup Buku Karangkraf diadakan secara dalam talian.

Buku kanak-kanak RM2 jadi tarikan

SHAH ALAM - Pelbagai pilihan buku kanak-kanak dengan harga serendah RM2 menjadi daya tarikan ibu bapa ke Jualan Gudang Karangkraf 2025.

Guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Haji Hassan Yunos, Johor, Farah Lamun @ Jailani, 43, berkata, kebanyakan buku dijual selari dengan pengisian kanak-kanak mengikut usia.

"Saya teruja apabila melihat banyak pilihan buku kanak-kanak ini, seronok anak-anak saya memilihnya. Harga pun berbaloi dan sangat berpatutan.

"Saya datang ke Selangor untuk bercuti di rumah kakak, sambil menyelam kita minum air. Saya juga dapat membeli al-Quran, buku komik dan sebagainya dengan harga menarik. Siapa tidak rebut peluang ini rugi," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Farah turut berharap Karangkraf akan terus mengadakan jualan seumpama itu dengan lebih kerap kerana ia dapat membantu orang ramai mendapat bahan bacaan dengan harga berpatutan.

Jualan gudang menjadi program sulung Kumpulan Karangkraf bagi tahun 2025 dan kembali menemui penggemar buku bermula 24 Januari hingga 2 Februari depan bermula jam 9 pagi hingga 7 malam.

Bertempat di Kompleks Kumpulan Karangkraf, pengunjung bukan sahaja berpeluang mendapat tawaran diskaun harga berpatutan malah terdapat pelbagai aktiviti menarik yang disajikan sepanjang program berlangsung.

Jualan Gudang Karangkraf adalah acara tahunan sejak 2015 dan diadakan tiga kali setahun sejak beberapa tahun lalu.


Farah (kiri) bersama tiga anak dan kakaknya di Jualan Gudang Karangkraf 2025 pada Isnin.


Pengunjung tidak melepaskan peluang membeli bahan bacaan dengan tawaran diskaun hebat sempena Jualan Gudang Karangkraf 2025.

REAKSI



Alhamdulillah, diskaun cukup memberangsangkan. Saya dapat al-Quran edisi baharu dengan 50 peratus potongan. Ia berserta terjemahan bahasa Inggeris dan perkataan besar."

- Pesara swasta, Saharuddin Mat Arif, 62.



Banyak buku semuanya menarik, harga pun murah. Suasana selesa memberi ketenangan kepada pembeli. Saya boleh duduk lama untuk memilih buku."

- Pelajar Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Amni Wafa Rizal, 20.



Pilihan buku yang banyak dengan harga berbaloi. Pengunjung punyai banyak pilihan untuk membeli pelbagai jenis buku dalam kuantiti yang banyak."

- Surirumah, Hazlina Hanim Abd Halim, 45.

JUALAN GUDANG KARANGKRAF



24 JAN - 2 FEB 2025

KARANGKRAF
SEKSYEN 15, SHAH ALAM

9 PAGI - 7 MALAM

TERBAHARU!



-RM35-
RM29.75

USTAZAH BASIKAL JILID 5



-RM30-
RM24

NOTA MY #QURANTIME JUZUK 28



-RM37-
RM31.45

ANDING AYANGAN III (HIKAYAT 2)



-RM30-
RM25.50

JANE & CASSANDRA



-RM13-
RM11.05

SOOTHING THE SOUL : WAHYU YANG MEMUJUK

BESTSELLER



-RM32-
RM25.60

ALFU SANATIN



-RM37-
RM31.45

BAGAIKAN PUTERI (EDISI KHAS)



-RM30-
RM24

TADABBUR & APLIKASI SURAH AL-KAHFI



-RM18-
RM15.30

888 KEAJAIBAN DUNIA



-RM30-
RM24

PALESTIN KEMENANGAN YANG DEKAT

AL-QURAN PILIHAN



-RM70-
RM59.50

AL-QURAN MULTAZAM A4



-RM130-
RM100

AL-QURAN AL-KUBRA A3



-RM80-
RM68

AL-QURAN AL-ANDALUS A4



-RM145-
RM100

AL-QURAN AMAZING A4



-RM90-
RM76.50

AL-QURAN AL-KARIM MUSHAF WAQAF DAN IBTIDA PERJUZUK B5

Sinar Harian
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Along Cham lepas tanpa bebas satu kes dadah

Pelakon itu bagaimanapun berdepan dua pertuduhan lain

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN
SEPANG



Along Cham (dua dari kanan) memeluk anak lelakinya berusia 14 tahun selepas dibebaskan dengan ikat jamin pada Isnin.

Pelakon Along Cham melakukan sujud syukur selepas Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin, melepaskan tanpa membebaskannya (DNAA) daripada satu pertuduhan memiliki bahan disyaki dadah berbahaya jenis ganja, Disember tahun lalu.

Bagaimanapun, Along Cham atau nama sebenarnya, Muhammad Nizamudin Ahmad, 42, dituduh semula di Mahkamah Majistret di sini, atas dua pertuduhan lain iaitu memiliki dan memasukkan dadah berbahaya.

Mahkamah & Jenayah

Hakim Ahmad Fuad Othman mengeluarkan keputusan itu selepas membenarkan permohonan daripada pihak pendakwaan.

"Pertuduhan terhadap kamu di bawah seksyen ini diberi perintah DNAA, selepas ia diturunkan ke seksyen lain, kemudian kamu akan dituduh di Mahkamah Majistret," katanya.

Ia susulan Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Faraheen Yahya memaklumkan, laporan kimia berhubung kes ini telah diterima.

"Saya mohon pertuduhan di bawah Seksyen 39A(2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 diberi perintah DNAA. Tertuduh akan dibawa ke Mahkamah Majistret untuk dituduh di bawah dua seksyen lain," katanya.

Pada 20 Disember tahun lalu, Along Cham didakwa atas satu pertuduhan iaitu memiliki bahan disyaki dadah berbahaya jenis kanabis seberat kira-kira 58.23 gram di sebuah rumah di Cyberjaya di sini, pada 14 Disember tahun lalu.

Pertuduhan yang diberi DNAA itu memperuntukkan hukuman penjara seumur hidup.

Sementara itu, di Mahkamah Majistret, Along Cham mengaku tidak bersalah atas dua kes dadah.

Mengikut pertuduhan pertama, pelawak itu didakwa ada dalam milikannya dadah berbahaya jenis kanabis seberat 49.61 gram di sebuah rumah di Cyberjaya di sini, pada 14 Disember tahun lalu.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa memasukkan dadah berbahaya disyaki jenis *tetra hydrocannibol* (THC) di lokasi sama, pada jam 10 malam, di Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang di sini.

Pertuduhan baharu di bawah dua seksyen ADB 1952 itu membawa hukuman denda tidak lebih RM5,000 atau penjara tidak lebih dua tahun.

Majistret Muhamad Bukhori Md Ruslan membenarkan tertuduh diikat jamin RM3,500 untuk pertuduhan pertama dan RM1,500 bagi pertuduhan kedua. Mahkamah menetapkan 7 April depan untuk sebutan semula kes.

Polis tunggu arahan TPR kes ugutan libatkan anak menteri



HAMZAH

KEPALA BATAS - Polis sedang menunggu arahan lanjut daripada pejabat Timbalan Pendakwa Raya (TPR) berhubung kes ugutan jenayah yang dikaitkan dengan anak seorang menteri Kabinet.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Hamzah Ahmad berkata, kertas siasatan telah dihantar kepada pejabat TPR sebelum ini dan menunggu tindakan selanjutnya mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

"Kertas siasatan itu, kita dah serahkan kepada pejabat Timbalan Pendakwa Raya untuk sebarang ulasan dan tindakan lanjut," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Program Gempur Dadah Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang di Institut Latihan Perindustrian Kepala Batas di sini, pada Isnin.

Sebelum ini, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata, polis sudah melengkapkan kertas siasatan kes ugutan jenayah yang dikaitkan dengan anak seorang menteri Kabinet seperti tular di media sosial sebelum ini.

Razarudin berkata, tindakan ini sekaligus menunjukkan bahawa polis tidak pernah berkompromi atau melindungi mana-mana pihak yang melakukan kesalahan.

Beliau berkata, polis juga sudah merakam percakapan terhadap semua pihak yang terlibat dalam kes berkenaan.

"Kertas siasatan kes ini sudah dirujuk kepada pejabat Timbalan Pendakwa Raya, pada 6 Januari lalu selepas laporan polis yang dibuat oleh pengadu pada 1 Januari lalu.

"Pada masa ini, pihak pendakwa raya mengarahkan pegawai penyiasat untuk mendapatkan laporan pemeriksaan kandungan wanita yang dikatakan diugut anak menteri terbabit," katanya.

Razarudin berkata, siasatan awal juga mendapati anak menteri terbabit dilaporkan sudah menikahi wanita yang dilaporkan mengandung seperti yang tular pada September tahun lalu.

Tambahnya, siasatan adalah telus dan pihak polis akan menghadapkan mereka yang bersalah ke muka pengadilan.

Polis akan panggil semula saksi kes kematian Beng Hock

KUALA LUMPUR - Polis akan memanggil semula saksi yang terlibat dalam kes kematian Teoh Beng Hock dalam masa terdekat, susulan arahan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 21 November untuk menyiasat semula semua aspek berkaitan kes tersebut.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain berkata, pihaknya akan mengenal pasti saksi yang perlu dirakam semula kenyataan mereka selepas cuti perayaan Tahun Baru Cina.

"Saya yakin proses ini tidak akan mengambil masa yang lama dan kertas siasatan akan dikembalikan dalam tempoh masa yang ditetapkan," katanya kepada pemberita dalam sesi libat urus bersama wartawan di Bukit Aman di sini, pada Isnin.

Mohd Shuhaily berkata, beliau dan pegawai penyiasat juga akan menjalankan siasatan semula di lokasi kejadian kematian bekas pembantu Exco Selangor itu.

"Kita telah mendapat perintah mandamus daripada mahkamah tinggi untuk menyerahkan kertas siasatan lengkap mengenai kes ini pada Mei ini. Seperti semua sedia maklum, kes ini sudah kira-kira 15 tahun dan telah berlaku banyak perubahan di lokasi berkenaan," katanya.

Pada 21 November 2024, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memerintahkan PDRM untuk melengkapkan siasatan kes kematian mendiang dalam tempoh enam bulan.



BENG HOCK

Hakim Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh (kini Hakim Mahkamah Rayuan) membuat perintah itu selepas membenarkan permohonan semakan kehakiman oleh ibu bapa mendiang Teo terhadap Ketua Polis Negara (KPN), Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah PDRM, PDRM dan kerajaan Malaysia sebagai responden pertama hingga keempat.

Beng Hock ditemukan mati pada 16 Julai 2009 di tingkat lima bangunan Plaza Masalam, Shah Alam selepas memberi keterangan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di tingkat 14 bangunan sama.

Mendiang yang ketika itu ialah Setiausaha Politik kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Kembangan Ean Yong Hian Wah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru Selangor.

Mengenai kes serangan simbah asid melibatkan pemain kebangsaan dan Selangor FC, Muhammad Faisal Halim atau Faisal Halim, Mohd Shuhaily menjelaskan, siasatan kes itu masih berjalan.

Beliau memberitahu, buat masa kini pihaknya masih tidak mempunyai petunjuk baharu yang dapat membantu siasatan.

Pada 5 Mei 2024, Faisal Halim, 26, menjadi mangsa simbahan asid di sebuah pusat beli-belah di Kota Damansara, Kuala Lumpur menyebabkan beliau mengalami kelecuran tahap empat pada beberapa bahagian badan.- *Bernama*

Padah tipu pemohon hilang upaya kekal PERKESO

Pemilik syarikat didenda RM188,000 setelah mengaku salah

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN
BUTTERWORTH

Seorang pemilik syarikat didenda RM188,000 di Mahkamah Sesyen di sini selepas mengaku bersalah terhadap tujuh pertuduhan pilihan menipu lima pemohon berhubung tuntutan Hilang Upaya Kekal (HUK) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Hakim Zulhazmi Abdullah menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohamad Afizal Mohd Akhirudin, 33, selepas mengaku bersalah kesemua pertuduhan dan fakta kes yang dibacakan terhadapnya.

Mengikut semua pertuduhan pilihan, lelaki tersebut yang juga pemilik Syarikat Jentayu Tujuh Venture didakwa menipu lima pemohon dengan memperdayakan mereka untuk mempercayai dia boleh menguruskan peratusan tafsiran penilaian HUK yang tinggi oleh jemaah doktor dalam tuntutan PERKESO dengan syarat tertentu.



Tertuduh ketika hadir di Mahkamah Butterworth, pada Isnin.

Mahkamah & Jenayah

Berikutan tindakan tertuduh menyebabkan semua pemohon terbabit diperdaya dan menyerahkan wang berjumlah RM188,000 yang dimasukkan dalam akaun Maybank syarikat berkenaan. Kesalahan itu didakwa dilakukan di Seberang Jaya dalam daerah Seberang Perai Tengah antara tahun 2017 hingga 2023.

Pendakwaan mengikut pertuduhan pilihan dikemukakan di bawah Seksyen 417 Kanun Keseksaan yang sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Kes tersebut dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Noor Azura Zulkiflee dan Nurnajihatul Idayu Mohd Azuyar, manakala tertuduh diwakili peguam M Puveneswaran.

Ketika prosiding, Puveneswaran merayu denda minimum dikenakan terhadap anak guamnya dengan alasan perlu menyara ibu bapa yang mana bapanya mempunyai masalah jantung.

Mahkamah kemudian mengenakan hukuman denda RM188,000 terhadap semua pertuduhan dihadapi Mohamad Afizal dan jika gagal membayarnya, tertuduh berdepan penjara selama 54 bulan.

Difahamkan tertuduh kemudiannya membayar denda berkenaan sebelum meninggalkan mahkamah.

10 BERITA *SINAR HARIAN* PALING TRENDING

SETAKAT JAM 5 PETANG ISNIN

1 BERANG LAMARAN TAK KUNJUNG TIBA, WANITA MENGAMUK DI RUMAH TEMAN LELAKI

2 'KEMATIAN JOJO ONE NATION EMCEES DICEMBURUI'

3 AMARAN RIBUT PETIR, HUJAN LEBAT DI EMPAT NEGERI

4 COVID-19 'MUNGKIN' BOCOR DARI MAKMAL DI CHINA

5 CADANGAN DAP DI JALAN HANG TUAH PERLU KAJIAN - EXCO

6 ARAK JELAS HARAM DALAM ISLAM, SEMUA PIHAK WAJIB FAHAM - MUFTI

7 POLIS KESAN LELAKI TAMPAR ISTERI DI PUSAT BELI-BELAH

8 PESAWAT BERLEGAR TIGA JAM DI UDARA, TERPAKSA MENDARAT SEMULA

9 ALONG CHAM SUJUD SYUKUR LEPAS TANPA BEBAS SATU KES DADAH

10 HIMPUNAN LEBIH BESAR AKAN DIGERAKKAN - BERSIH

Wang pencen RM155,804 lesap angkara *phone scam*

KUALA TERENGGANU - Wang simpanan pencen milik seorang pesara kerajaan yang berjumlah RM155,804 lesap selepas terpedaya dengan sindiket penipuan melalui panggilan telefon atau *phone scam* pada 16 Januari lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Azli Mohd Noor berkata, wanita berusia 68 tahun itu dihubungi seorang individu yang menyamar sebagai pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang yang memaklumkan mangsa terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram serta penyalahgunaan meter air.

"Mangsa telah diarahkan menyerahkan semua maklumat perbankan dan kad debit yang melibatkan tiga akaun bank bagi penyiasatan kewangan.

"Mangsa juga diarahkan untuk meletakkan kad debit tersebut dalam plastik dan diletakkan di celah pokok di hadapan rumah.

"Setelah itu, mangsa telah menerima notifikasi daripada pihak bank yang menunjukkan pengurangan wang yang besar melalui ketiga-tiga akaun bank serta akaun Tabung Haji miliknya," katanya dalam kenyataan di sini pada Isnin.

Mengulas lanjut, Azli memaklumkan mangsa yang mula sedar dirinya telah ditipu kemudian menghubungi pihak bank untuk menyekat akaun bank miliknya serta mendapatkan penyata bank.

"Mangsa mendapati terdapat lebih dari 55 kali transaksi wang ke dalam empat akaun bank yang dikenal pasti.

"Selain itu, pengeluaran wang melalui mesin juruwang automatik (ATM) bank dibuat tanpa pengetahuan wanita tersebut melalui tiga akaun bank milik mangsa dan satu akaun Tabung Haji melibatkan keseluruhan kerugian berjumlah RM155,804," tambah beliau.

Polis kesan lelaki tampar isteri di pusat beli-belah di Kota Warisan

SEPANG - Polis sedang mengesan seorang lelaki menampar isterinya di sebuah pusat beli-belah di sekitar Kota Warisan di sini, baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Norhizam Bahaman berkata, pihaknya menerima laporan daripada adik kepada wanita itu yang ditampar dalam video yang tular memaparkan tindakan lelaki berkenaan.

"Pengadu merupakan adik kepada wanita itu mengesahkan bahawa mangsa yang dipukul adalah kakak kandungnya berusia 35 tahun.

"Manakala, lelaki yang memukul mangsa adalah seorang lelaki tempatan berusia 50-an yang juga suami kepada wanita itu," katanya dalam kenyataan, pada Isnin.

Norhizam berkata, polis sedang dalam proses merakam keterangan saksi berhubung kejadian itu dan pada masa sama giat mengesan keberadaan suspek dan mangsa.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan Seksyen 18 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

"Sebarang maklumat berkaitan boleh disalurkan kepada Pegawai Penyiasat, Asisten Superintenden Mahafiz Mat Lawi di talian 010-2396533," katanya.

Terdahulu satu rakaman video berdurasi 29 saat tular memaparkan seorang wanita berjalan keluar dari pusat beli-belah terbabit sambil memegang bungkusan plastik.

Setibanya di pintu keluar premis terbabit, wanita itu tiba-tiba berhenti sejurus melihat kehadiran suspek yang bertopi dan berjalan ke arahnya, sambil memegang tangan seorang kanak-kanak.

Secara tiba-tiba, lelaki berkenaan menampar wajah wanita itu di khalayak ramai sambil mengatakan sesuatu ke arah mangsa, kemudian wanita itu dilihat keluar dari premis terbabit.



Video tular memaparkan tindakan seorang lelaki menampar isterinya di sebuah pusat beli-belah.

Sinar Harian
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Elok juga kalau mansuh PRK

SABTU lalu, ketika perbahasan di Konvensyen Nasional 2024 Parti Amanah Negara, Setiausaha Organisasi Angkatan Wanita Amanah (AWAN), Anis Afida Mohd Azli menyampaikan satu usul yang menarik.

Wakil sayap wanita Amanah itu menggesa kerajaan meminda Perkara 54 (1) Perlembagaan Persekutuan agar tidak diadakan pilihan raya kecil (PRK) apabila berlaku kekosongan kerusi luar jangka. Bahasa mudahnya, beliau mencadangkan supaya keperluan PRK dimansuhkan apabila berlaku kematian penyandang mana-mana kerusi pilihan raya sama ada Dewan Undangan Negeri (DUN) atau Parlimen.

Namun seperti dijangka, majoriti perwakilan Amanah menolak usul tersebut. Mungkin mereka yang menolak itu dalam kalangan ahli politikus sepenuh masa dan merasakan ada peluang untuk dicalonkan sekiranya ada mana-mana DUN atau Parlimen yang mengadakan PRK.

Umum mengetahui, keperluan PRK bagi menggantikan penyandang yang meninggal dunia merupakan bebanan buat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan kerajaan kerana perlu menyediakan peruntukan yang besar.

Memetik pandangan bekas Timbalan Pengerusi SPR, Datuk Seri Wan Ahmad Wan Omar, SPR perlu membelanjakan sekurang-kurangnya RM2 juta bagi mengadakan PRK peringkat DUN, bergantung kepada faktor tertentu seperti keluasan kawasan, jumlah pusat daerah mengundi, petugas dan keperluan logistik.

Penganalisis Pilihan Raya, Dr G Manimaran pula menjelaskan, bagi perbelanjaan SPR menguruskan PRK peringkat Parlimen, nilai diperlukan secara purata dalam lingkungan RM5 juta ke RM6 juta.

Ironinya, apa juga alasan, duit kerajaan daripada hasil cukai yang dibayar rakyat akan terus mengalir untuk tujuan pilihan raya tersebut.

Di sisi rakyat, selain melihat kos tersebut sebagai satu pembaziran, keterujaan mereka keluar mengundi dan memilih wakil rakyat baharu bukan lagi menjadi satu keutamaan. Buktinya cukup jelas apabila peratusan keluar mengundi pada setiap PRK yang diadakan sebelum ini menunjukkan trend menurun.

Oleh itu, ada baiknya juga usul tidak diadakan PRK, sebaliknya membenarkan kekosongan kerusi penyandang dinamakan penggantinya daripada parti yang memenangi kerusi tersebut.

Isu penting ketika ini adalah mengenai kelangsungan hidup rakyat Malaysia dan bukannya sibuk menjulang politikus yang bercita-cita menjadi Yang Berhormat.

Orang Singapura suka beraya di Malaysia



ANALISIS MUKA 16

NOR AZURA MD AMIN

Sejak seminggu lalu, sudah terasa kemeriahan sambutan Tahun Baharu Cina dengan pelbagai hiasan lampu berwarna-warni di kawasan tumpuan dan pusat beli-belah di bandar raya Johor Bahru.

Suasana itu turut menggamit kehadiran rakyat Singapura untuk membeli-belah membuat persiapan, lebih-lebih lagi dalam keadaan nilai ringgit yang kecil berbanding dolar Singapura.

Sudah menjadi tradisi ketika Tahun Baharu Cina, ramai rakyat Singapura mengunjungi keluarga dan sanak saudara yang tinggal di Malaysia. Selain Johor Bahru, beberapa negeri lain menjadi tumpuan mereka seperti Melaka, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Disebabkan itu, laluan darat Malaysia ke Singapura melalui Tambak Johor dan Laluan Kedua Second Link sudah tentu akan sesak luar biasa terutama pada waktu puncak menjelang perayaan Tahun Baharu Cina ini.

Menurut kenyataan pihak Berkuasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan (ICA), tempoh puncak kesesakan dijangka bermula 24 Januari lalu sehingga 2 Februari ini.

Pihak berkuasa itu turut menekankan, peningkatan mendadak jumlah pengembara semasa cuti sekolah akhir tahun baru-baru ini apabila lebih 24 juta pengguna melalui pusat pemeriksaan Woodlands dan Tuas, peningkatan 20 peratus berbanding tempoh sama pada 2023.

Kesesakan juga dijangka berlaku di pintu masuk negara di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) Johor Bahru dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) di Iskandar Puteri. Walaupun pada hari biasa pun, keadaan lalu lintas di kedua-dua bangunan berkenaan amat sibuk, namun pergerakan keluar masuk rakyat kedua-dua negara itu akan meningkat setiap kali tiba musim perayaan.

Situasi sama berlaku pada Tahun Baharu Cina pada Februari tahun lalu apabila lebih 400,000 pengembara memasuki Malaysia melalui Tambak Johor dan Linkedua.

Kenderaan dari Singapura ke negara ini, ditambah musim perayaan selain cuti sekolah ketika ini, sudah tentu menyumbang kepada kesesakan lalu lintas terutama terutama di laluan di pusat bandar raya Johor Bahru.

Disebabkan itu, Johor Bahru memerlukan sistem jaringan pengangkutan awam yang relevan bagi mengurangkan kesesakan ketika musim perayaan.

Ketika ini, projek Sistem Transit Rapid (RTS) Link Johor Bahru-Singapura giat dibangunkan dengan kemajuan kerja-kerja pembinaan infrastruktur rel projek telah mencapai 83 peratus setakat akhir Julai tahun lalu. Menghubungkan Stesen Bukit Chagar di Johor Bahru ke Stesen Woodlands North di Singapura, ia dianggarkan mengambil masa sekitar 15 minit untuk perjalanan termasuk pelepasan imigresen.

Dengan kapasiti sehingga 10,000 penumpang setiap jam bagi setiap arah dan masa perjalanan kira-kira lima minit antara kedua-dua stesen, RTS Link akan menyediakan perjalanan mudah dan selesa antara Singapura dan Johor Bahru.

> *"Sudah menjadi tradisi ketika Tahun Baharu Cina, ramai rakyat Singapura mengunjungi keluarga dan sanak saudara yang tinggal di Malaysia."*

Sistem pengangkutan yang dianggarkan menelan belanja RM10 bilion itu dijangka mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2027.

Dalam tempoh dua tahun sahaja lagi, kesesakan trafik di laluan masuk kedua-dua negara yang berlaku setiap hari dan menjadi luar biasa ketika musim perayaan, akan berakhir.

Namun buat masa sekarang, rakyat kedua-dua negara masih perlu menempuh kesesakan lalu lintas di laluan masuk dan keluar di Tambak Johor dan Second Link.

Apa pun, mereka yang terperangkap dalam kesesakan lalu lintas perlu bijak mengawal emosi dengan tidak terburu-buru membuat sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang.

Banyak kejadian tidak diingini berlaku sebelum ini sehingga tular di media sosial boleh dijadikan pengajaran.

Kesesakan luar biasa di dua pintu masuk sempadan Malaysia dan Singapura, peningkatan kenderaan yang memasuki negeri ini turut meningkatkan risiko kemalangan jalan raya.

Buat orang Johor Bahru, rancang perjalanan sebaiknya bagi mengelak tersangkut dalam kesesakan di kawasan bandar raya.

** Nor Azura Md Amin ialah Ketua Wartawan Sinar Harian Johor*

Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALANAN

Wajib pertahankan maruah agama, tapi jangan sampai jadi pembunuh

TAK habis-habis isu pelawak terkenal, Harith Iskander sejak menimbulkan kontroversi jenaka sarkastik di laman sosial sehingga menyinggung hati umat Islam.

Pelawak yang pernah dinobatkan sebagai *Funniest Person In The World* membatalkan persembahan yang sepatutnya berlangsung di Dewan Filharmonik Petronas (DFP), Ahad lalu selepas dia dan keluarganya didakwa menerima ugutan bunuh.

Susulan itu, seorang lelaki berusia 31 tahun yang dipercayai membuat dua ugutan ke atas pelawak tersebut dan keluarga, ditahan serta direman.

Bagi Merak Jalanan, niat mempertahankan imej agama daripada dipersendakan adalah satu kewajiban setiap umat Islam. Namun, ia tidak seharusnya sampai mengambil tindakan yang menyalahi undang-undang.

Mengugut bunuh bukanlah prinsip murni diajarkan dalam agama Islam. Ancaman keselamatan sebegini menunjukkan ketidakmatangan individu berkenaan dalam menyelesaikan konflik, juga akan memberi imej negatif keseluruhan umat Islam kononnya ekstrem apabila berdepan konflik.

Biarlah sebarang isu menyentuh sensitiviti kaum dan agama diselesaikan mengikut undang-undang negara kita.

Merak Jalanan setuju pendekatan berhemah diambil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) apabila sedia berjumpa dengan Harith untuk menyelesaikan isu ini.

Contohilah tindakan pejuang Hamas yang membebaskan beberapa tawanan Israel setelah perjanjian gencatan senjata antara Gaza-Israel dimeterai minggu lalu. Walaupun penduduk Gaza dibunuh secara beramai-ramai oleh askar IDF dan diberikan layanan zalim selama ini, kesemua tawanan Israel dibebaskan mengakui mereka diberi layanan baik sepanjang tempoh ditahan.

Bagi Merak Jalanan, aspek mempertahankan keharmonian kaum dapat dicapai sekiranya kita mampu menghormati fahaman agama dan budaya orang lain tanpa perlu membuat provokasi.

DIPN dan Sang Kelembai



VANGUARD

MUHAMMAD FUAD MAT NOOR

Dasar Industri Pertahanan Negara (DIPN) merupakan satu pelan yang mula diperkatakan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia sejak tahun 2019 lagi. Ia merupakan antara empat perancangan utama yang telah diluluskan Parlimen pada bulan Disember tahun tersebut.

Sejak DIPN mula diperkatakan di kalangan kepimpinan Kementerian Pertahanan, ia dilihat sebagai sesuatu amat kritikal bagi memenuhi sasaran Kertas Putih Pertahanan (KPP) negara yang mahukan industri dalam negara mampu menghasilkan sebahagian besar peralatan dan kelengkapan berkaitan pertahanan dan tidak terlampau bergantung kepada sistem diimport dari luar.

Entah mengapa, proses menghasilkan DIPN seakan disumpah oleh Sang Kelembai, kerana ia seakan menjadi batu, jumud dan tidak dapat dihasilkan, walaupun berulang kali dikatakan bakal menjadi kenyataan oleh beberapa orang Menteri Pertahanan sejak tahun 2021.

Peliknya 'bijak-pandai' berkaitan aset, teknologi, industri dan keperluan pertahanan negara bukan sahaja dari pihak kerajaan, malah pemain-pemain industri pertahanan (60 wakil pemain industri pada 2023) telah mengadakan pelbagai perjumpaan, sesi ramah mesra dan bengkel, namun gagal menghasil dokumen DIPN.

Lebih seminggu lalu, Menteri Pertahanan mengumumkan bahawa sasaran utama kementerian beliau pada tahun 2025 adalah menyiapkan DIPN dan melancarkannya semasa LIMA '25.

Jika selama ini perkara berkaitan dasar pertahanan negara seakan menjadi hak ekslusif dan inklusif kepada mereka yang menghuni bangunan Kementah serta pemain dan gergasi-gergasi industri sahaja, kali ini DIPN mahu ditiupkan dengan angin perubahan, dibangunkan secara komprehensif dan terbuka.

DIPN dikatakan bakal membawa industri pertahanan melalui transformasi yang radikal.

Sejauh mana keberkesanan langkah yang diambil ini benar-benar dapat memberi manfaat kepada kewujudan DIPN adalah sesuatu yang belum dapat dikenal pasti.

Ini kerana jika portal itu menerima sambutan, Kementerian Pertahanan hanya mempunyai masa sehingga bulan Mei tahun ini untuk meneliti, mencerna, menggubal dan membentangkannya di Parlimen sebelum ia diperkenalkan pada pameran LIMA 2025.

Sebuah portal popular berkaitan Pertahanan menyatakan bahawa antara perkara menjadi halangan utama kenapa DIPN tidak dapat diperkenalkan adalah kerana terdapat pihak berkaitan industri keselamatan yang kurang setuju untuk industri mereka dirangkumkan bersama dalam industri pertahanan.Mungkin inikah antara penjelmaan makhluk mitos Sang Kelembai di era moden? Ia adalah sesuatu yang subjektif.

Kita perlu melihat negara jiran Indonesia yang sekian lama telah mewujudkan Komite Kebijakan Industri Pertahanan (KKIP). Ia adalah organisasi yang mengoordinasikan perancangan, perumusan, pelaksanaan, pengendalian, sinkronisasi, dan evaluasi industri pertahanan negara tersebut yang diketuai sendiri oleh Presidennya.

Sekian lama ia telahpun menghasilkan apa yang dipanggil 'Master Plan 2010-2029' yang telah dan bakal melalui tiga fasa, iaitu Fasa Pertama: Penguasaan rekabentuk 2010-2014, Fasa Kedua: Penguasaan teknologi 2015 – 2019 dan, Fasa Ketiga: Pengembangan baharu: 2020 – 2029.

'Road map' tersebut menekankan tujuh program utama industri pertahanan nasional. Ia propelan, roket, peluru berpandu, kereta kebal sederhana, radar, kapal selam dan pesawat tempur.

Tiga dari tujuh program itu telah membuahkan hasil, iaitu kereta kebal Harimau, teknologi kapal selam dan Roket RHan-122B.

Tidak hairanlah hari ini raifal buatan Indonesia seperti Pindad SS2, Pindad SM2 serta Pindad G2 telah berjaya dieksport ke luar negara. Begitu juga dengan kenderaan berperisai Komodo. Anoa dan Maung, selain pesawat CN-235 dan dron Wulung.

Di negara ini kita masih bergelut dengan Sang Kelembai hanya untuk menghasilkan satu dasar! Selain itu dasar ini juga perlu menekankan ciri-ciri pengurusan dan tatakelola yang benar-benar berkesan.

Klausa-klausa berkaitan tindakan terhadap penyalahgunaan kuasa, penyelewangan dana dan rasuah berkaitan industri dan perolehan pertahanan mestilah juga diperkemaskan agar Kementerian pertahanan tidak lagi dijadikan 'lubuk duit' oleh mereka yang tidak bertanggungjawab baik dari industri mahupun penjawat awam.

** Muhammad Fuad Mat Noor ialah penganalisis pertahanan dan pernah menerima Anugerah Wartawan Terbaik oleh Kementerian Pertahanan Malaysia pada tahun 2003, 2004, 2006 dan 2007.*

Bila kartun tak lagi lucu



PSIKO LAGI!

MOHD AWANG IDRIS

Pekerjaan sebagai kartunis biasanya membuatkan orang tersenyum atau ketawa. Begitulah yang biasanya diketahui orang. Tapi dalam dunia hari ini, tak semua kartunis membuatkan orang ketawa. Kartunis sesekali menggerunkan. Ia tak lagi lucu.

Kerana kartunnya banyak mengkritik kerajaan Arab Saudi, pelukis Mohammed al-Hazza telah dipenjarakan sejak 2018. Kartunnya sering dikaitkan sebagai menyokong pengganas. Belum sempat dibebaskan daripada penjara enam tahun untuk tuduhan pertama, kini dia dipenjarakan lagi 23 tahun untuk tuduhan yang lain pula.

Cerita-cerita kartunis yang ditangkap dan dipenjarakan ini ada di mana-mana sahaja. Ia biasanya banyak berlaku di negara dunia ketiga. Di Bangladesh, ada kartunisnya diseksa di penjara. Di China, seorang kartunisnya hidup dalam pelarian, tetapi kemudiannya dihantar pulang. Itulah kartunis. Ia melukiskan kelucuan, tapi hidup mereka mungkin tak lagi melucukan.

Di Malaysia, kartunis yang menyindir ini juga ramai. Ketika saya masih kanak-kanak, sekitar tahun 80-an, saya sudah mula 'membaca' lukisan menyindir Jaafar Taib atau Rejabhad di majalah *Gila-Gila*. Seorang abang saya peminat tegar majalah ini pada waktu itu. Tapi sifat sindiran waktu itu mungkin berbeza dengan sindiran waktu sekarang. Mereka banyak mengkritik masyarakat dengan cara jenaka, tak begitu spesifik kepada tokoh tertentu. Motifnya juga mungkin berbeza. Mereka menjual majalah, dan bukan sangat mengkritik itu sendiri.

Waktu itu, tanpa sosial media, jika seseorang itu dikritik pun, ia tak tersebar dengan cepat seperti sekarang. Ia tak 'menghasut' sesiapa, istilah yang banyak muncul akhir-akhir ini.

Di zaman reformasi, Zunar antara pelukis besar di *Gila-Gila* telah banyak menyumbang karyanya di *Malaysiakini*. Banyak kartunnya berkisar tentang musuh reformasi pada zaman itu, Tun Dr Mahathir Mohamad. Sindiran itu kemudian dituju kepada perdana menteri selepasnya.

Tapi, sebagai pembaca, saya lebih menyukai karyanya yang lain, Cinta Tak Semesti Bersatu. Ia tiada sindiran politik, hanya kisah cinta yang gagal.

Tapi dunia hari ini telah berubah. Anak muda di mana-mana juga pun, mereka dengan sentimennya tersendiri. Mereka juga ada cara yang lain dalam menyampaikan seni. Mungkin itulah yang boleh kita gambarkan kepada Fahmi Reza yang kartunnya mungkin bersifat satira, tetapi agak keras. Sesekali ada belon terbang.

Sesekali ada lukisan di dinding. Kartunnya yang biasanya dalam bentuk gambar muka sahaja, mungkin membuat sesetengah orang tersenyum, tetapi yang lain terluka.

Tetapi itulah hakikat zaman hari ini. Anak muda dengan caranya. Orang yang berusia pula dengan cara menafsir yang lain. Tindakan mereka mungkin tak disenangi, tapi mesej mereka mungkin sesekali perlu dihayati juga. Yang baik mungkin boleh diambil sebagai iktibar. Yang buruk, kita abaikanlah.

Menghalang orang meluahkan perasaan mungkin tak lagi relevan dalam dunia hari ini. Dengan segala bentuk media sosial yang ada, jika kita menutup satu pintu, puluhan pintu yang lain pula dibuka. Semakin dihalang, ia membuatkan sesuatu itu lebih bermakna untuk dilakukan. Dalam psikologi, inilah yang dinamakan *boomerang effect*. Semakin dilarang, semakin kuat melawannya.

Semua kita juga pernah menjadi anak muda. Malah banyak pemimpin politik kita yang membentuk kerajaan sekarang pun ialah mereka yang dulunya muda, dan banyak mendapat manfaat daripada kartunis yang menyokong mereka. Kini, setelah di atas, tentu ada pula kelompok lain yang akan menyerang pula. Begitulah adat dalam politik.

Kartun hanyalah medium melepaskan perasaan. Biarkanlah kartunis meluahkan perasaan mereka. Jika kita tak mampu tersenyum, tak perlulah mereka dimarahi pula. Itu pesan untuk kita semua.

** Mohd Awang Idris ialah seorang Profesor dalam bidang Psikologi di Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya. Penulis juga ialah Profesor Adjung di University of South Australia dan Profesor Madya Adjung di Griffith University.*

Beban penjaga pesakit mental



Pesakit mental tahap teruk, jika makan ubat dan hadir sesi psikoterapi, mampu mengharungi hidup secara normal. - *Gambar hiasan*



DR ALIZI ALIAS
merupakan Konsultan Psikologi Organisasi
Penasihat Soul Fitness WUIF
Pengerusi Psikospiritual IKRAM (P.S.I)
Ahli Majlis Persatuan Psikologi Malaysia (PSIMA)

Apabila ada kes pesakit mental yang memudaratkan orang lain, kadang-kadang penjaga pesakit mental dipersalahkan. "Kenapa biarkan dia keluar rumah?" "Kenapa tak bawa jumpa doktor?" Pada hal kebanyakan pesakit mental hidup normal, berprestasi di tempat kerja, bahagia berkeluarga dan tidak memudaratkan orang lain.

Kebanyakan pesakit mental adalah tahap ringan dan sederhana. Malah pesakit mental tahap teruk, jika makan ubat dan hadir sesi psikoterapi, mampu mengharungi hidup secara normal.

Kes terpencil memudaratkan pihak lain biasanya berlaku kepada segelintir kecil pesakit mental tahap teruk disebabkan faktor luaran lalu mengalami 'episod' (*relapse*). Ini termasuklah stigma masyarakat yang menyebabkan pesakit mental berhenti mengambil ubat atau penjaga mereka sendiri mengalami stres tahap melampau dan lesu upaya (*burnout*) hingga tidak dapat menjaga pesakit mental dengan baik.

Kelebihan menjaga pesakit mental

Menjaga ahli keluarga mengalami penyakit mental sama ada tahap ringan, sederhana atau teruk adalah manifestasi kasih sayang dan budi-pekerti, serta boleh menjadi pengalaman yang meningkatkan keimanan dan makna kehidupan.

Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa yang menziarahi orang sakit, dia akan terus berada dalam naungan rahmat sehinggalah dia duduk. Apabila dia duduk (bersama orang sakit), dia bersama dalam rahmat-Nya. [Riwayat Ahmad, 14310].

Walau bagaimanapun, penjaga pesakit mental perlu meletakkan sempadan yang sihat supaya dapat menguruskan stres, mengekalkan kesihatan fizikal, terus memberikan bantuan kepada pesakit mental.

Hal ini kerana penjaga mungkin menghadapi ujian emosi, fizikal dan kewangan yang berat hingga mengganggu kesejahteraan diri.Sabda Rasulullah SAW: Sesungguhnya badanmu mempunyai hak ke atasmu..., [Riwayat al-Tirmizi, 36:111].

Kenapa menjaga pesakit mental sangat stres?

(1) Emosi yang bercampur-campur: Penjaga pesakit mental sering mengalami pelbagai emosi seperti rasa bersalah dan kecewa.

Perasaan tidak pasti kalau-kalau pesakit mental di bawah jagaannya mengalami episod yang boleh menyebabkan penjaga mengalami kebimbangan berterusan dan rasa tidak berdaya (*helpless*).

(2) Kesihatan fizikal: Penjaga pesakit mental juga mungkin mengabaikan kesihatan dan keperluan peribadi serta berasa sunyi apabila mereka banyak memberi tumpuan penjagaan pesakit mental.

(3) Stigma masyarakat: Stigma terhadap penyakit mental boleh menghalang penjaga daripada mencari sokongan, menyebabkan mereka terpaksa menguruskan tanggungjawab secara bersendirian.

(4) Beban kewangan: Stres berkaitan kewangan juga mungkin wujud terutamanya jika penjaga terpaksa mengurangkan waktu kerja atau berhenti kerja sepenuhnya untuk fokus kepada penjagaan.

Strategi menguruskan stres

(1) Sumber sokongan: Menyertai kumpulan sokongan khusus untuk penjaga dan berkongsi pengalaman dengan orang lain yang menghadapi cabaran yang sama boleh memberikan lebih kefahaman dan rasa kebersmaan serta mengurangkan kesunyian.

(2) Pendidikan kendiri: Memahami diagnosis spesifik penyakit mental ahli keluarga boleh mengurangkan stres dengan membantu menjangka cabaran dan merancang tindak balas yang berkesan. Penjaga boleh bertanya kepada doktor, membaca buku dan laman web kesihatan mental yang miliki autoriti dan menyertai bengkel kemahiran khusus untuk penjaga.

(3) Sempadan: Sempadan yang jelas dengan sekali-sekala berkata, 'tidak' boleh memelihara kesihatan fizikal dan mental penjaga pesakit mental.

Menyedari had diri dan memahami bahawa penjaga tidak boleh melakukan segalanya yang akan mengurangkan beban emosi.

(4) Penjagaan diri (*self-care*): Pemakanan seimbang, senaman teratur, tidur mencukupi, perbualan dengan sahabat dan hobi adalah penting untuk memulihkan tenaga fizikal dan emosi supaya penjaga terus mampu menjaga pesakit mental dengan baik.

(5) Bantuan profesional: Penjaga boleh mendapatkan khidmat kaunseling jika penjaga mengalami stres atau psikoterapi dengan ahli psikologi klinikal dan doktor psikiatri jika ada tanda-tanda awal penyakit mental seperti depresi.

Hal ini supaya penjaga dapat berfungsi dengan baik bukan sahaja sebagai penjaga pesakit mental, tapi juga sebagai ahli keluarga dan pekerja.

(6) Bantuan orang lain: Meminta bantuan daripada ahli-ahli keluarga lain, rakan-rakan, dan khidmat komuniti boleh mengurangkan beban dan memberi banyak masa untuk penjagaan kendiri termasuk ibadah khusus.

Peranan pelbagai pihak

Komuniti: (1) Mewujudkan kempen-kempen kesedaran dan sokongan sosial melalui kumpulan komuniti, rumah-rumah ibadat dan kumpulan media sosial serta (2) Mengurangkan stigma penyakit mental melalui pendidikan dan perbincangan terbuka.

Peranan NGO: (1) Menawarkan program latihan dan bantuan kewangan untuk penjaga;

(2) Menyediakan perkhidmatan kaunseling percuma atau yuran minimum;

(3) Menegur secara tegas dan terbuka tulisan dan komentar media sosial yang berbentuk stigma terhadap pesakit mental dan penjaga mereka

Majikan: (1) Menawarkan fleksibiliti kerja seperti jadual anjal atau kerja dari rumah;

(2) Menyediakan manfaat pekerja seperti insuran/takaful perubatan keluarga serta cuti berbayar khusus untuk penjagaan keluarga.

Kerajaan: (1) Menyediakan subsidi penjagaan atau elaun khas untuk penjaga serta pelepasan cukai; (2) Memperkenalkan dasar yang menyokong penjaga termasuk akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan mental yang mampu milik dan mesra pesakit serta penjaga dan (3) Memperbanyakkan kempen dan pendidikan awam untuk meningkatkan kesedaran tentang penyakit mental

Kepada individu orang awam yang tidak mampu untuk menjaga pesakit mental dan sering memberi komentar yang mengguris hati.

Ingatlah sabda Rasulullah SAW: Siapa yang membebaskan seseorang dari kesusahan dunia maka Allah akan melepaskannya dari kesusahan hari kiamat. Siapa yang memudahkan orang yang dalam kesusahan maka Allah akan memudahkannya di dunia dan akhirat. Siapa yang menutup aib saudaranya yang Islam maka Allah akan menutup aibnya di dunia dan akhirat. Allah akan membantu hamba selagi mana hamba membantu saudaranya. [Riwayat Muslim]

Mutiara Kata



Saya amat percaya jika anda fokus dengan rawatan kulit yang bagus, anda takkan memerlukan mekap untuk kelihatan cantik."
- Pelakon, Demi Moore.



Angan-angan akan jadi sekadar angan-angan melainkan anda memilih untuk menjadikannya realiti."
- Penyanyi, Harry Styles.



Hati yang tenteram juga salah satu rezeki luar biasa untuk kita di zaman ini."
- Penceramah motivasi, Datuk Dr Mohd Fadzilah Kamsah.

Istiadat pembaharuan



PEMIKIRAN DEN

TUNKU ZAIN AL-'ABIDIN



Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir (tengah) berkenan memeriksa barisan Kawalan Kehormatan Utama dari 71 Rejimen Semboyan Diraja Pemerintahan Medan Barat bersempena Hari Keputeraan Ke-77 baginda di pekarangan Istana Besar Seri Menanti, pada 14 Januari lalu.

Dua buah demokrasi persekutuan berperlembagaan, masing-masing berusia sekitar 250 tahun, mengadakan istiadat rasmi untuk ketua negaranya bulan ini.

Di Negeri Sembilan (ditubuhkan pada tahun 1773), sambutan ulang tahun ke-77 Yang di-Pertuan Besar seperti biasa dipenuhi dengan pelbagai acara, bermula dengan doa (selawat di padang dan tahlil di masjid diraja) sebelum kejohanan sepak takraw, catur, dan tarik tali, serta pertandingan berbasikal dan larian, begitu juga aktiviti seni dan kraf.

Acara ini, yang kebanyakannya tertumpu di Seri Menanti tetapi ada juga diadakan di daerah lain, menarik kedatangan semakin ramai orang setiap tahun – termasuk dari kawasan yang lebih jauh. Pemilik gerai dan khemah jualan di sekitar pekan kelihatan sangat gembira dengan kehadiran orang ramai.

Saya perlu mengingatkan diri sendiri untuk tidak lagi mengawal pesawat dan kereta kawalan jauh mewah pada masa depan: saya hampir melanggar sebuah kapal udara yang cantik ke tiang, dan lebih buruk lagi, saya menyebabkan sebuah trak raksasa mini melanggar kaki seorang budak perempuan. Doktor meyakinkan saya bahawa tiada kecederaan, tetapi budak perempuan itu menolak tawaran saya untuk menikmati ais krim tanpa had.

Saya melakukan sedikit kesilapan kecil dalam aspek muzik ketika berpeluang untuk membuat persembahan bersama artis Negeri Sembilan di Padang: pertama sekali di Rentak Irama Tradisional, saya memainkan *Moh Dogheh* bersama Datuk Aishah (anggota Fan Club di New Zealand pada akhir 80-an), dan kemudian di Konsert Xpresi Dirgahayu 2.0, saya membawakan semula *Squash the Beef* – lagu yang diminta oleh Persatuan Squash Negeri Sembilan tahun lalu – bersama penyanyi rap WARIS dan penyanyi Suki Low (kedua-duanya menerima anugerah daripada baginda tahun ini), sebelum mengiringi Hael Hussaini (yang baru-baru ini diiktiraf sebagai salah seorang daripada 10 pempengaruh TikTok teratas di Malaysia) dalam lagu popularnya *Jampi*, sebuah balada dalam tempo 6/8 yang bermula dengan melodi gitar yang memukau dan diiringi oleh gesekan biola berkuasa yang melengkapkan kord piano.

Selepas pertunjukan bunga api yang menakjubkan, Santesh mengejutkan semua hadirin dengan menyanyikan *Apo Nak Dikato* (yang saya persembahkan bersama penyanyi asal Ito pada tahun 2023). Di jamuan negeri beberapa hari kemudian, saya berganding bahu bersama Atilia Haron menyanyikan lagu *Dia* oleh Sheila Majid, sebelum penyanyi legenda Datuk Jamal Abdillah menyertai kami menyanyikan lagu *Sandarkan Pada Kenangan*. Saya berharap ini akan membuka jalan untuk lebih banyak pendidikan muzik diadakan di sekolah-sekolah Negeri Sembilan tahun ini.

Optimisme

Sudah tentu, sambutan ulang tahun ketua negeri juga meraikan ahli masyarakat yang cemerlang, dan senarai anugerah menyaksikan doktor, tentera, dermawan, artis, negarawan, dan pencipta peluang pekerjaan menerima anugerah dan pingat, tetapi hanya 32 individu menerima gelaran Datuk. Dalam ucapan baginda, Yang di-Pertuan Besar menekankan kepentingan tadbir urus yang baik, terutama dalam institusi agama di mana penyalahgunaan kuasa adalah sangat keji kerana yang korup memakai topeng keagamaan.

Sepanjang acara ini, timbul rasa terharu apabila bertemu begitu ramai orang – muda dan tua daripada pelbagai latar belakang – yang bukan sahaja mempunyai ucapan baik untuk ayahanda dan bonda saya, tetapi juga menghargai peranan yang dimainkan oleh monarki berperlembagaan dalam demokrasi kita, menyediakan ruang untuk perpaduan dan kestabilan di atas politik kepartian.

Ramai ahli sejarah dan entiti politik berhujah bahawa Amerika Syarikat (ditubuhkan pada tahun 1776) pada dasarnya diasaskan sebagai monarki terpilih, dengan kuasa Presiden serupa dengan raja-raja Eropah, di mana kuasa eksekutif secara teori dikawal oleh badan perundangan dwikamar dan mahkamah tertinggi. Namun, dengan Donald Trump dilantik sebagai Presiden ketika Dewan Perwakilan dan Senat dikuasai oleh Parti Republikan, dan dengan majoriti oleh kumpulan konservatif dalam Mahkamah Agung, mekanisme semak dan imbang ini mungkin tidak begitu berkesan.

> *"Dalam ucapan baginda, Yang di-Pertuan Besar menekankan kepentingan tadbir urus yang baik, terutama dalam institusi agama di mana penyalahgunaan kuasa adalah sangat keji kerana yang korup memakai topeng keagamaan."*

Sudah pasti, ketundukan pengkritik Presiden Trump sebelum ini – termasuk mogul teknologi dan jutawan lain – menunjukkan bahawa ketakutan terhadap tindakan Trump sudah cukup untuk mempengaruhi mereka. Dan mengenai tindakan Trump pula, gelombang perintah eksekutif yang ditandatangani pada hari pertama telah memberi kesan kepada ramai orang, terutama migran dan pekerja di bawah skim kepelbagaian.

Ucapan tahniah Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menyatakan: "Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025, saya menyambut baik Presiden Trump ke Malaysia, sebagai satu peluang untuk menyatakan dengan tegas penglibatan Amerika dengan rantau ini," sambil menyatakan bahawa "Presiden Trump telah menunjukkan cara yang unik dalam menangani isu mendesak, seperti yang ditunjukkan oleh peranannya yang penting dalam gencatan senjata Gaza."

Kenyataan diplomatik sentiasa sopan dan penuh harapan, tetapi dalam beberapa persidangan dan perhimpunan diplomatik awal tahun ini, saya melihat optimisme bahawa penghuni Rumah Putih – dengan gaya bercakap secara terus terang dan kepimpinan transaksi – akan memungkinkan bukan sahaja peluang ekonomi untuk Malaysia, tetapi juga hasil kemanusiaan yang lebih baik, kerana kapasiti organisasi masyarakat sivil Malaysia telah berkembang untuk mengemudi geopolitik sambil memperjuangkan hak dan dasar yang lebih baik di dalam negara.

Semoga optimisme ini berasas!

** Tunku Zain Al-'Abidin ialah Presiden Pengasas IDEAS*

Sinar Harian
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

TikTok pertembungan keselamatan, inovasi teknologi dan geopolitik

DALAM beberapa minggu kebelakangan ini isu mengenai potensi larangan TikTok di Amerika Syarikat (AS) telah menjadi topik perbincangan yang hangat.

Aplikasi dimiliki oleh syarikat China, ByteDance ini bukan sahaja menarik perhatian pencipta kandungan dan pengguna tetapi juga mencetuskan perdebatan dalam aspek sosioekonomi dan geopolitik.

Dengan lebih 170 juta pengguna aktif di Amerika Syarikat dengan popularitinya yang terus melonjak, TikTok berada di persimpangan kritikal antara inovasi digital, keselamatan negara dan pengaruh politik.

TikTok telah menarik perhatian global bukan hanya kerana popularitinya tetapi juga kelebihan teknologinya yang mendahului pesaing lain.

Teknologi algoritma TikTok dengan cepat dapat mengenal pasti kecenderungan minat penggunanya.

Melalui reaksi anda terhadap platform seperti *like, skip, forward, favourite* algoritma ini menganalisis tingkah laku anda lalu mencadangkan kandungan baharu melalui ciri *For Your Page* (FYP).

Selain itu, aplikasi berkenaan membolehkan pencipta kandungan baharu mencapai penonton yang besar tanpa bergantung kepada jumlah pengikut sedia ada, menjadikannya platform yang inklusif untuk kreativiti dan inovasi.

Bagaimanapun, kebimbangan terhadap isu keselamatan



data menjadi salah satu isu utama dalam perdebatan ini.

Kerajaan AS menganggap TikTok berpotensi menjadi ancaman keselamatan negara, khususnya dengan pemilikan data oleh ByteDance.

Kritikan ini turut dikaitkan dengan geopolitik, di mana TikTok bukan sahaja dilihat sebagai aplikasi hiburan tetapi juga alat yang berkuasa dalam menyampaikan naratif sosial dan politik.

Keupayaan TikTok untuk menyebarkan mesej secara meluas menjadikannya medium penting dalam membentuk pendapat awam dan mencetuskan dialog masyarakat.

Selain itu, TikTok memainkan peranan besar dalam kehidupan Generasi Z, yang membentuk hampir separuh daripada pengguna aktifnya.

Aplikasi ini mencetuskan fenomena FOMO (*Fear of Missing Out*), di mana pengguna merasa perlu mengikuti trend terkini untuk kekal relevan.

TikTok juga menjadi alat penting dalam pembentukan identiti digital, dengan cabaran viral, trend dan kandungan kreatif yang mempengaruhi tingkah laku belia.

Namun, aspek ini turut menimbulkan kebimbangan terhadap kesihatan mental seperti tekanan sosial yang disebabkan oleh jumlah like dan comment.

Pada masa sama, TikTok menjadi ruang untuk kesedaran politik dan aktivisme sosial menjadikannya bukan sekadar platform hiburan malah medium untuk suara belia untuk didengari.

Walaupun tekanan untuk menutup TikTok telah berlaku, aplikasi ini kembali beroperasi di Amerika Syarikat selepas terhenti selama 12 jam apabila Presiden AS, Donald Trump telah mengeluarkan perintah eksekutif untuk menangguhkan pemansuhan TikTok di AS.

Dalam dunia yang semakin bergantung kepada teknologi, keputusan mengenai TikTok adalah simbol persaingan kuasa besar untuk mendominasi masa depan digital.

Oleh itu, apa sahaja keputusan yang diambil akan memberi kesan mendalam terhadap generasi akan datang, bukan hanya dalam konteks teknologi malah konteks falsafah, antropologi, sosiologi dan psikologi.

- Mohd Hanif Mohd Omar ialah Penyarah Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Melaka

PENDAPAT Rakyat

Bagaimana AI akan mengubah dunia pekerjaan?

KEMAJUAN teknologi kecerdasan buatan (AI) telah membuka peluang baharu dalam pelbagai sektor di seluruh dunia, termasuk Malaysia.



Menurut laporan terkini, lebih 30 peratus pekerjaan di Malaysia dijangka terpengaruh oleh AI dalam tempoh sepuluh tahun akan datang.

Perubahan ini memberikan pelbagai kebaikan tetapi juga menuntut persediaan rapi untuk menghadapinya.

AI membawa pelbagai manfaat besar kepada dunia pekerjaan di Malaysia, terutama dalam meningkatkan produktiviti.

Peningkatan produktiviti ini boleh berlaku kerana AI mampu melaksanakan tugas-tugas rutin dengan lebih pantas dan tepat berbanding manusia.

Automasi yang diterapkan oleh AI boleh mengurangkan masa yang diperlukan untuk melengkapkan sesuatu proses kerja sambil memastikan ketepatan dan konsistensi yang tinggi. Ia sekali gus membantu organisasi mengoptimumkan sumber dan kos.

Dalam masa yang sama, AI juga mencipta peluang kerja baharu dalam bidang berkemahiran tinggi seperti pengurusan data, pembangunan perisian, analisis data, dan keselamatan siber.

Pekerja berpeluang meningkatkan kemahiran mereka bagi menceburi sektor ini menjadikan tenaga kerja negara lebih kompetitif di peringkat global.

Selain itu, AI turut membantu mempercepatkan proses dalam sektor perkhidmatan awam, seperti pengurusan data, permohonan lesen, dan perkhidmatan kesihatan.

Dalam sektor pendidikan pula, AI dapat mempersonalisasikan pembelajaran untuk memenuhi keperluan pelajar dan meningkatkan keberkesanan pendidikan.

AI juga dapat dimanfaatkan dalam bidang perubatan dimana mempermudah diagnosis penyakit dengan lebih cepat dan tepat, membantu doktor memberi rawatan yang lebih baik.

- Mohd Khairi Ismail ialah Felo Penyelidik Pasca Kedoktoran, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz (UAC), Universiti Malaya, dan Pensyarah (Ekonomi), Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), Universiti Teknologi Mara Cawangan Terengganu

Hindari bahaya, waspada keselamatan di jalan raya

KENYATAAN Timbalan Menteri Pengangkutan dalam media massa melaporkan bahawa sejak Januari hingga Oktober 2024 sebanyak 532,125 nahas jalan raya telah direkodkan.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,364 merupakan kemalangan maut dan 68 peratus daripada kematian membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal.

Jumlah kemalangan tersebut merupakan satu perkara yang membimbangkan kerana angka nahas yang mengorbankan nyawa di jalan raya pada tahun lalu bukanlah satu angka yang kecil.

Menjelang musim cuti sekolah dan perayaan Tahun Baharu Cina, jumlah penggunaan kenderaan persendirian di lebuh raya juga dijangka meningkat dengan drastik ekoran ramai yang akan pulang ke kampung halaman.

Oleh itu, satu penguatkuasaan Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan (Road-Ban) akan dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk memastikan kelancaran lalu lintas dan keselamatan jalan raya.

Larangan tersebut bakal berkuat kuasa selama empat hari iaitu sebelum perayaan Tahun Baharu Cina (27 dan 28 Januari 2025) serta selepas perayaan (1 dan 2 Februari 2025).

Setiap peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa adalah bertujuan untuk mengurangkan risiko kemalangan di samping menjaga keselamatan nyawa dan harta benda.



Salah satu tanggungjawab dan keutamaan kepada semua pemilik kenderaan adalah memastikan kenderaan mereka dalam keadaan yang baik.

Semasa memandu, pastikan agar ada jarak selamat antara kenderaan yang dipandu dengan kenderaan di hadapan.

Di samping itu, pemandu disarankan untuk berhenti dan berehat seketika jika berasa letih atau mengantuk semasa memandu.

Selain itu, pemandu juga harus mengelakkan memandu jika mereka berada dalam keadaan pengaruh alkohol atau mabuk.

Sentiasalah berwaspada di jalan raya demi perjalanan yang selamat ke destinasi untuk semua.

- Guru Bahasa Jabatan Bahasa Antarabangsa, Pusat Pengajian Bahasa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Orang ramai yang ingin memberi sebarang pendapat boleh berbuat demikian dengan menghantar mesej ke aplikasi WhatsApp menerusi nombor telefon 019-2650823 atau e-mel aduan@sinarharian.com.my.

10 pagi hingga 8 malam setiap hari



Sapu tangan pemberian Agong jadi kenangan

Pemilik kafe gemuruh Sultan Ibrahim cemar duli ke premis perniagaan diusahakan

Oleh NOR AZURA MD AMIN
PONTIAN

Sapu tangan pemberian Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim menjadi kenangan tidak dapat dilupakan pemilik kafe Kopi Tenggek Tanjung Piai, Ghazali Ayub sewaktu Seri Paduka Baginda mencemar duli berangkat ke kafe berkenaan pada pagi 24 Januari lalu.

Menceritakan kembali momen tersebut, beliau menerima panggilan telefon pada jam 9 pagi daripada pegawai yang memaklumkan Sultan Ibrahim akan ke kafe miliknya.

Menurutnya, rasa gemuruh menyelubungi diri walaupun Seri Paduka Baginda pernah mencemar duli ke kafe tersebut pada tahun lalu dan 2023.

"Sultan Ibrahim memandu sendiri dari Johor Bahru merentasi jambatan Sungai Pulai yang menghubungkan Gelang Patah dengan Tanjung Bin. Yang di-Pertuan Agong tiba di kafe sekitar jam 10.30 pagi.

"Ketika itu, pelanggan di kafe ramai kerana cuti persekolahan. Sultan Ibrahim sememangnya disayangi rakyat, ramai bersalaman dan mereka cukup gembira dapat bertemu Seri Paduka Baginda.

"Sultan Ibrahim juga berkenan untuk membayar makan dan minum semua pelanggan ketika itu," katanya kepada *Sinar Harian*.



Kopi tenggek yang menjadi pilihan Sultan Ibrahim di Kafe Kopi Tenggek Tanjung Piai.



Sapu tangan mempunyai logo lambang peribadi Sultan Ibrahim yang diberikan kepada Ghazali.



Gambar kenangan Ghazali bersama Sultan Ibrahim di Kafe Kopi Tenggek Tanjung Piai, dua tahun lalu.

Ghazali berkata, kopi tenggek O tanpa gula menjadi pilihan Sultan Ibrahim dan kudapan istimewa keropok lekor *chips* seberat 20 kilogram yang diisi dalam dua kotak di bawa pulang sebagai ole-ole.

"Seri Paduka Baginda beritahu ada bermimpi. Saya secara berjenaka menjawab, tuanku bermimpi mungkin hendak ke kopi tenggek agaknya.

"Sultan Ibrahim ketawa dan sempat menghulurkan sapu tangan berwarna biru gelap mempunyai logo lambang peribadi kepada saya untuk dijadikan kenangan," ujarnya.

Pengusaha Keropok Lekor Crispy Tanjung Piai itu juga sempat berkongsi detik Sultan Ibrahim memesan kuetiau kebontang untuk dibawa ke istana dan dijadikan santapan berbuka puasa pada dua tahun lalu.

"Pada minggu pertama puasa 2023, seorang pegawai dari istana menghubungi saya memberitahu Sultan Ibrahim memesan lima bungkus kuetiau untuk dijadikan menu santapan berbuka puasa.

"Apabila mengetahui saya sendiri menghantar kuetiau itu, Seri Paduka Baginda menitahkan saya untuk menghadap. Ternyata ketika itu saya gemuruh tetapi Sultan Ibrahim cukup mesra bertanya khabar, malah memberikan jam tangan sebagai cenderamata," ujarnya.

Bercerita mengenai keistimewaan kopi tenggek, Ghazali memberitahu idea tercetus selepas melihat rakyat Vietnam minum kopi atas cawan yang mempunyai penapis dan serbuk minuman itu dalam penapis sewaktu berkunjung ke negara tersebut pada 2014.

"Dari situ saya dapat idea untuk perkenalkan kopi tenggek di kafe. Kini ia mendapat tempat di hati pelanggan dan penduduk setempat," tambahnya.

Dalam pada itu Ghazali mengakui keberangkatan Sultan Ibrahim ke kafenya telah menarik kunjungan ramai termasuk dari luar Johor untuk merasai sendiri keenakan makanan dan minuman dijual.

"Saya bersyukur pengunjung ke kafe semakin meningkat. Ramai anak muda tempatan bekerja di kafe ini. Di samping itu kafe ini juga membantu meningkatkan jualan udang hasil tangkapan nelayan tempatan.

"Kafe Kopi Tenggek Tanjung Piai kini menjadi antara destinasi wajib singgah pengunjung dari Johor dan lain-lain negeri apabila datang ke Tanjung Piai yang dikenali sebagai Penghujung Selatan Benua Asia," katanya.

'Agong berkenan santap nasi lemak paru, rendang kerang'



Seri Paduka Baginda mencemar duli berkunjung ke Nasi Lemak Wanjo Kampung Bharu untuk bersantap sarapan pagi.

KUALA LUMPUR - Pengurus Nasi Lemak Wanjo Kampung Bharu menzahirkan rasa syukur dan bangga apabila dipilih menjadi restoran yang dikunjungi Sultan Ibrahim pada hari keputeraan 3 Jun 2024 lalu selepas Seri Paduka Baginda ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong (YDPA) ke-17.

Jurucakap yang juga pengurus bersama Nasi Lemak Wanjo Kampung Bharu, Mohd Nazri Samsuddin berkata, keberangkatan Sultan Ibrahim yang berkenan mencemar duli untuk bertemu rakyat serta bersantap di restoran itu membangkitkan keterujaan dalam kalangan pekerja dan pelanggan.

"Siapa sangka, pada hari cuti umum itu Seri Paduka Baginda mencemar duli dan memilih restoran Nasi Lemak Wanjo untuk bersantap sarapan pagi.

"Ia menjadi tarikh yang tidak dapat dilupakan dan akan sentiasa menjadi kenangan buat kami kerana ia berlaku secara tiba-tiba tanpa dirancang dan tanpa persediaan rapi," katanya kepada *Sinar Harian* baru-baru ini.

Jelas Mohd Nazri, sebagai pengusaha makanan tradisi Malaysia iaitu nasi lemak, ia merupakan satu penghargaan dan pencapaian terbesar sepanjang beroperasi.

Menurutnya, Sultan Ibrahim berkenan memilih lauk paru dan rendang kerang sebagai menu santapan pada hari tersebut.

Tambah beliau, selepas Agong bersantap pada 3 Jun tahun lalu, pihaknya tidak lagi menerima kunjungan Seri Paduka Baginda.

"Bagaimanapun, kami ada menerima pembelian untuk dibawa pulang daripada wakil Yang di-Pertuan Agong.

"Alhamdulillah, kami sangat bersyukur atas kunjungan Yang di-Pertuan Agong walaupun hanya sekali dan ia sangat bermakna. Bukan sahaja buat kami (warga kerja Nasi Lemak Wanjo) malah pelanggan yang ada pada hari tersebut.

"Saya difahamkan semua pelanggan yang ada pada ketika itu benar-benar teruja dengan kejutan akan keberangkatan tiba Sultan Ibrahim. Mereka juga berpeluang bergambar bersama Seri Paduka Baginda," ujarnya.

Sinar Harian
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Borong serunding asli di Kampung Laut

Laman Warisan terletaknya Masjid Kampung Laut yang juga antara masjid tertua di Asia Tenggara

Oleh ASWANY OMAR
KOTA BHARU

Mungkin ramai yang masih tercari-cari lokasi percutian menarik di sekitar negeri ini sempena cuti persekolahan yang sudah bermula.

Musim tengkujuh menyebabkan pelancong enggan berkelah di tepi pantai atau menyusuri sungai, apatah lagi mendaki bukit.

Namun, ada lokasi yang menjanjikan suasana perkampungan mendamaikan untuk dikunjungi di Kampung Laut sambil menikmati pelbagai jenis menu enak masakan tempatan dan Thailand.

Kampung Laut antara kawasan popular di Wakaf Bharu yang terletak di daerah Tumpat, hanya kira-kira 11 kilometer dari pusat bandar.

Keistimewaan kampung ini ialah Laman Warisan yang menempatkan Masjid Kampung Laut yang juga antara masjid tertua di Asia Tenggara.

Istimewanya, masjid itu dibina pada abad ke-18 tanpa menggunakan paku.

Masjid Kampung Laut sebelum ini berada di Nilam Puri, Kota Bharu dan dileraikan sebelum dipindahkan pada September 2020 melalui usaha Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

Masjid bersejarah itu mulanya dibina di tebing sungai di Kampung Laut oleh pendakwah Islam yang tiba di Kelantan.

Oleh sebab kerap dilanda banjir besar pada 1926 dan 1966, masjid berkenaan dipindahkan ke Nilam Puri, kira-kira 20 kilometer dari tapak asal.

Selain itu, kampung berkenaan merupakan pengeluar serunding yang dimasak sendiri penduduk kampung.

Sepanjang berada di kampung berkenaan, pelancong dapat menghidu keharuman serunding yang sedang dimasak selain mencubanya.

Peniaga serunding, Mohd Farhan Ramli, 40, mengakui sudah menyediakan stok serunding sempena cuti persekolahan dan Ramadan.

Katanya, menyedari serunding menjadi menu wajib pada Ramadan, pelanggan boleh membeli pada harga borong kerana setiap hari lebih 1,000 kilogram serunding dimasak untuk jualan.


SAFRA

"Kita ada juga promosi sempena sambutan Rejab dan cuti persekolahan. "Pelanggan boleh membeli serunding di kedai pada harga lebih murah berbanding pembelian dalam talian," katanya.

Selain itu, pelancong boleh membeli pelbagai jenis kraf dihasilkan sendiri penduduk setempat di samping barangan dari Thailand atau Vietnam pada harga murah.

Sementara itu, peniaga di Laman Warisan Kampung Laut, Noor Safra Asat, 35, berkata, kawasan itu sering dipenuhi pelancong luar terutama pada musim cuti sekolah.

Noor Safra berkata, pihaknya turut menyediakan pelbagai jenis kraf termasuk beg, tudung saji dan bakul yang boleh dijadikan sebagai cenderamata.

"Alhamdulillah, ramai yang datang ketika cuti sekolah termasuk rombongan pelancong dari luar Kelantan dan mereka turut membawa pulang kraf serta serunding," katanya.

Dalam pada itu, Penghulu Mukim Kampung Laut, Megat Mayusif Mat Yusoff berkata, lawatan lebih menarik apabila Laman Warisan memiliki jeti untuk pelancong menyusuri sungai sehingga ke Pulau Suri dan Pulau Sri Tanjung.

Jelasnya, walaupun agak jauh berbanding jeti Kok Pasir atau Pulau Besar, namun ada pelancong yang teruja menaiki bot sambil melihat suasana indah di sepanjang sungai menuju pulau berkenaan.

Megat Mayusif yang turut memiliki bengkel galeri wau dan mencanting batik memberitahu, aktiviti berkenaan sentiasa mendapat sambutan pengunjung yang tiba.

"Kita mempunyai pembantu yang menjadi pemudah cara dan pelancong boleh mewarna mengikut kreativiti mereka.

"Sepanjang jalan ke Kampung Laut, pelancong juga boleh singgah menikmati makanan di beberapa gerai di tepi jalan dan antara yang menarik ialah mi celup pagar gergaji dan nasi lemak Gerai Keretapi Zakaria," katanya.


Megat Mayusif mencanting batik untuk dijual kepada pengunjung yang datang sempena musim cuti persekolahan.


Safra menunjukkan kraf yang dijual di kedai krafnya di Laman Warisan Kampung Laut, Wakaf Bharu.



Masjid Kampung Laut antara masjid tertua di Asia Tenggara

Destinasi Sinar

Ringan beban golongan memerlukan

Kongsi Kasih musim ke-4 sasar penyertaan lebih banyak pihak

Oleh NURATIKAH ATHILYA HASSAN
KUALA LUMPUR

FOTO: ROSLI TALIB



Syamil Fahim (kanan) dan Nur Afiqah (tiga dari kanan) ketika Majlis Pelancaran Program Kongsi Kasih Musim ke-4 di Astro Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada Isnin.

Program Kongsi Kasih anjuran Nu Ideaktiv dengan kerjasama Astro menyasarkan lebih banyak pihak untuk turut serta dalam menyantuni pelbagai lapisan masyarakat yang memerlukan bantuan dan sokongan.

Ketua Pegawai Eksekutif Ideaktiv, Syamil Fahim Mohamed Fahim berkata, kerjasama erat daripada pelbagai pihak mampu memberi sinar baharu kepada golongan tersebut untuk meneruskan kehidupan yang lebih baik.

Menurutnya, program berkenaan sudah masuk musim ke-4 dengan tajuk *Kongsi Kasih Jejak Jalanan* dan semua edisi sebelum ini juga mendapat respons yang amat positif daripada penonton.

"Saya bersyukur kepada ALLAH SWT kerana memberi barakah kepada kami untuk melaksanakan program berlainan daripada kebiasaan dilakukan. Alhamdulillah, untuk kali ini kita dapat tajaan daripada Perfume Paradise yang memahami matlamat utama iaitu berkongsi kasih kepada semua golongan masyarakat.

"Kita sasar mahu beri gambaran kepada penonton dan masyarakat bahawa dunia ini tidak sentiasa indah yang mana mana ada golongan tertentu kita perlu berkongsi kasih bersama mereka.

"Jadi, untuk merealisasikan hasrat tersebut kita memerlukan kerjasama daripada semua pihak seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan swasta," katanya ketika berucap merasmikan Program Kongsi Kasih musim ke-4 di Astro Bukit Jalil di sini pada Isnin.

Syamil Fahim berkata, sekiranya ada organisasi yang mahu berkolaborasi dalam program tanggungjawab sosial korporat (CSR) seperti ini boleh menghubungi Nu Ideaktiv bagi slot Kongsi Kasih.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Perfume Paradise, Nur Afiqah Amran berkata, program Kongsi Kasih musim ke-4 membuka matanya bahawa walaupun sekecil-kecil bantuan yang diberikan membawa makna besar dalam hati penerima.

"Kami berbesar hati dapat bersama-sama menyertai program tersebut dan melalui pengalaman ini saya dapat melihat kegigihan orang kurang berkemampuan terutamanya daripada segi kewangan dalam meneruskan kehidupan.

"Jadi, dengan adanya pasukan Kongsi Kasih ini, kita bukan sahaja memberikan bantuan tetapi juga sokongan moral kepada mereka. Inisiatif ini benar-benar menyentuh hati saya dan mengingatkan saya, sekecil-kecil mana pun bantuan, mampu memberi makna yang besar.

"Bagaimanapun, semua ini tidak akan dicapai tanpa sokongan daripada pengguna setia Perfume Paradise. Saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak terlibat dan berharap agar ia diteruskan lagi pada masa akan datang," tambahnya.

Dalam pada itu, Pegawai Operasi Kanan Anjung Singgah/Anjung Kembara Yayasan Kebajikan Negara, Amir Rudin Abdul Rahman berkata, sumbangan diterima mampu meringankan beban 85 penghuni Anjung Kembara, Pusat Transit Gelandangan, Kuala Lumpur.

Ujarnya, walaupun penghuni di situ kebanyakannya sudah bekerja, namun bantuan pelbagai pihak masih diperlukan terutamanya pakaian, makanan dan barangan keperluan harian.

"Alhamdulillah, syukur dengan rezeki hari ini dan saya ucapkan terima kasih kepada Nu Ideaktiv, Astro dan Perfume Paradise yang menyumbangkan makanan kepada penghuni di sini.

"Sumbangan ini dapat meringankan beban rakan jalanan supaya mereka boleh keluar (berdikari) dan menjalani kehidupan seperti manusia normal yang lain.

"Saya mohon NGO atau pihak swasta yang mahu beri sumbangan, boleh datang ke Anjung Kembara, Pusat Transit Gelandangan, Kuala Lumpur dan berjumpa dengan petugas untuk perbincangan agar penyampaian bantuan dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik," jelasnya.



Nur Afiqah (dua dari kanan) memberi bungkusan makanan dan minuman kepada penghuni Anjung Kembara, Pusat Transit Gelandangan, Kuala Lumpur, pada Isnin.



Amir Rudin (dua dari kiri) bersama Syamil Fahim (tiga dari kiri), Hazeman Huzir (tiga dari kanan) dan Nur Afiqah (dua dari kanan) ketika sesi pemberian makanan kepada penghuni di Anjung Kembara.



Syamil Fahim (dua dari kiri) memberi cenderamata kepada penghuni Anjung Kembara.

FYP Hib & Hits



Adam Corrie tetap jaga ibu walau beza agama

Rai Tahun Baharu Cina bersama ibu, syukur dipertemukan semula dengan adik

MESKIPUN sudah memeluk agama Islam hampir 20 tahun lalu, pelakon, pereka tari dan penari profesional, Adam Corrie Lee Abdullah masih menjalankan tanggungjawab sebagai seorang anak.

Malah, biarpun berbeza agama, Adam Corrie, 56, berkata, dia tetap meraikan Tahun Baharu Cina bersama ibu dan adik-beradiknya yang lain.

"Alhamdulillah setiap kali raya, saya memang akan pulang jenguk mak dan penuhi apa yang dia perlukan. Cuma sejak dua, tiga tahun kebelakangan ini, mak pun semakin uzur sebab sudah mencecah usia 84 tahun.

"Jadi saya rancang untuk tahun ini, saya akan bawa mak keluar untuk makan besar dan insya-ALLAH akan disertai adik saya yang juga beragama Islam dan abang saya," katanya ketika ditemui di pelancaran sebuah drama di Bukit Jalil, baru-baru ini.

Lebih manis sejak sedekad lalu, Tahun Baharu Cina keluarganya hampir sempurna apabila dapat bersatu semula dengan seorang adiknya yang terpisah sejak 36 tahun lalu.

Cerita bintang yang cukup terkenal menerusi filem *KL Gangster* itu, adiknya sebelum ini diserahkan kepada seorang bidan Melayu untuk dijaga kerana ibunya tidak mampu berbuat demikian.

"Mendiang ayah ketika hayat adalah seorang anggota tentera dan banyak bertugas di luar negara. Kami pula ada adik-beradik seramai 10 orang, saya anak kelima dan adik anak keenam.

"Jadi, mak serahkan adik saya kepada bidan itu yang juga kawan baiknya. Disebabkan tuntutan tugas, bidan itu dan keluarga kami sama-sama berpisah.

"Ikutkan awal-awal itu mak dan bidan tersebut ada berhubung, tetapi tidak dapat bertemu kerana jauh," jelasnya.

Tambah Adam Corrie, semasa terlibat dalam sebuah program televisyen di *Astro*, dia pernah menceritakan latar belakang keluarganya dan rancangan itu ditonton kakak angkat kepada adiknya itu.

"Adik saya memang sudah lama mencari keluarganya. Kebetulan kakak dia tonton rancangan itu dan beritahu adik mengenai saya.

"Jadi, adik saya hubungi *Astro* untuk dapatkan nombor saya dan dipendekkan cerita kami bertemu selepas itu. Cuma disebabkan kami terpisah ketika masih kecil, saya tidak begitu mengingati adik lelaki saya itu.

"Saya bawa adik bertemu dengan abang dan kemudian membawa dia bertemu mak untuk sahkan semuanya. Sejak itu dia sering pulang menziarahi mak dan turut sama meraikan Tahun Baharu Cina," kata Adam Corrie yang mempunyai seorang lagi adik lelaki yang sudah terpisah secara kekal.



Adam Corrie bersama ibunya yang kini berusia 84 tahun.

Fabian Loo cuti panjang sempena Tahun Baharu Cina

SAMBUTAN Tahun Baharu Cina yang bermula esok pastinya dinantikan buat semua kaum Cina di Malaysia.

Bagi aktor yang semakin meningkat naik, Fabian Loo, perayaan itu disifatkan sebagai titik permulaan dalam nasib dan kehidupan.

Setelah melalui tempoh yang sibuk sepanjang tahun lalu, jejaka berusia 34 tahun itu berharap dapat meraikan Tahun Baharu Cina dengan tenang bersama keluarga.

"Saya memang ambil cuti panjang tahun ini kerana tahun lepas, saya sibuk dengan penggambaran dari watak A ke watak B kemudian C sehinggalah saya sendiri lupa siapa saya.

"Jadi, tahun ini saya mahu ambil masa untuk bertenang dan dapatkan rehat yang saya mahukan.

"Cuma setakat ini, saya tidak merancang untuk ke mana-mana tetapi yang pasti akan makan besar bersama keluarga malam ini (Selasa)," ujarnya ketika ditemui pada majlis pelancaran siri musim kedua, *One Cent Thief* di TGV Suria KLCC baru-baru ini.

Tambah pelakon yang memulakan debut menerusi filem *Think Big Big* itu, sebelum ini setiap kali tiba perayaan, dia dan keluarga akan pulang ke Pulau Pinang untuk meraikan Tahun Baharu Cina bersama keluarga.

Bagaimanapun, semenjak pandemik, tradisi itu sudah berakhir dan keluarga besarnya akan turun ke Kuala Lumpur untuk merayakan bersama.

"Biasanya untuk makan besar, ibu mesti masakkan menu kegemaran saya iaitu ayam putih bersama sos yang dibuat sendiri oleh ibu.

"Untuk raya pertama dan kedua, saya tidak ada apa-apa perancangan, mungkin tunggu saudara-mara sahaja di rumah. Setakat ini, saya masih menerima angpau daripada keluarga kerana belum berkahwin," jelasnya yang masih solo.

Sementara itu, pelakon yang baharu sahaja memenangi trofi Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik di Festival Filem Asia Pasifik (APFF) Ke-61 pada Disember lalu teruja menantikan reaksi penonton terhadap *One Cent Thief* musim kedua.

Katanya, jika dalam musim pertama, dia dikenali sebagai Ash, kali ini dia membawakan watak sebagai Chen, individu yang mengetuai Digital Karma.

"Sejujurnya saya berasa risau menantikan reaksi para penonton kerana Chen kali ini adalah seorang pengganas dan mahu mengekang Ibu Zara bersama Iman Shah.

"Bagaimanapun, saya teruja apabila pihak produksi menghasilkan sekuelnya dan harapnya penonton akan suka musim kedua ini sama seperti musim pertama," katanya yang mengakui berdepan dengan banyak cabaran dalam menjayakan siri terbaharu itu.



Bintang yang semakin meningkat naik, Fabian teruja dengan kerjayanya kini.



Ratusan mat rempit masuk perangkap polis

Ada yang bertindak agresif untuk melepaskan diri

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN
BUTTERWORTH



Kumpulan mat rempit yang ditahan dalam Op Samseng Jalanan di Jalan Lingkaran Luar, Butterworth pada Ahad.

PA HABAQ

Cubaan sekumpulan mat rempit meloloskan diri dari sekatan jalan raya di Jalan Lingkaran Luar Butterworth (BORR) di sini gagal apabila diberkas dalam Op Samseng Jalanan yang dilakukan pada Ahad.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Asisten Komisioner Anuar Abd Rahman berkata, operasi yang bermula jam 6.45 petang itu menahan sebanyak 90 buah motosikal dan seramai 132 orang diperiksa termasuk penunggang dan pembonceng motosikal.

Menurutnya, sebanyak 111 saman dikeluarkan atas pelbagai kesalahan selain 10 buah motosikal telah disita atas kesalahan ubah suai, lesen serta insurans.

"Semasa operasi dijalankan, polis telah membuat penutupan di semua laluan keluar masuk di kawasan operasi dan semua motosikal yang melalui kawasan itu ditahan untuk diperiksa.

"Bagaimanapun, kebanyakan penunggang motosikal telah bersikap agresif untuk melepaskan diri daripada operasi tersebut.

"Pihak polis juga telah menggunakan semua cara yang dianggap munasabah untuk menahan penunggang motosikal yang bertindak agresif ini," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Isnin.

Anuar berkata, dalam operasi berkenaan, seorang lelaki berusia 21 tahun ditahan di bawah Seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana menunggang secara melulu dan berbahaya.

Katanya, polis akan terus melaksanakan operasi bagi membendung aktiviti yang tidak bermoral itu daripada terus menular dalam kalangan anak muda.

"Kita tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti tidak bermoral seperti ini.

"Operasi akan diteruskan bagi membendung kegiatan ini daripada terus menular," katanya.

INFO

- 90 motosikal ditahan
- 132 individu diperiksa
- 10 motosikal disita
- 111 saman dikeluarkan

Orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan atau melaporkan masalah dihadapi boleh berbuat demikian dengan menghantar mesej ke aplikasi WhatsApp menerusi nombor telefon 019-2650823 atau e-mel aduan@sinarharian.com.my selain hubungi talian 03-51017469

10 pagi hingga 8 malam setiap hari

SINAR @ NEGERI

NEGERI SEMBILAN 27



Telinga budak autisme putus digigit kuda

JOHOR 28



Sindiket edar dadah rentas sempadan tumpas

KEDAH 29



JPJ sita kenderaan asing tertunggak saman RM17,700



GEMPUR DADAH... Pelajar-pelajar Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kepala Batas melawat reruai pameran Agensi Antidadah Kebangsaan pada Majlis Peluncuran Program Gempur Dadah Polis Diraja Malaysia Pulau Pinang di ILP Kepala Batas pada Isnin.

Sinar Harian
MELAKA PERAK KEDAH SELANGOR/KL
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Kerugian kebakaran di Melaka turun 50 peratus

Kesedaran orang awam meningkat, RM331.49 juta harta benda berjaya diselamatkan

Oleh NOR FARHANA YAACOB
MELAKA



Mohd Pisar (tiga dari kiri) bersama Rais (tengah) selepas Pelancaran Kesiapsiagaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Melaka Sempena Ops Perayaan Tahun Baharu Cina 2025 di Dataran Ayer Keroh, Melaka pada Ahad.

Jumlah kerugian harta benda akibat kebakaran di negeri ini sepanjang tahun lalu berjaya dikurangkan kepada RM25.7 juta kira-kira 50 peratus berbanding RM50.1 juta pada tahun 2023.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Melaka, Mohd Pisar Aziz berkata, penurunan jumlah itu menunjukkan kesedaran orang awam semakin meningkat terhadap kepentingan keselamatan kebakaran ketika berada di rumah mahupun premis persendirian.

Malah menurutnya, dalam tempoh itu juga sebanyak RM331.49 juta jumlah harta berjaya diselamatkan daripada risiko kebakaran.

"Kesedaran itu didorong oleh penganjuran program dan kempen yang dilihat memberi impak besar dalam komuniti.

"Ia sekali gus memberi pendedahan serta kesedaran kepada orang awam untuk melakukan pencegahan awal yang boleh menyelamatkan nyawa serta harta benda jika berlaku kebakaran," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Kesiapsiagaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Melaka Sempena Ops Perayaan Tahun Baharu Cina di Dataran Ayer Keroh di sini pada Ahad.

Majlis disempurnakan oleh Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Melaka, Datuk Rais Yasin.

Jelas beliau, JBPM Melaka turut menerima 5,081 kes panggilan kecemasan pada tahun lalu berbanding 4,494 kes pada tahun sebelumnya.

Bagaimanapun katanya, terdapat peningkatan panggilan palsu daripada satu kes pada 2023 kepada empat kes pada 2024.

Sementara itu di **KELANTAN**, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan , Farhan Sufian Borhan berkata, sebanyak RM2.7 juta kerugian harta benda akibat kebakaran direkodkan di negeri ini sepanjang tahun lalu.

Menurutnya, antara punca utama kebakaran yang dikesan oleh Pasukan Forensik JBPM akibat nyalaan elektrik adalah lintar pintas.

Katanya, sebanyak 3,112 panggilan kes kebakaran diterima dan diambil tindakan sepanjang 2024 berbanding hanya 1820 pada tahun sebelumnya.

Dua kereta parkir dalam garaj terbakar

KUALA SELANGOR - Dua kenderaan yang diparkir dalam garaj terbakar dalam kejadian di Batu 3 Ijok di sini pada Isnin.

Penolong Pengarah Operasi Bomba Selangor, Ahmad Mukhlis Mukhtar berkata, dua kenderaan itu ialah Perodua Bezza dan Perodua Axia.

Menurut Ahmad Mukhlis, pihaknya menerima panggilan kecemasan memaklumkan kejadian itu pada jam 3.45 pagi.

"Seramai lima anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bestari Jaya telah bergegas ke lokasi kejadian," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Tambahnya, hasil pemeriksaan mendapati dua kenderaan yang tidak dikenal pasti nombor pendaftaran itu terbakar 80 peratus.

"Bagaimanapun, kebakaran tidak melibatkan mangsa dan punca sebenar kejadian serta anggaran kerugian masih dalam siasatan," tambahnya.



Anggota bomba memadam kebakaran membabitkan dua kenderaan yang diparkir di garaj di Batu 3 Ijok, Kuala Selangor pada Isnin.

Bakar bekas telur punca 12 motosikal rentung



FOTO: IHSAN BOMBA PERAK

Deretan 12 motosikal terbakar dalam kejadian di Parit awal pagi Isnin.

TAIPING - Polis mengesahkan tiada unsur khianat atau jenayah dalam insiden kebakaran melibatkan 12 motosikal di Kampung Tanjung Medan, Layang Kiri, Parit pada awal pagi Isnin.

Pemangku Ketua Polis Perak, Deputi Komisioner Zulkafli Sariaat berkata, siasatan awal mendapati kes berlaku akibat kecuaian pemilik motosikal yang membakar bekas telur dipercayai bagi menghalau nyamuk.

"Kebakaran mungkin merebak berpunca daripada bekas telur yang dibakar ini kerana biasanya bengkel (tempat motosikal) ada banyak minyak.

"Kita syak semasa kejadian, bekas telur itu ditinggalkan dan pemilik motosikal tidak menyedari api itu telah merebak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena Sambutan Tahun Baharu Cina 2025 peringkat Kontinjen Perak di Plaza Tol Taiping Selatan, Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) di sini pada Isnin.

Sebelum itu *Sinar Harian* melaporkan, sebanyak 12 motosikal terbakar dalam kejadian di hadapan garaj sebuah rumah di Kampung Tanjung Medan, Layang-Layang Kiri.

Kebakaran tersebut berjaya dikawal anggota bomba dalam tempoh lapan minit selepas menerima panggilan pada jam 3.39 pagi.

Pemeriksaan mendapati dua motosikal jenis Honda EX5, Yamaha LC135 dan Honda Wave 110 dengan nombor pendaftaran kenderaan tidak dikenal pasti musnah 60 peratus.

Sementara itu, empat motosikal jenis Yamaha LC, YamahaY15, Honda Wave, Modenas Kriss dan SRV mengalami 20 peratus kebakaran.

Reman suspek kes bakar rumah disambung tujuh hari

ALOR SETAR - Lima lelaki disambung reman selama tujuh hari lagi bagi membantu siasatan kes kematian warga emas dan anak angkatnya yang ditemukan rentung di dalam sebuah rumah di Tongkang Yard di sini pada Selasa lalu.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Siti Nor Hasliza Md Ali, bermula Isnin hingga 3 Februari depan bagi polis melengkapkan siasatan.

Pada 22 Januari lepas, kelima-lima suspek terbabit telah ditahan reman selama enam hari bagi membantu siasatan kes kematian dua lelaki itu.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan Ketua Polis Kedah, Datuk Fisol Salleh berkata, kelima-lima suspek berusia antara 19 hingga 53 tahun itu ditahan sejurus selepas kejadian kebakaran berkenaan.

Katanya, tiga suspek utama didapati positif dadah manakala dua daripadanya memiliki rekod lampau berkaitan jenayah dan dadah.

Beliau berkata, kes terbabit pada mulanya diklasifikasikan sebagai kematian mengejut sebelum disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Ia berikutan hasil siasatan di lokasi oleh polis bersama pihak forensik bomba menemui botol berisi petrol dan kesan petrol.

Siasatan awal polis juga mendapati perbuatan terbabit bermotifkan dendam.

Pada 21 Januari lalu, media melaporkan seorang warga emas, Ibrahim Mydin, 61, dan anak angkatnya, Muhammad Muslim Mohd Zaini, 23, ditemukan rentung dalam kebakaran terbabit.

Putus cuping telinga digigit kuda

Kanak-kanak autisme teruja mendekati kandang berpagar sebelum diserang haiwan itu

Oleh NORAFIDAH ASSAN
SEREMBAN

Kegembiraan sebuah keluarga bercuti di ladang agro di sini, bertukar mimpi ngeri apabila cuping telinga salah seorang anak mereka putus akibat digigit kuda.

Menurut Suhaimi Mohd Rafi, 31, anak lelakinya berusia enam tahun yang juga autisme kini stabil, namun trauma selain masih menerima rawatan susulan di Kuantan, Pahang.

Menceritakan kembali detik kejadian itu, Suhaimi berkata, mereka sekeluarga dari Kemaman, Terengganu bercuti ke daerah itu pada 19 Januari lalu selepas selesai urusan di ibu negara.

"Ketika berada di kandang kuda, anak saya mahu melihat dan bergambar dengan haiwan itu. Penjaga kuda turut memaklumkan ia boleh ditunggang dengan bayaran tiket.

"Justeru, saya benarkan anak menunggang kuda sambil dikawal penjaga. Sebaik selesai, penjaga kuda memanggil kami untuk bergambar dalam kawasan berpagar," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Bagaimanapun katanya, anaknya yang teruja mendekati kandang berpagar dan meminta saya merakam gambar serta video.

"Secara tiba-tiba seekor kuda menyerang lalu menggigit telinganya. Pada masa sama, haiwan ini turut melaga kepala anak saya lalu terkena pada besi hingga menyebabkannya cedera selain cuping telinga kiri terputus," katanya.

Ujarnya, dalam keadaan panik, dia segera membawa anaknya ke hospital di Seremban bagi mendapatkan rawatan sebelum menjalani pembedahan pada malam sama dan selesai kira-kira jam 1 pagi.

"Anak saya dirawat selama tiga hari di hospital berkenaan dan kini menjalani rawatan susulan. Selepas perbincangan, pihak terbabit memaklumkan akan membuat bayaran pampasan atas kejadian berlaku.

"Ada yang menyalahkan saya kerana membenarkan anak mendekati kuda. Sebelum masuk ke kawasan berpagar, penjaga kuda memang benarkan kami masuk dan beranggapan ia selamat," katanya.

Terdahulu, kejadian kira-kira jam 6 petang itu menjadi tular di media sosial selepas dimuat naik Suhaimi sendiri dan mendapat pelbagai reaksi.



Tangkap layar menunjukkan kuda menggigit cuping telinga kanak-kanak autisme sehingga putus.

Belangkas diancam kepupusan

MARANG - Kerajaan perlu mengawal dan mengehadkan jualan belangkas secara berleluasa berikutan populasi haiwan itu semakin meruncing dan dikhuatiri bakal pupus di negara ini.

Dekan Fakulti Sains dan Sekitaran Marin, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Madya Dr Faridah Mohamad berkata, kuota tertentu bagi aktiviti pengeluaran hidupan purba itu wajar diwujudkan di samping mewartakan kawasan pembiakan supaya tidak dicerobohi.

Menurutnya, permintaan tinggi sebagai hidangan eksotik selain dieksport ke Thailand antara sebab populasi haiwan berkenaan semakin meruncing.

"Belangkas kini mengalami masalah populasi yang menurun termasuk di seluruh dunia kerana beberapa faktor.

"Belangkas dewasa yang dieksport atau dimakan bersama telurnya berusia sekurang-kurangnya lapan tahun kerana pada usia itu sahaja ia mula bertelur.

"Jadi, adalah lebih baik sekiranya kerajaan mengawal jualan haiwan ini dengan mengehadkan atau mewujudkan akta bersesuaian bagi memastikan tidak terus diancam kepupusan," katanya ketika Program Jom Menjejak Anak Belangkas di sekitar sungai Marang di sini pada Isnin.

Beliau berkata, pesisir sungai Marang yang terletak berdekatan Pulau Kekabu adalah lokasi baharu pembiakan belangkas di negeri itu.

Katanya, penemuan anak belangkas pelbagai saiz menunjukkan kawasan itu menjadi tumpuan dan dikunjungi pelbagai pasangan belangkas untuk membiak.

"Penemuan baharu ini menunjukkan petanda baik bagi proses pemuliharaan belangkas memandangkan sebelum ini hanya diperoleh daripada nelayan di Besut, Setiu dan Kemaman.



Seorang kanak-kanak menunjukkan anak belangkas ditemui di pesisir sungai Marang.

"Kawasan sebegini jarang ditemui, malah merupakan habitat semula jadi yang menjadi 'nurseri' anak belangkas sehingga mencecah usia antara satu hingga dua tahun sebelum ke sungai atau laut.

"Justeru, kita mengalu-alukan sekiranya kerajaan atau pihak berkuasa tempatan mewartakan kawasan ini daripada sebarang pencerobohan," ujarnya.

Jelas Faridah, terdapat tiga spesies belangkas di negara ini iaitu belangkas tiga duri (*tachypleus tridentatus*) yang hanya ditemui di perairan Sabah selain belangkas pantai (*tachypleus gigas*) dan belangkas paya bakau (*carcinoscorpius rotundicauda*).



Sinar Harian
JOHOR PAHANG SELANGOR/KL
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Pasangan suami isteri maut ketika berkonvoi di Thailand

SHAH ALAM - Pasangan suami isteri maut selepas motosikal berkuasa tinggi dinaiki mereka terbabit dalam kemalangan di Chumphon, Thailand, pada Isnin.

Difahamkan, dalam kejadian jam 9 pagi waktu tempatan, Mohd Sofi Ismail dan isterinya, Zaimima Ismail, masing-masing berusia 43 tahun yang menunggang motosikal jenis Kawasaki GTR1400 disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian.

Kejadian berkenaan dikongsi rakan Allahyarham, Muhammad Arashid Ramli, 39, yang menerima perkhabaran duka itu pada jam 10.30 pagi daripada seorang rakan yang turut sama menyertai konvoi ke negara jiran terbabit.

Katanya, pasangan suami isteri berkenaan bersama empat lagi rakan dalam perjalanan pulang dari Thailand menuju ke Pulau Pinang.

"Kumpulan konvoi motosikal berkuasa tinggi ini sudah hampir dua minggu berada di Thailand.

"Ketika kejadian, motosikal ditunggang arwah dikatakan terbabas berikutan jalan licin akibat hujan," katanya.

Menurutnya, jenazah pasangan tersebut sudah dibawa ke Hospital Chumphon untuk tindakan selanjutnya.

"Empat rakan konvoi yang berada di Thailand kini berusaha membantu menguruskan kedua-dua jenazah untuk dibawa pulang ke tanah air.

"Proses tuntutan jenazah dijangka mengambil sedikit masa dan jenazah pasangan suami isteri ini dijangka tiba di sempadan Malaysia-Thailand pada Selasa.

"Difahamkan, kedua-dua jenazah akan dibawa ke kampung Zaimima di Merbau Pulas, Kedah, untuk urusan pengebumian," katanya.



Mohd Sofi (kanan) dan Zaimima yang maut selepas terbabit kemalangan ketika berkonvoi di Thailand.

Tunda motosikal rosak berakhir tragedi

PASIR GUDANG - Tindakan dua penunggang menunda sebuah motosikal rosak bertukar tragedi apabila salah seorang daripadanya maut dalam kemalangan di Jalan Masai-Kong Kong pada Ahad.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Asisten Komisioner Mohd Sohaimi Ishak berkata, kejadian jam 10.45 pagi itu membabitkan motosikal jenis Yamaha 135LC dan Honda Wave yang ditunda kerana mengalami kerosakan.

"Kemalangan berlaku ketika penunggang Honda Wave ditunggang seorang lelaki berusia 36 tahun ditunda dari belakang dengan cara menolak menggunakan kaki oleh penunggang Yamaha 135LC berusia 52 tahun.

"Setibanya di tempat kejadian, kedua-duanya hilang kawalan lalu terbabas di kiri jalan," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurut Mohd Sohaimi, penunggang Honda Wave terhantuk pada tiang lampu manakala penunggang sebuah lagi motosikal turut terjatuh.

"Penunggang Honda Wave parah di kepala manakala penunggang Yamaha 135LC hanya cedera ringan.

"Mereka dibawa ke Hospital Sultan Ismail (HSI) sebelum penunggang Honda Wave disahkan meninggal dunia ketika dirawat," ujarnya.



Seorang penunggang maut manakala seorang lagi cedera ketika menunda motosikal sebelum hilang kawalan di Jalan Masai-Kong Kong, Pasir Gudang.

Warga asing hidup mewah jual dadah

Polis turut rampas kereta Maserati Granturismo daripada geng sindiket

Oleh NOR AZURA MD AMIN
JOHOR BAHRU



Raub (kanan) menunjukkan dadah dirampas ketika sidang akhbar di IPD Johor Bahru Selatan.

Kegiatan sindiket pengedaran dadah didalangi lima individu termasuk tiga warga Singapura dan seorang warga Thailand terbongkar selepas polis berjaya menahan seorang lelaki tempatan disyaki pengedar dadah.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Raub Selamat berkata, semua suspek ditahan dalam dua serbuan di lokasi berbeza pada 17 dan 22 Januari lalu.

Menurut Raub, serbuan pertama dilakukan susulan siasatan kes rompakan bersenjata dilakukan seorang suspek warga tempatan berusia 36 tahun di kedai snuker di Stulang Laut.

"Suspek menggunakan pisau lipat melarikan wang tunai RM1,060.

"Hasil siasatan, polis melakukan tangkapan di Jalan Dato Abdullah Tahir.

"Pemeriksaan lanjut membawa kepada penemuan dadah heroin dan syabu seberat kira-kira tiga kilogram (kg) dan hasil siasatan, suspek mengaku menjadi ahli sindiket didalangi warga asing," katanya ketika sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Johor Bahru Selatan pada Isnin.

Raub berkata, polis kemudian melakukan serbuan kedua di sebuah pangsapuri mewah dan menahan empat suspek masing-masing dua lelaki dan seorang wanita warga Singapura serta seorang wanita Thailand berusia antara 30 hingga 40 tahun.

Ujarnya, hasil serbuan, polis merampas pelbagai jenis dadah termasuk 2.27kg heroin, ganja (1.06kg), ketamin (591 gram), serbuk ekstasi (174 gram), syabu (6.3 gram), pil eramin 5 (1.3 gram) dan 13.7 liter cecair disyaki dadah keseluruhannya bernilai RM97,708.

"Sindiket ini sudah beroperasi sejak Disember lalu dan hasil serbuan berjaya merampas beberapa kenderaan termasuk sebuah kereta mewah Maserati Granturismo dengan jumlah keseluruhan RM524,227.86," katanya.

Peniaga lebur lebih RM165,000 angkara pelaburan tidak wujud

KUANTAN - Tertarik dengan keuntungan lumayan sehingga 19 peratus, seorang peniaga nekad menggunakan wang simpanannya menyertai skim pelaburan dalam talian sebelum menyedari ditipu.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman berkata, mangsa berusia 26 tahun menyertai skim pelaburan itu dengan melaburkan wang berjumlah RM165,975 pada 31 Disember tahun lalu.

Menurutnya, mangsa kemudian diberikan pautan untuk mendaftar sebagai ahli melalui satu laman sesawang.

"Suspek menjanjikan keuntungan enam hingga 19 peratus daripada keseluruhan modal dilaburkan.

"Dalam tempoh bermula 1 hingga 20 Januari lalu, mangsa memindahkan semua wang simpanannya melalui lima akaun bank berbeza," katanya pada Isnin.

Yahaya berkata, mangsa mengesyaki ditipu apabila suspek meminta mangsa membuat pelbagai bayaran bagi membolehkan hasil keuntungan dikeluarkan.

"Polis menasihatkan orang ramai jangan mudah terpengaruh dengan skim pelaburan yang menjanjikan keuntungan lumayan," katanya.

12 tahun 'kumpul' saman RM17,700

Libatkan sebuah kenderaan asing laku kesalahan sejak 2013

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID
ALOR SETAR

Sebuah kenderaan asing terpaksa disita selepas dikesan memiliki saman tertunggak lebih RM17,000 di lebuh raya berhampiran Changlun, baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Kedah, Stien Van Lutam berkata, pihaknya menahan seorang lelaki berusia lingkungan 40-an dan ketika pemeriksaan mendapati kenderaan dipandu memiliki saman tertunggak sejak 12 tahun lalu.

"JPJ bertindak menyita kenderaan ini sehingga pemiliknya melangsaikan saman tertunggak.

"Kita kutip RM17,700 daripada pemandu atas kesalahan salah guna *International Circulation Permit* (ICP).

"Kesalahan lampau banyak, saman dikeluarkan tidak dibayar sehingga tertunggak dari 2013," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media khas Op Tahun Baru Cina 2025 di Terminal Bas Shahab Perdana di sini pada Ahad.



Van Lutam (kanan) memeriksa tayar bas ketika Op Tahun Baru Cina 2025 di Terminal Bas Shahab Perdana pada Ahad.

Van Lutam berkata, kutipan saman tertunggak terhadap pemandu terbabit adalah tertinggi direkodkan setakat ini.

"Lelaki terbabit diminta menjelaskan saman secara penuh tanpa ansuran sebelum kenderaan dilepaskan dan dibenarkan pulang ke negara asal.

"JPJ turut menekankan pemeriksaan terhadap semua kenderaan termasuk kenderaan berat dan persendirian selain kenderaan asing dalam operasi sempena Tahun Baharu Cina," katanya.

Beliau berkata, setakat ini JPJ mengutip RM101,300 daripada 352 saman dikeluarkan terhadap kenderaan asing yang melakukan kesalahan di Kedah.

Dalam perkembangan sama, Van Lutam memaklumkan 15 kenderaan disita atas pelbagai kesalahan sepanjang Op Tahun Baharu Cina 2025 bermula 20 Januari lalu.

Beliau berkata, dalam tempoh enam hari operasi, pihaknya sudah memeriksa 10,656 kenderaan dan mengeluarkan 1,864 notis saman atas pelbagai kesalahan.

"Motosikal mencatatkan kesalahan tertinggi diikuti kereta dan kenderaan lain.

"Melalui penyamaran dalam bas, tiga kes dikesan dan tindakan sudah diambil antaranya menggunakan telefon bimbit ketika memandu, tiada pemandu kedua dan memotong di garisan berkembar," katanya.

Sehubungan itu, katanya, sebanyak 187 anggota JPJ ditempatkan di seluruh negeri bagi memastikan kelancaran dan keselamatan pengguna sepanjang musim perayaan.

Wanita beli sijil lahir RM8,000 untuk buat MyKad palsu

KUANTAN - Kelicikan seorang wanita asing menggunakan kad pengenalan palsu dan sijil lahir warga tempatan untuk berniaga, berakhir apabila ditahan pada Ahad.

Pengarah Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Mohammad Khairu Farhan Md Saad berkata, perbuatan itu terbongkar susulan operasi terancang dilaksanakan pihaknya dengan kerjasama JPN Pahang dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Menurutnya, pemeriksaan mendapati wanita berusia 36 tahun berasal dari Medan, Indonesia, memiliki dua dokumen iaitu pasport Indonesia sah dan MyKad mengandungi butiran palsu.

"Wanita ini disyaki memiliki sijil lahir milik orang lain dengan membeli daripada ejen pada harga RM8,000 sehingga berjaya memperoleh kad pengenalan bertaraf warganegara.

"Suspek kini ditahan JPN untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Jelas beliau, tindakan diambil mengikut Peraturan 25(1)(b) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda sehingga RM20,000 atau kedua-duanya sekali, jika disabitkan kesalahan.

"Operasi ini dilaksanakan bagi memastikan setiap pesalah menerima hukuman setimpal mengikut peruntukan undang-undang," ujarnya.

Sita jika sewa tapak bazar kepada warga asing

JOHOR BAHRU - Penganjur bazar Ramadan dan Aidilfitri diberi amaran supaya tidak menyewakan tapak gerai bazar kepada peniaga warga asing selain mematuhi aspek kebersihan ditetapkan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).



MOHD HAFFIZ

Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Mohd Haffiz Ahmad berkata, sebanyak 62 tapak bazar Ramadan dan Aidilfitri sudah diluluskan beroperasi di sekitar bandar raya termasuk mengeluarkan lesen perniagaan kepada penjaja pada tahun ini.

"Kawasan ini membabitkan 3,199 petak perniagaan dengan pembahagian 2,733 petak untuk bazar Ramadan dan 426 petak lagi untuk Aidilfitri.

"Jumlah tapak bazar kali ini menunjukkan peningkatan dengan 13 tapak baharu diberikan kelulusan beroperasi.

"Warga asing tidak dibenarkan berniaga di tapak bazar dan tindakan penguatkuasaan akan diambil termasuk sita jika ada warga asing berniaga di bazar," katanya ketika sidang akhbar selepas Mesyuarat Penuh MBJB pada Isnin.

Terdahulu, Mohd Haffiz yang merupakan bekas Datuk Bandar Iskandar Puteri menggalas jawatan sebagai Datuk Bandar Johor Bahru menggantikan Datuk Mohd Noorazam Osman yang dilantik sebagai Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) berkuat kuasa pada 1 Januari lalu.

Mohd Haffiz berkata, sepanjang tempoh sebulan sebelum Ramadan, penganjur dan badan bukan kerajaan (NGO) yang terbabit dalam penganjuran bazar sudah boleh membuat tawaran kepada peniaga.

"Tindakan pemantauan akan dilakukan sepanjang tempoh penganjuran bazar.

"Ingatan juga sudah diberikan kepada penganjur supaya mengutamakan aspek kebersihan," katanya.

Dalam pada itu, ketika ditanya mengenai penggunaan plastik di bazar Ramadan dan Aidilfitri, Mohd Haffiz menjelaskan penggunaan bekas makanan polisterin sudah diharamkan MBJB sejak 2016.

"Larangan penggunaan polisterin sudah dikeluarkan dan orang ramai digalakkan membawa bekas makanan sendiri," katanya.

Maqis rampas 120 kilogram gamat mentah dari Singapura

ISKANDAR PUTERI - Cubaan membawa masuk empat tong mengandungi 120 kilogram (kg) gamat mentah dari Singapura berjaya digagalkan dalam satu operasi di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) Gelang Patah pada Ahad.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor, Edie Putra Md Yusof berkata, gamat mentah dianggarkan bernilai RM12,000 dikesan ketika menahan sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) untuk pemeriksaan pada jam 5.06 petang di laluan penumpang kenderaan ringan KSAB.

"Hasil pemeriksaan menemukan empat tong berisi 200 paket gamat mentah diletakkan di but belakang dipercayai cuba dibawa masuk tanpa permit import Maqis atau sebarang dokumen sah.

"Susulan itu, pemandu warga tempatan berusia 32 tahun ditahan dan dilepaskan selepas diambil keterangan," katanya pada Isnin.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.



Kotak mengandungi 120kg gamat mentah tanpa permit import ditemukan Maqis ketika pemeriksaan di KSAB Gelang Patah.

SINAR @ BISNES

KORPORAT

UEM ambil alih 1.5 juta saham MAHB

KUALA LUMPUR - UEM Group Bhd mengambil alih 1.5 juta saham dalam Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) pada RM10.96 sesaham pada Jumaat, 24 Januari 2025.

Dalam nota penyelidikan pada Isnin, AmInvestment Bank Bhd, bagi pihak Gateway Development Alliance Sdn Bhd, Pantai Panorama Sdn Bhd, Kwasa Aktif Sdn Bhd dan GIP Aurea Pte Ltd (pemberi tawaran bersama) berkata urus niaga itu adalah sebahagian daripada proses pengambilalihan yang sedang dilaksanakan dimulakan oleh pemberi tawaran bersama untuk mengambil alih semua baki saham biasa dalam MAHB yang belum dimiliki oleh mereka.

Setakat 24 Januari, saham MAHB yang dimiliki oleh pemberi tawaran bersama telah mencapai 92.82 peratus, melebihi ambang 90 peratus.- *Bernama*

PASARAN

Institusi tempatan sokong Bursa Malaysia

KUALA LUMPUR - Institusi tempatan meneruskan sokongan mereka kepada Bursa Malaysia untuk minggu ke-14 berturut-turut, mencatatkan belian bersih sebanyak RM551.6 juta, menurut MIDF Amanah Investment Bank Bhd (MIDF).

Ini lebih rendah daripada belian bersih pada minggu sebelumnya sebanyak RM797.8 juta.

Dalam Laporan Aliran Dana pada minggu berakhir 24 Januari, MIDF berkata institusi tempatan mengekalkan belian bersih selama 46 hari dagangan berturut-turut.

Pelabur runcit tempatan turut meneruskan trend belian di Bursa Malaysia untuk minggu ketiga berturut-turut walaupun dengan belian bersih lebih kecil sebanyak RM149.9 juta dalam ekuiti.

"Purata jumlah dagangan harian (ADTV) merosot secara keseluruhannya pada minggu lepas. Pelabur asing menyaksikan penurunan sebanyak 13.6 peratus manakala institusi tempatan dan pelabur runcit, masing-masing merosot sebanyak 8.7 peratus dan 5.5 peratus," katanya.

Menurut MIDF, pelabur asing terus jual ekuiti di bursa tempatan untuk minggu ke-14 berturut-turut, walaupun aliran keluar susut kepada RM701.4 juta daripada RM1.33 bilion pada minggu sebelumnya.

Pelabur asing merupakan penjual bersih setiap hari dagangan, dengan aliran keluar terbesar sebanyak RM300.5 juta pada Jumaat. Aliran keluar harian RM23.2 juta hingga RM169 juta. - *Bernama*

TEKNOLOGI



DNB, Edotco tingkat pengalaman pengembara

Pemasangan 5G *In-Building Solutions* (IBS) di KLIA, KLIA2

KUALA LUMPUR

Digital Nasional Bhd (DNB) dan EDOTCO Group telah menyiapkan pemasangan 5G In-Building Solutions (IBS) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (Terminal 2) (KLIA2) untuk meningkatkan ketersambungan untuk pengembara dan pelawat.

DNB dalam satu kenyataan bersama pada Isnin berkata pencapaian ini dicatatkan ketika Malaysia memegang jawatan pengerusi ASEAN pada 2025, menunjukkan komitmen negara untuk meningkatkan infrastruktur digital di hab pengangkutan utama.

"Pemasangan itu siap dalam tempoh dua bulan, ia diaktifkan pada Jumaat, pada majlis penyerahan tugas antara DNB, EDOTCO Group, dan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB)," katanya.

"5G IBS membolehkan pengguna MAHB menikmati sambungan lebih pantas dan lebih dipercayai di bangunan awam dan komersial, memastikan pengalaman digital yang lancar," katanya.

Liputan dalam bangunan itu juga membolehkan perniagaan dan perusahaan melaksanakan penggunaan 5G baharu untuk meningkatkan kecekapan operasi dan memberikan nilai lebih baik kepada pelanggan mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif DNB Datuk Azman Ismail berkata syarikat itu komited untuk mengembangkan infrastruktur 5G merentasi kemudahan strategik, komersial dan kerajaan.

Beliau berkata pemasangan 5G IBS di KLIA dan KLIA2 adalah sebahagian daripada usaha berterusan DNB untuk menyediakan sambungan dalam bangunan merentasi bangunan strategik dan komersial.

Sementara itu, Ketua Pegawai Maklumat MAHB Vijay Kumar Dayinde berkata penyepaduan infrastruktur 5G di KLIA adalah peningkatan transformatif yang menambah baik kecekapan operasi dan keselesaan penumpang dengan memanfaatkan kelajuan 5G, kependaman rendah dan kapasiti data tinggi.

"Ia menyokong peranti Internet Pelbagai Benda (IoT), penderia pintar dan penyelesaian digital termaju, membolehkan kami memenuhi permintaan yang berkembang sambil mengutamakan kecekapan, kepuasan dan daya tahan," katanya. - *Bernama*

KEWANGAN

Skim kewangan alternatif untuk PMKS

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pada Isnin melancarkan SARANA, skim pembiayaan alternatif yang ditawarkan oleh sembilan pengendali platform pembiayaan rakan setara (P2P) berdaftar dengan SC di bawah sistem e-perolehan kerajaan.

SC dalam satu kenyataan berkata ia berkuat kuasa serta-merta dan bertujuan untuk menangani keperluan modal kerja perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan kontraktor kecil yang mengambil bahagian dalam kontrak kerajaan untuk bekalan, perkhidmatan atau pekerjaan.

"SARANA menawarkan dua pilihan pembiayaan utama iaitu pembiayaan invois yang menyokong penghantaran aliran tunai selepas kontrak dan pembiayaan untuk pelaksanaan kontrak bagi memenuhi keperluan modal kerja awal kontraktor sebelum sesuatu projek dilaksanakan," katanya.

Pengendali platform P2P yang mengambil bahagian ialah Bay Smart Capital Ventures Sdn Bhd, B2B Finpal Sdn Bhd, Capsphere Services Sdn Bhd, Crowd Sense Sdn Bhd, P2P Nusa Kapital Sdn Bhd, FBM Crowdtech Sdn Bhd, MicroLEAP PLT, Modalku Ventures Sdn Bhd dan Moneysave (M) Sdn Bhd.

Menerusi sokongan kerajaan untuk pembiayaan P2P seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2025, SARANA menyediakan alternatif berdaya maju untuk merapatkan jurang pembiayaan kritikal terutamanya untuk syarikat yang menghadapi cabaran dalam menilai pembiayaan tradisional.

Inisiatif itu membolehkan akses kepada pasaran modal menerusi pengendali platform P2P, ia juga seiring dengan Memangkin Akses PKMS dan Syarikat Peringkat Pertengahan (MTC) ke Pasaran Modal SC: Pelan Hala Tuju Lima Tahun (2024-2028).

Sejak SC memperkenalkan rangka kerja kawal selia P2P pada 2016, pengendali platform P2P yang berdaftar telah memainkan peranan penting dalam menangani keperluan pembiayaan syarikat yang diperbadankan di peringkat tempatan.

Setakat 30 September, 2024, pembiayaan P2P telah mengumpul sebanyak RM7.9 bilion. - *Bernama*

LBS umum Strategi 8x8 untuk tempoh 3 tahun

Pelan hala tuju korporat tiga tahun itu bermula 2025 hingga 2027 untuk meningkatkan pencapaian syarikat

SHAH ALAM

Pemaju hartanah, LBS Bina Group Berhad (LBS) memperkenalkan Strategi 8x8 yang dinamik semasa Mesyuarat 'Town Hall LBS 2025' yang telah diadakan baru-baru ini.

Pelan hala tuju korporat tiga tahun ini bermula pada 2025 hingga 2027 bertujuan untuk meningkatkan pencapaian syarikat ke tahap yang lebih tinggi, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju dalam industri pembangunan hartanah.

Teras utama Strategi 8x8 adalah komitmen LBS untuk melancarkan rangkaian projek dengan jumlah nilai pembangunan kasar (GDV) sekitar RM8.0 bilion untuk tempoh tiga tahun akan datang, berteraskan lapan lapan fokus utama iaitu Perumahan, Industri & Komersial, Pengoptimuman Bank Tanah, Pencapaian Kecemerlangan, Peningkatan Keupayaan Pekerja, Pengalaman Pelanggan, Kemajuan Kelestarian dan Kesejahteraan Komuniti

Di bawah rancangan pembangunan LBS, syarikat komited untuk membangunkan kediaman yang merealisasikan impian rakyat Malaysia untuk memiliki rumah sendiri. Projek-projek ini akan merangkumi pelbagai jenis kediaman yang terletak di kawasan bandar utama, terutamanya di Lembah Klang, Pahang, Johor dan Perak.

LBS akan terus memperluaskan kawasan perbandaran yang sedia ada, menyedari bahawa pembangunan ini penting untuk memacu pertumbuhan bandar yang mampan, meningkatkan kualiti hidup, dan merangsang pembangunan ekonomi.

Antara kawasan perbandaran yang sedang dibangunkan termasuk KITA @ Cybersouth, LBS Alam Perdana, Bandar Saujana Putra, serta Rimbawan – sebuah pembangunan utama berkonsep mesra alam yang telah dilancarkan pada Oktober 2024.

Selain projek perumahan, LBS akan membangunkan hab industri dan komersial yang disesuaikan dengan keperluan perniagaan moden, di mana ianya akan ditempatkan secara strategik untuk memastikan akses mudah ke rangkaian infrastruktur dan logistik, sekali gus meningkatkan kecekapan operasi.

Ini mencerminkan komitmen LBS untuk mewujudkan ekosistem mesra perniagaan yang menyokong pembangunan ekonomi jangka panjang dan berdaya saing.

LBS juga sedang meneroka cara inovatif untuk mengoptimumkan bank tanahnya.



Barisan Ahli Lembaga Pengarah LBS berkongsi kemeriahan dan bergambar kenangan bersama tarian singa di mesyuarat 'Town Hall LBS 2025'.

Bursa Malaysia lantik Fad'l sebagai CEO baharu

KUALA LUMPUR - Bursa Malaysia Bhd (Bursa Malaysia) melantik Datuk Fad'l Mohamed sebagai Ketua Pegawai Eksekutifnya (CEO) yang baharu berkuat kuasa 1 Mac 2025.



FAD'L

Dalam kenyataan pada Isnin, Bursa Malaysia berkata Fad'l akan mengambil alih kepimpinan bursa susulan persaraan Datuk Muhamad Umar Swift yang akan datang dan telah berkhidmat sebagai CEO pengendali bursa saham itu sejak Februari 2019.

Pengerusi Bursa Malaysia Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata pengalaman Fad'l dalam pasaran modal dan perbankan pelaburan menjadikan beliau pilihan yang tepat untuk menerajui Bursa Malaysia menuju masa depan.

"Kami yakin dengan kepakaran beliau untuk terus memacu pertumbuhan dan kejayaan bursa serta pasaran," katanya.

Fad'l, 57, yang kini merupakan Pengarah Urusan Perbankan Borong Kumpulan RHB Bank Bhd memiliki pengalaman lebih 30 tahun dalam bidang perundangan, pasaran modal dan perbankan pelaburan.

Sebelum ini, beliau memegang jawatan CEO Maybank Investment Bank Bhd. Kerjaya beliau bermula sebagai peguam di Rashid & Lee pada 1991 sebelum menyertai Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 1993.

"Selepas itu, beliau bertugas di firma perbankan pelaburan, Dresdner Kleinwort Benson.

"Pada 2004, beliau menubuhkan Maestro Capital Sdn Bhd, penasihat kewangan korporat berlesen yang menawarkan nasihat mengenai penggabungan dan pengambilalihan, penjanaan modal dan tawaran awam permulaan (IPO) sehingga 2015 apabila beliau menyertai Maybank Investment Bank," katanya. - *Bernama*

Anak syarikat MMAG beli pesawat boeing kedua

KUALA LUMPUR - MMAG Holdings Bhd membeli pesawat Boeing B737-400SF kedua dengan harga AS$6.55 juta (RM29.12 juta) bagi perniagaan pengangkutan udaranya.

MMAG Holdings dalam makluman kepada Bursa Malaysia pada Isnin berkata, bagi tujuan itu, anak syarikatnya MJets Air Sdn Bhd memeterai perjanjian jualan ansuran dengan penjual yang berpangkalan di Jepun JPA No. 161 Co Ltd (JPA).

Perjanjian untuk pesawat pengangkut yang telah diubah suai dan kini disewa serta dioperasikan MJets Air, dimuktamad pada 24 Januari 2025.

JPA merupakan anak syarikat sepenuhnya milik JP Lease Products & Services Co Ltd (JLPS), satu daripada pengatur sewa cukai bebas terbesar di pasaran Jepun.

Pada 24 Disember 2024, MJets membeli dan menerima penghantaran hasil pembelian pertamanya, juga sebuah Boeing B737-400SF daripada JPA.

MMAG berkata menerusi pembelian kedua ini, daripada meneruskan dengan sewaan, ia selaras dengan strategi syarikat untuk mengoptimumkan keupayaan penghantaran udara, merasionalisasikan operasi di seluruh rantaian bekalan dan mengurangkan pergantungan kepada penyewa pihak ketiga.

"Pembelian ini akan dibiayai melalui gabungan dana yang dijana secara dalaman dan hasil daripada sekuriti boleh tukar.

"Perjanjian ini dijangka diselesaikan pada suku pertama 2027 dan MMAG optimis mengenai pemilikan pesawat ini yang akan mengukuhkan daya saing pasarannya serta memberi sumbangan positif kepada kecekapan operasi kumpulan serta nilai jangka panjang," katanya.- *Bernama*

ES Sunlogy sasar kumpul RM42 juta

KUALA LUMPUR - ES Sunlogy Bhd yang bakal disenaraikan di Pasaran ACE Bursa Malaysia, menyasarkan untuk mengumpulkan sejumlah RM42 juta menerusi langkah tawaran awam permulaannya (IPO).

Pada sesi pelancaran prospektusnya secara maya hari ini, syarikat penyedia perkhidmatan kejuruteraan mekanikal dan elektrikal (M&E) serta penyelesaian tenaga boleh baharu (TBB) itu berkata IPO berkenaan meliputi usaha penerbitan 140 juta saham baharu harga 30 sen sesaham.

Memperincikan hasil pengumpulan dana itu, ES Sunlogy berkata sebanyak RM14.1 juta akan dimanfaatkan bagi tujuan pembangunan dan pembinaan loji Fotovoltan Suria Berskala Besar (LSSPV) Selarong.

Di samping itu, sejumlah RM14 juta akan digunakan untuk pembayaran balik pinjaman manakala RM9.2 juta bagi manyokong keperluan modal kerja am syarikat bagi menyokong operasi hariannya.

Sejumlah RM0.7 juta akan digunakan bagi pembelian sistem perancangan sumber perusahaan bagi meningkatkan kecekapan pengoperasian kumpulan secara menyeluruh dan RM4.0 juta bagi menampung perbelanjaan IPO.

ES Sunlogy menyasarkan untuk meraih permodalan pasaran sebanyak RM210 juta sejurus penyenaraian yang dijadualkan pada 20 Feb, 2025.

Ketua Pegawai Eksekutif Sam Teo Chee Teong berkata pihaknya menjangkakan loji LSSPV Selarong itu dapat dikomersialkan menjelang akhir Disember 2025. - *Bernama*

SINAR @ GLOBAL

Saya umumkan tarif sebanyak 25 peratus ke atas produk import AS di bawah langkah tit-for-tat selepas Trump menaikkan cukai ke atas barangan Bogota. Beliau turut kenakan sekatan hanya kerana kami enggan terima penerbangan bawa migran dideportasi."

- Presiden Colombia, Gustavo Petro





DNA itik pada enjin pesawat

Penyiasat Korea Selatan keluarkan laporan awal tragedi Jeju Air pada bulan lalu

SEOUL

Kedua-dua enjin pesawat Jeju Air yang terlibat nahas pada Disember 2024 mengandungi cebisan sayap dan kesan darah burung.

Laporan awal setebal enam muka surat itu didedahkan pihak berkuasa Korea Selatan, sebulan selepas tragedi yang meragut 179 nyawa mangsa penumpang.

"Terdapat DNA *Baikal teal* iaitu spesies itik penghijrah yang terbang ke Seoul ketika musim sejuk," menurut laporan itu pada Isnin.

Tetapi, ia tidak memberikan kesimpulan awal tentang punca sebenar nahas *7C2216* yang cuba mendarat tanpa gear pendaratan dan mengapa perakam data penerbangan berhenti merekod kira-kira empat minit sebelum ia merempuh struktur konkrit di hujung landasan Lapangan Terbang Muan.

Pesawat itu berada pada altitud 152 meter dan terbang dengan kelajuan 298 kilometer sejam pada jarak kira-kira dua kilometer dari landasan ketika perakam penerbangan terhenti secara tiba-tiba.

"Selepas rempuhan itu, kedua-dua enjin terbenam ke dalam tanah manakala serpihan fiuslaj berselerakan kira-kira 30-200 meter," jelas laporan itu lagi yang berserta gambar di lokasi kejadian.

Penyiasat seterusnya akan melakukan siasatan lebih terperinci termasuk membuka keseluruhan enjin, memeriksa komponen, menganalisis data penerbangan dan kawalan trafik udara bagi mengenal pasti punca sebenar tragedi itu.

Difahamkan, laporan tersebut diserahkan kepada Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO), pihak berkuasa Thailand, Amerika Syarikat (AS) dan Perancis yang merupakan pembuat pesawat dan enjinnya. - *Agensi*

Lubnan setuju lanjut gencatan senjata

BEIRUT - Lubnan pada Isnin bersetuju melanjutkan perjanjian gencatan senjata bersama Israel sehingga 18 Februari depan meskipun Tel Aviv gagal mematuhi tarikh akhir supaya berundur dari kawasan selatan negara itu.

"Keputusan ini dibuat selepas berunding dengan Presiden Joseph Aoun dan pemimpin Parlimen selepas menghubungi Amerika Syarikat (AS) selaku perantara proses damai itu," ujar Perdana Menteri, Najib Mikati.

Pada Ahad, sekurang-kurangnya 22 termasuk wanita terkorban manakala lebih 124 yang lain cedera dalam serangan ganas dilancarkan Zionis ketika penduduk cuba kembali semula ke kampung halaman mereka.

Israel dan Hizbullah berulang kali menuding jari antara satu sama lain melanggar perjanjian gencatan senjata itu yang berkuat kuasa pada 27 November lalu, sekali gus menamatkan perang baharu yang berlarutan selama dua bulan.

Askar Israel sepatutnya meninggalkan kawasan selatan yang kini dikawal tentera kerajaan bersama anggota misi pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam tempoh 60 hari, namun mengingkari perjanjian itu. - *AFP*

Selepas Teluk Amerika, Musk cadang tukar nama Selat Inggeris pula

WASHINGTON - Elon Musk mencadangkan supaya menamakan semula Selat Inggeris kepada Terusan George Washington sempena nama Presiden pertama AS.

Taikun teknologi itu sekali lagi cuba mencetuskan kekacauan selepas Teluk Mexico secara rasmi ditukar menjadi Teluk Amerika.

Menerusi platform X, Musk turut berkongsi peta kedudukan selat tersebut dengan kapsyen 'nama baharu perairan yang memisahkan England dan Perancis'.

Catatan itu mungkin mahu memaparkan 'hubungan istimewa' antara Britain dan AS.

Ia bukanlah pertama kali Musk cuba menggugat kestabilan politik di Britain menggunakan platform media sosial miliknya itu sebagai 'megafon peribadi' dan menyebarkan maklumat salah.

Pada awal bulan lalu, beliau 'menyerang' Perdana Menteri Britain, Keir Starmer selain menunjukkan minat dengan politik Jerman apabila menzahirkan sokongan kepada ahli politik sayap kanan. - *Agensi*



KLIK **JALAN KAKI SEJAUH 650KM**

Xia Wanghui, 32, berjalan kaki sejauh 650 kilometer dari Shenzhen di selatan China ke kampung halamannya di wilayah Hunan sempena sambutan Tahun Baharu Cina kerana malu mencabar dirinya sendiri. Dia memulakan perjalanan mencabar itu pada 10 Januari lalu dan tiba di destinasi dalam tempoh 16 hari yang turut disambut meriah komuniti di bandar Zhajiang. - *Agensi*

Dua hari terpaksa tidur di tepi jalan

Ratusan ribu penduduk Palestin bersesak-sesak di Koridor Netzarim selepas kepulangan ke utara Gaza dihalang tentera Israel

GENTING GAZA



Penduduk Palestin berkumpul di Nuseirat hingga menyebabkan kawasan itu sesak.

Penduduk Palestin terperangkap lagi apabila rejim Zionis menghalang mereka menuju ke utara, seminggu selepas perjanjian gencatan senjata rapuh berkuat kuasa di Genting Gaza.

Kumpulan penduduk bersama lori tangki air, ambulans, kereta sorong ditarik keldai dan kru TV dilaporkan terkandas sepanjang tiga kilometer di al-Rashid Street.

Polis Gaza turut mengawal orang awam yang menunggu kebenaran untuk meneruskan perjalanan mereka ketika jet dan dron Israel terus berlegar-legar di udara.

Saeed Abu Sharia, 49, memberitahu dia tiba pada malam Sabtu dan keluarganya terpaksa tidur di dalam kereta.

"Saya sudah bakar khemah yang jadi tempat berlindung kami. Ia adalah simbol kesengsaraan kami dan wajar dimusnahkan," katanya sambil menambah seramai 15 ahli keluarganya yang lain terkorban dalam perang genosid yang berlarutan selama lebih 15 bulan.

Ratusan keluarga yang lain juga senasib dengan Abu Sharia kerana terperangkap dalam kesesakan di Salah al-Din Street.

"Ratusan ribu penduduk Palestin setia menanti di Koridor Netzarim untuk kembali ke utara Gaza," ujar jurucakap Agensi Pertahanan Awam, Mahmud Bassal.

Dianggarkan, jumlah kumpulan itu antara 615,000 dan 650,000 orang dengan dua pertiga daripada mereka berkemungkinan menggunakan jalan pantai.

Koridor Netzarim ialah zon sepanjang tujuh kilometer yang diwujudkan Pasukan Pertahanan Israel bagi memisahkan utara dan selatan Gaza. Ia dibina di tengah Genting Gaza dari sempadan Israel ke Laut Mediterranean.

Perjanjian baharu dicapai

Koridor berupa sekatan itu disebabkan Israel tidak berpuas hati terhadap perjanjian pembebasan tahanan kedua.

Tel Aviv mendakwa kononnya Hamas mengingkari janji apabila gagal membebaskan orang awam, Arbel Yehud bersama empat anggota tentera wanita pada Sabtu.

Susulan desakan negara perantara proses damai Hamas-Israel, rejim Tel Aviv akhirnya akur untuk membenarkan ratusan ribu penduduk Palestin kembali ke utara Gaza pada Isnin.

Jurucakap gerakan Jihad Islam, Mohammaed al-Hajj Musa mengesahkan perjanjian baharu telah dicapai mengenai tuntutan Israel itu dan ia akan dilaksanakan dua hari lebih awal dari tarikh asal.

"Baki tiga lagi tawanan akan dibebaskan seperti dijadualkan pada Sabtu. Hamas turut menyerahkan senarai nama tahanan Palestin yang perlu dilepaskan di bawah fasa pertama perjanjian gencatan senjata tersebut," jelasnya.

Di seberang koridor itu di utara Gaza, Bashar Naser, 28, dari Jabalia memaklumkan dia setia menanti kepulangan ahli keluarganya.

"Saya mahu menyambut dan meraikan mereka. Ia adalah kegembiraan yang besar setelah kami terpisah untuk tempoh yang lama," jelasnya. - *AFP*



Kebanyakan keluarga Palestin terpaksa membuat unggun api di tepi jalan ketika cuaca sejuk masih mencengkam wilayah tersebut.



Seorang wanita menyuap makanan kepada warga emas berkerusi roda yang turut terkandas.



Sebahagian keluarga terpaksa menjadikan but kereta sebagai tempat berteduh.

Sinar Harian
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Sindiket *scammer* terus bermaharajalela



Ribuan mangsa diseludup masuk ke pusat *scam* tersebut yang terletak di sempadan Thailand-Myanmar.

Ribuan mangsa masih 'hilang' di Myanmar, sebahagian besarnya lelaki warga China

Susunan MARLISSA MOHAMMAD KAMAL
BEIJING

Insiden penculikan dan operasi penyelamatan rentas sempadan meninggalkan pengalaman mengerikan buat aktor dari China, Wang Xing.

Mangsa yang berusia 31 tahun terbang ke Bangkok pada awal bulan lalu selepas mendapat tawaran untuk menjalani penggambaran di Thailand.

Rupa-rupanya, Xing ditipu sindiket jenayah seperti ratusan lain yang terpedaya dengan kerja yang kononnya boleh menjana pendapatan lumayan.

Dia diculik dan dipaksa bekerja di salah sebuah pusat penipuan dalam talian terletak di sempadan Thailand-Myanmar.

Xing bernasib baik selepas teman wanitanya, Jiajia mendedahkan penculikan itu dan turut melancarkan kempen media sosial untuk membawanya pulang ke Beijing serta mendapat sokongan banyak pihak termasuk selebriti.

Selepas dibebaskan oleh pihak berkuasa Thailand pada 7 Januari lalu, keluarga mangsa yang lain mula berkongsi kisah mereka demi meraih perhatian umum terhadap sindiket *scammer* tersebut.

Dalam tempoh beberapa hari, rekod menunjukkan hampir 1,800 warga China diculik ke Myanmar dari sempadan Beijing dan Bangkok.

Data Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga menunjukkan ratusan ribu mangsa telah diseludup masuk ke pusat *scam* di Asia Tenggara sejak pandemik Covid-19.

Industri yang menipu orang ramai di seluruh dunia itu turut meraih berbilion dolar setahun untuk aktiviti jenayah terancang yang sebahagian besarnya melibatkan warga China.

Pada Jumaat lalu, Kementerian Keselamatan Awam China memaklumkan ia menggiatkan usaha untuk menjejaki pusat *scam* tersebut dan menyelamatkan mangsa.

Stesen penyiar tempatan melaporkan Beijing telah mencapai konsensus bersama Thailand dan Myanmar untuk memberkas ketua sindiket tersebut dan menghapuskan pusat *scam* tersebut.

Aduan tidak diterima

Kira-kira 93 peratus daripada 1,800 mangsa dikenal pasti di bawah kempen *Star Homecoming* itu ialah lelaki dan dengan purata usia 27 tahun.

Majoritinya adalah mereka yang berumur 15 dan 45 tahun.

Kebanyakan mangsa berdepan masalah kewangan, menyara hidup sebagai pekerja ekonomi gig, kehilangan pekerjaan dalam industri pembinaan di tengah-tengah kemerosotan di seluruh negara.

Undang-undang China tidak menganggap golongan lelaki sebagai mangsa berpotensi sindiket pemerdagangan manusia.

Hal itu menyebabkan kira-kira separuh daripada keluarga mangsa tidak dapat memfailkan aduan orang hilang kepada pihak berkuasa.

"Polis maklumkan laporan orang hilang hanya untuk wanita dan kanak-kanak," kata seorang wanita yang kehilangan suami setelah dia menerima tawaran kerja sebagai *scammer* kerana mahu melangsaikan hutang.

Seorang lagi ahli keluarga mangsa mendakwa pihak berkuasa enggan menerima aduan tersebut kerana suaminya melakukan perjalanan secara sah dengan pasport.

Ketika ini, mereka berharap kes itu akan mendapat perhatian pemerintah dan membawa pulang kesemua mangsa.

Pada minggu lalu, Kementerian Luar China menggesa negara di Asia Tenggara supaya mengambil langkah membanteras sindiket penipuan dalam talian tersebut yang didakwa turut melakukan penderaan fizikal dan mental yang teruk serta mengurung mangsa. - *Agensi*



Wang Xing mendedahkan dia dipaksa menjalani latihan untuk menjadi *scammer* di markas sindiket tersebut di Myanmar.



Lebih 1,200 *scammer* diberkas di Myanmar dan dihantar pulang ke China pada September 2023.



Filem berjudul *No More Bets* mendedahkan operasi di pusat *scam*.



AMORIM

Penyudah United kurang tajam

Pengendali Manchester United, Ruben Amorim mengakui bahawa *The Red Devils* berdepan masalah ketumpulan bahagian serangan dalam setiap perlawanan.

Pasukan pelawat meraih kemenangan 1-0 ke atas Fulham di Craven Cottage menerusi gol jaringan Lisandro Martinez minit ke-78, satu-satunya percubaan tepat ke sasaran sepanjang 90 minit.

United terpaksa menunggu minit ke-42 untuk percubaan pertama ke gawang lawan menerusi tandukan Mattijs de Ligt sebelum Amorim menggantikan Rasmus Hojlund, yang gagal menyerlah selepas sejam dengan Joshua Zirkzee menyentuh bola hanya lapan kali dalam baki setengah jam.

Amorim mengakui masih terdapat ruang untuk diperbaiki jentera serangan *Red Devils* selain mengakui menjaringkan gol antara masalah yang dihadapi gergasi liga Inggeris tersebut.

"Saya rasa memang begitu (sukar untuk jaringkan gol). Walaupun pada separuh masa kedua kami mahu mengubah sesuatu, kami kurang rentak dan kuasa di bahagian depan," katanya.

Ditanya sama ada dia mengharapkan kemasukan pemain baharu baki minggu jendela perpindahan, Amorim berkata: "Di sini ada peraturan yang perlu dipatuhi. Kami melakukan kesilapan perpindahan masa lalu dan tidak boleh melakukannya sekarang. Fokus kami kepada pemain sedia ada dan perlawanan seterusnya."

Tottenham hilang fokus

KAPTEN Tottenham Hotspur, Son Heung-min mengakui kurang fokus menyaksikan *The Lilywhites* tewas 1-2 kepada Leicester City dalam aksi Liga Perdana Inggeris (EPL) di Stadium Tottenham Hotspur pada Ahad.

"Ya, keputusan yang menyakitkan. Apa lagi yang boleh saya katakan? Terutama apabila anda memimpin separuh masa pertama sebelum melepaskan dua gol dalam masa singkat untuk perlawanan yang sangat mengecewakan.

"Kami tidak boleh mengatakan keletihan kerana baru keluar dari separuh masa kedua. Mungkin sedikit kealpaan bukan kesilapan individu yang berpunca kurang tumpuan yang dimanfaatkan sepenuhnya pasukan lawan.

"Situasi semasa pasukan termasuk jadual boleh menyebabkan sebarang pasukan liga menghukum kami. Masih banyak perlawanan dan kami perlu mendapatkan semula pemain berpengalaman kerana itu sangat penting," kata Heung-min.

Leicester bangkit daripada ketinggalan menerusi jaringan Jamie Vardy (m-46) dan Bilal El Khannouss (m-50) bagi memadamkan jaringan awal Richarlison yang meletakkan Tottenham di depan minit ke-33.

Keputusan itu menyaksikan Tottenham bimbingan Ange Postecoglou, yang dihimpit kecederaan termasuk penjaga gol Guglielmo Vicario, bek tengah Cristian Romero dan Micky van de Ven dan penyerang Dominic Solanke, hanya menang sekali dalam 11 perlawanan liga.

Anak buah Postecoglou selepas ini akan berdepan kelab Sweden, IF Elfsborg dalam Liga Europa di Stadium Tottenham Hotspur pada Jumaat.



HEUNG-MIN

LIGA JUARA-JUARA

JADUAL PERLAWANAN

KHAMIS (30 JANUARI)

PSV Eindhoven *lwn* Liverpool
Bayern Munich *lwn* Slovan Bratislava
Borussia Dortmund *lwn* Shakhtar Donetsk
Bayern Leverkusen *lwn* Sparta Prague
Girona *lwn* Arsenal
Barcelona *lwn* Atalanta
Brest *lwn* Real Madrid
Manchester City *lwn* Club Brugge
Young Boys *lwn* Red Star Belgrade
Lille *lwn* Feyenoord Rotterdam
Juventus *lwn* Benfica
Aston Villa *lwn* Celtic
Dinamo Zagreb *lwn* AC Milan
Inter Milan *lwn* AS Monaco
SK Strum Graz *lwn* RB Leipzig
RB Salzburg *lwn* Atletico Madrid
Sporting Lisbon *lwn* Bologna
VfB Stuttgart *lwn* Paris Saint-Germain

** Semua perlawanan bermula jam 4 pagi*

LIGA PERDANA INGGERIS

KEDUDUKAN

	P	M	S	K	J	B	Mt
1. Liverpool	22	16	5	1	54	21	53
2. Arsenal	23	13	8	2	44	21	47
3. Nottingham Forest	23	13	5	5	33	27	44
4. Manchester City	23	12	5	6	47	30	41
5. Newcastle United	23	12	5	6	41	27	41
6. Chelsea	23	11	7	5	45	30	40
7. Bournemouth	23	11	7	5	41	26	40
8. Aston Villa	23	10	7	6	34	35	37
9. Brighton and Hove Albion	23	8	10	5	35	31	34
10. Fulham	23	8	9	6	34	31	33
11. Brentford	23	9	4	10	42	40	31
12. Manchester United	23	8	5	10	28	32	29
13. Crystal Palace	23	6	9	8	26	30	27
14. West Ham United	23	7	6	10	28	44	27
15. Tottenham Hotspur	23	7	3	13	46	37	24
16. Everton	22	5	8	9	19	28	23
17. Leicester City	23	4	5	14	25	49	17
18. Wolverhampton Wanderers	23	4	4	15	32	52	16
19. Ipswich Town	23	3	7	13	21	47	16
20. Southampton	23	1	3	19	16	53	6



Salah belum mencapai kata putus dengan Liverpool mengenai kontrak baharunya di kelab itu.

Rundingan kontrak Salah, Liverpool masih buntu

MOHAMED Salah dilaporkan menolak kontrak baharu daripada Liverpool selepas *The Reds* mahu mengurangkan terma syarat kontrak sedia ada.

Portal berita Mesir, *Masrawy* melaporkan bahawa *Reds* bimbang untuk menawarkan Salah kontrak dua atau tiga tahun dengan syarat yang sama berdasarkan perjanjian sekarang.

Menurut sumber kepada *Masrawy* itu, Liverpool bersedia menawarkan pemain Mesir itu kontrak dua atau tiga tahun jika dia bersetuju melakukan pemotongan gaji di kelab itu.

Ia sekali gus menyaksikan masih tiada persetujuan baharu dicapai oleh kedua-dua pihak menjelang kontrak Salah yang berakhir pada Jun ini.

Difahamkan, menjadi dasar Liverpool untuk berhati-hati ketika menandatangani dan menawarkan pembaharuan kontrak kepada pemain berusia lebih 30 tahun.

Jadi, tidak hairanlah rundingan menemui jalan buntu memandangkan Salah akan berusia 33 tahun apabila perjanjian semasanya tamat dengan dia pemain dengan gaji tertinggi *Reds*.

Malah, Salah sendiri mahukan tempoh kontrak yang lebih panjang berbanding tempoh setahun ditawarkan Liverpool.

Salah menunjukkan prestasi cemerlangnya musim ini apabila meledak 23 gol dan 17 bantuan jaringan dalam 32 penampilan dalam semua pertandingan.

Villa sukar pertahan jaringan awal

UNAI Emery menyaksikan skuad Aston Villanya diikat 1-1 ketika melayan kunjungan West Ham United dalam aksi Liga Perdana Inggeris di Stadium Villa Park.

Pemain Villa, Jacob Ramsey meletakkan tuan rumah di depan dengan gol awal minit kelapan menguasai separuh masa pertama, namun gagal tampil sebagai pemenang.

Kegagalan melebarkan jaringan menyaksikan *The Hammers* bangkit menyamakan kedudukan menerusi Emerson pada minit ke-70.

"Kami bermula sangat baik dan mendominasi serta tampil mengagumkan.

"Tetapi realitinya dalam 90 minit dengan hanya satu gol, kami masih sukar untuk mengekalkannya dalam perlawanan ini," kata pengendali Villa tersebut.

Sinar Harian
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

'Kami lebih *solid*'

Oleh ZURAIMEE ZAINAL

Juara acara beregu lelaki Indonesia Masters, Tee Kai Wun-Man Wei Chong mengakui kejayaan merangkul kejuaraan Siri Jelajah Persekutuan Badminton Dunia (BWF) Super 500 adalah hasil persembahan bertenaga mereka.

"Perlawanan akhir hari ini (Ahad) kami lebih *solid* kerana tiada sebarang tekanan diberikan kepada kami.

"Jadi dari situ kami dapat menampilkan *game plan* sebenar kami dengan memberi tekanan kepada pemain lawan," kata Kai Wun.

Kai Wun-Wei Chong sebelum itu mencipta sensasi apabila menewaskan gandingan Indonesia, Fajar Alfian-Muhammad Rian Ardianto dalam perlawanan akhir Super 500 itu.

Kai Wun-Wei Chong tampil lebih garang apabila mengambil masa 38 minit untuk menewaskan Fajar Alfian-Muhammad Rian, *straight set* 21-11, 21-19.

Sebagai rekod, pertemuan kedua-dua beregu itu sebelum ini memihak kepada gandingan dari Indonesia dengan empat kemenangan.

Ditanya mengenai perjalanan karier selepas Indonesia Masters berkenaan, Wei Chong mengakui perjalanan masih jauh kerana perlu menyaingi dua lagi beregu utama negara, Goh Sze Fei-Nur Izuddin Rumsani dan Aaron Chia-Soh Wooi Yik.

"Kemenangan ini tidak seharusnya menyebabkan kami dibuai kejayaan sebaliknya perlu segera bangkit untuk memulakan episod baharu di setiap kejohanan.

"Sejujurnya, kami berdua tak fikir banyak mengenai perjalanan 2025 kerana kami tahu Malaysia mempunyai ramai pemain beregu yang baik.

"Jadi, setiap kali masuk ke gelanggang, ia merupakan hari baharu memerlukan kami berikan yang terbaik dan berjuang untuk Malaysia," katanya yang mengakui perlu melakukan penambahbaikan untuk lebih konsisten.

PENCAPAIAN MAN WEI CHONG-TEE KAI WUN DI PENTAS SIRI JELAJAH DUNIA (BWF)

JUARA	Indonesia Masters 2025 (Super 500)
JUARA	Terbuka Taiwan 2023 (Super 300)
JUARA	Terbuka Taiwan 2022 (Super 300)
JUARA	Kejuaraan Antarabangsa Syed Modi (Super 300)
NAIB JUARA	Terbuka Indonesia 2024 (Super 1000)
NAIB JUARA	Malaysia Masters 2023 (Super 500)
NAIB JUARA	Terbuka Artik 2024 (Super 500)

FOTO: AFP



Wei Chong-Kai Wun meraikan kejayaan menewaskan Fajar Alfian-Muhammad Rian dalam perlawanan akhir Indonesia Masters di Stadium Istora, Jakarta.

Rupanya Malaysia ramai 'grandmaster' muay thai, sindir Jojo

JAGUH muay thai negara, Muhammad Johan Ghazali Zulfikar menyindir sesetengah pihak yang mengkritiknya selepas kekalahan kepada bintang Colombia, Johan Estupinan dalam pertarungan ONE 170 di Impact Arena, Bangkok, Thailand pada Jumaat lalu.

Johan atau lebih dikenali sebagai Jojo berkata, Malaysia mempunyai ramai 'pakar' dalam sukan muay thai yang tidak berpuas hati dengan persembahannya.

"Lepas Jojo lawan hari itu, Jojo baru sedar yang Malaysia mempunyai ramai *grandmaster* yang sangat pakar dalam sukan muay thai ini.

"Minta maaf ya semua '*coach*' sosial media yang tidak puas hati dengan prestasi Jojo. Insya-ALLAH lain kali saya pegi berlatih dengan anda sahaja," katanya di laman Instagram miliknya.

Dalam pertarungan itu, Johan menampilkan aksi bertenaga dalam tiga pusingan flyweight tersebut, sebelum tewas menerusi keputusan pengadil.

Ia sekali gus menjadi kekalahan kedua buat petarung berusia 18 tahun dari Sarawak itu daripada lapan penampilan di pentas ONE Championship.

Bagaimanapun, Johan tetap mengucapkan terima kasih kepada peminat yang sentiasa berada di belakangnya walaupun dalam apa jua situasi yang dihadapinya.

Beliau juga berterima kasih dengan peminat yang memberikan sokongan selain turut menganggap segelintir kritikan terhadapnya itu menjadi motivasi untuk dia bangkit lebih kuat.



"Tetapi yang paling penting sekali Jojo nak ucapkan terima kasih kepada semua penyokong Jojo. Anda yang sentiasa menjadi motivasi kepada Jojo dan Jojo sangat bersyukur kepada anda semua.

"Kadang-kadang Jojo terlalu fokus pada perkara negatif dan Jojo terlupa dengan apa yang Jojo ada. Terima kasih, demi penyokong, saya akan bangkit," katanya.

Rexy titipkan pesanan buat Wei Chong-Kai Wun

SENTIASA merendah diri, bekerja keras, kekal konsisten dan menyematkan mentaliti kemenangan, antara ciri-ciri yang menjadi kunci untuk pasangan beregu lelaki negara yang juga juara Indonesia Masters, Man, Wei Chong-Tee Kai Wun terus melakar lebih banyak kejayaan.



REXY

Pengarah Kejurulatihan Akademi Badminton Malaysia (ABM), Rexy Mainaky berharap Wei Chong dan Kai Wun sentiasa merendah diri sambil meneruskan latihan bersungguh-sungguh.

"Jika dilihat permainan mereka daripada pusingan pertama hingga ke final Indonesia Masters, mereka bermain dengan sangat yakin," katanya.

Dalam pada itu, Rexy mengakui nasib kurang menyebelahi beregu wanita nombor satu negara, Pearly Tan-M Thinaah apabila gandingan Korea Selatan, Kim Hye-jeong-Kong Hee-yong menafikan peluang mereka untuk membawa pulang gelaran pertama.

Rexy berkata, walaupun Pearly-Thinaah bermain dengan baik namun terdapat ketika kelihatan teragak-agak pada set penentuan, sekali gus membolehkan Hye-jeong-Hee-yong menggunakan peluang berkenaan.

Pakar beregu itu juga berpuas hati dengan prestasi keseluruhan skuad negara termasuk bekas juara dunia beregu lelaki 2022, Aaron Chia-Soh Wooi Yik yang kecundang kepada Wei Chong-Kai Wun,18-21, 15-21 pada separuh akhir.

"Prestasi pemain kita di Indonesia Masters 2025 sangat baik dan harap mereka terus konsisten," katanya.

Kembali main Liga Semi-Pro

Oleh ZURAIMEE ZAINAL

Pemerhati bola sepak tempatan, Mohd Sadek Mustafa menyarankan supaya kelab Liga Super, Kedah Darul Aman FC (KDA FC) dibubarkan sebagai usaha menyelesaikan kemelut kewangan berpanjangan yang melanda skuad Kenari itu.



MOHD SADEK

Malah jelas Sadek, pendekatan itu dilihat adalah lebih baik bagi membolehkan kelab tersebut beraksi dalam saingan separuh profesional (Semi-Pro) iaitu Liga A1 anjuran Liga Bolasepak Amatur (AFL).

"Apa yang perlu dibuat sekarang adalah membubarkan Kedah Darul Aman FC, kemudian Kedah bermain dalam saingan Liga Semi-Pro.

"Pendekatan secara tidak langsung akan membolehkan Kedah kembali di bawah persatuan bola sepak negeri yang diterajui presiden yang juga menteri besar.

"Ini juga lebih baik dari aspek pengurusan dan kebajikan pemain, jurulatih dan pengurusan pasukan. Biarlah tak papa dan tak kaya, tapi rezeki berpanjangan," katanya kepada *Sukan Sinar*.

Kerajaan Negeri Kedah melalui Persatuan Bolasepak Kedah (KFA) sebelum ini disaran perlu menguruskan kembali skuad Kenari bagi mengembalikan era kegemilangan skuad Hijau Kuning di pentas saingan bola sepak negara

Bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, KFA dan Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor perlu bertanggungjawab serta membantu KDA FC yang sedang berdepan masalah.

Pada masa sama jelas pensyarah Kanan Fakulti Sains Sukan UiTM Shah Alam itu, adalah tidak adil untuk menyalahkan kerajaan negeri sekiranya tidak membantu skuad Hijau Kuning berkenaan.



KFA, MB Kedah perlu bertanggungjawab bantu KDA FC

Laporan *Sukan Sinar* pada Isnin.

"Semua harus faham dalam era bola sepak profesional (FC) ia bukan tanggungjawab menteri besar sebab ia adalah hak milik entiti perniagaan dan bukan juga syarikat berkaitan kerajaan negeri (GLC).

"Sekiranya, kerajaan negeri tidak memberikan bantuan maka tidak boleh menyalahkan mereka kerana ada tanggungjawab lain yang lebih besar iaitu terhadap rakyat Kedah," katanya.

LIGA SUPER

KEDUDUKAN

	P	M	S	K	J	B	Mk
1. Johor Darul Ta'zim	18	16	17	0	64	7	52
2. Selangor FC	18	12	3	3	31	14	39
3. Sabah FC	17	10	2	5	34	26	32
4. Terengganu FC	16	6	6	4	20	17	24
5. Perak FC	18	6	4	8	32	31	22
6. Kuching City FC	15	5	6	4	21	20	21
7. PDRM FC	17	5	6	6	20	23	21
8. Kedah Darul Aman	17	6	5	6	17	27	20
9. Kuala Lumpur City	17	7	3	7	26	23	18
10. Sri Pahang FC	16	3	7	6	19	25	16
11. Penang FC	18	3	7	8	19	30	16
12. Negeri Sembilan FC	17	2	3	12	17	39	9
13. Kelantan Darul Naim	18	2	1	15	12	50	7

*Kedah dikenakan pemotongan tiga mata
*Kuala Lumpur City dikenakan pemotongan enam mata

'Terima kasih pemain sanggup datang bermain'

PENOLONG pengendali Kelantan Darul Naim (KDN) FC, Rezal Zambery Yahya tidak menyalahkan pemain-Kijang Emas walaupun dibelasah Perak FC, 0-7 di Manjung.

Sebaliknya, Rezal Zambery berterima kasih kepada pemain yang sanggup bermain menentang Perak biarpun kelab pantai timur itu berdepan masalah tunggakan gaji.

Jelasnya lagi, pasukan juga telah lama tidak berlatih bersama dan beliau hanya berjumpa pemain sehari sebelum perlawanan.

"Seperti yang kita tahu keadaan pasukan tidak begitu baik. Saya pun baru jumpa pemain semalam dan kita sudah tidak menjalani latihan bersama sudah lama.

"Saya akui keadaan (kecergasan) pemain juga tidak begitu baik. Kita bermain dengan pasukan bagus seperti Perak, cuba untuk bertahan, mengurangkan defisit jaringan, tetapi ia tidak berlaku.

"Apapun saya memberikan penghargaan kepada pemain yang sanggup datang bermain," katanya selepas perlawanan.

KDN FC sebelum ini didakwa berdepan isu tunggakan gaji menyaksikan pemain memboikot latihan pasukan.

Sementara itu, Rezal memuji kesungguhan pemain untuk memberikan saingan kepada Perak walaupun gawang pelawat dibolosi tiga gol dalam tempoh 24 minit perlawanan.

"Selepas gol tersebut pemain masih boleh memberikan saingan dan beberapa saingan kita dapat lakukan.

FOTO: BERNAMA



Pemain Perak, Muhammad Nur Azfar Fikri Azhar (kanan) diasak pemain Kelantan dalam aksi Liga Super di Manjung.

"Masuk separuh masa kedua, kita tahu kondisi pemain macam mana dan terpaksa buat beberapa pertukaran pemain untuk seimbangkan perlawanan.

"Tetapi, Perak sentiasa menggunakan kesempatan hasil peluang yang mereka cipta untuk jaringkan gol," katanya.

Yusri tuntut Perak kekal momentum

PENGENDALI Perak FC, Yusri Che Lah mampu tersenyum lebar selepas menyaksikan *The Bos Gaurus* menang bergaya 7-0 ke atas Kelantan Darul Naim FC (KDN FC) pada aksi Liga Super di Stadium Majlis Perbandaran Manjung.

Clayton Da Silva cemerlang meledak empat gol selain masing-masing satu daripada kapten Luciano Guaycochea, Adilet Kanybekov dan Tommy Mawat Bada untuk memastikan Perak naik ke tangga kelima liga dengan mengumpul 22 mata.

Malah, tanpa berselindung Yusri berpuas hati dengan prestasi keseluruhan pemainnya yang memanfaatkan peluang beraksi dengan baik bagi memperbaiki kedudukan liga.

"Tahniah kepada pemain kerana telah menggunakan peluang tanpa melepaskan sebarang gol pada pihak lawan sebaliknya berjaya mencipta lebih banyak jaringan.

"Saya harap pemain kekalkan momentum kemenangan ini kerana masih terdapat beberapa perlawanan penting yang lebih sukar untuk kita harungi musim ini," katanya.

Fandi kecewa Pahang gagal manfaatkan peluang di Temerloh

FANDI Ahmad meluahkan kekecewaannya selepas Sri Pahang sekadar meraih keputusan seri 1-1 ketika menentang Kuala Lumpur City dalam aksi Liga Super di Stadium Majlis Perbandaran Temerloh pada Ahad.

Malah pengendali Tok Gajah itu menegaskan banyak peluang gagal disempurnakan pemain tuan rumah menyaksikan mereka kempunan tiga mata penting di laman sendiri.

Bekas legenda Singapura itu juga turut menyifatkan keadaan permukaan padang yang kurang memuaskan akibat hujan lebat telah memberikan kesan kepada persembahan pasukannya.

"Terus terang saya hampa, mungkin pemain pun sama. Kita cipta peluang tetapi gagal sudahkan. Setidaknya tiga gol kita boleh jaringkan pada babak pertama.

"Hari ini bukan masalah taktikal, tetapi kita (seperti) tidak main bola, sebaliknya kita main ragbi. Tendang dan lari, tendang dan lari. Dengan keadaan padang macam ini kita tidak boleh main hantaran bawah dan perlu main bola tinggi. Ia sedikit memberikan masalah," katanya selepas perlawanan.

Tok Gajah terlebih dulu ketinggalan menerusi jaringan Kenny Pallraj penghujung separuh masa pertama sebelum Stefano Brundo menyamakan kedudukan menerusi penalti pada minit ke-79.

Fandi juga menyifatkan kurang disiplin dalam kalangan pemain Tok Gajah juga menjadi punca utama pasukan tuan rumah dibolosi lawan.

"Kita ada pakar analisis yang membuat analisis situasi bola mati. Namun, ada pemain tak jalankan tugas begitu juga senarai nama siapa jaga siapa tetapi kita kurang disiplin," katanya.

FOTO: SRI PAHANG FC



Keadaan padang mengundang masalah kepada pemain kedua-dua pasukan.

Sukan Sinar
AKSI / BERITA / TERKINI
sinarharian.com.my
sinarharian.com.my SinarHarian sinarharian



38

JOJO SINDIR 'PENGKRITIK PAKAR'

Petarung muay thai muda negara, Muhammad Johan Ghazali Zulfikar atau lebih dikenali Jojo menyindir segelintir yang disifatkannya 'pengkritik pakar' selepas kekalahannya kepada bintang Colombia, Johan Estupinan dalam pertarungan ONE 170 di Impact Arena, Bangkok, Thailand pada Jumaat lalu.

FOTO: XINHUA



- Juara acara beregu lelaki Indonesia Masters, Man Wei Chong-Tee Kai Wun menyifatkan faktor tiada tekanan membolehkan mereka menjulang kejuaraan Siri Jelajah Persekutuan Badminton Dunia (BWF) berkenaan.
- Di sebalik kejayaan menjinakkan beregu pilihan tuan rumah, Fajar Alfian-Muhammad Rian Ardianto *straight set*, pasangan ranking 13 dunia itu mengakui masih terdapat perkara yang perlu ditambah baik dalam memastikan mereka tampil lebih konsisten selepas ini.
- Tumpuan Wei Chong-Kai Wun selepas ini adalah mengalas cabaran pasukan negara dalam Kejohanan Berpasukan Campuran Badminton Asia (BAMT) 2025 yang akan berlangsung di China bulan depan.

TIADA TEKANAN





Martinez meraikan jaringan bersama Collyer dan pemain United lain selepas meledak gol tunggal *Red Devils*.

MARTINEZ PUJI IMPAK BESAR COLLYER

LISANDRO Martinez memuji sumbangan besar diberikan Toby Collyer selepas Manchester United meraih kemenangan tipis 1-0 ke atas Fulham dalam aksi Liga Perdana Inggeris di Stadium Craven Cottage.

Martinez melengkapkan persembahan cemerlangnya apabila menjaringkan gol minit ke-78 juga jaringan keduanya musim ini untuk tiga mata berharga *The Red Devils*.

Collyer, yang masuk minit ke-76 memberikan impak besar dengan menyelamatkan gawang United daripada dibolosi apabila tandukannya di atas garisan gol mengeluarkan bola bagi memastikan pasukan pelawat pulang dengan kegembiraan.


Red Devils bimbingan Ruben Amorim tampil ke laman *The Cottagers* dengan misi mencari kemenangan keempat liga sejak menggantikan Erik ten Hag pada November lalu.

"Saya gembira cara United memenangi perlawanan. Tidak kira siapa menjaringkan gol, paling penting tiga mata.

"Saya juga gembira kerana pemain ini (Collyer), contoh yang baik untuk generasi muda, bekerja keras setiap hari dan sangat merendah diri," kata Martinez.

MULA SEMULA DARI LIGA SEMI-PRO

39



SINAR HARIAN dicetak oleh Ultimate Print Sdn. Bhd. dan diterbitkan oleh Sinar Karangkraf Sdn. Bhd. sinarharian.com.my SinarOnline SinarHarian SinarHarian sinarharian